

Perkembangan Ekonomi pada Tahun 2008

3 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa pada Tahun 2008
7 Ekonomi Malaysia pada Tahun 2008
11 Keadaan Permintaan Dalam Negeri pada Tahun 2008
14 *Rencana: Pola Pelaburan Negara-negara pada Peringkat Pembangunan yang Berbeza*
19 Kajian Mengikut Sektor
26 *Rencana: Impak Perkembangan Harga Komoditi*
34 Sektor Luar Negeri
42 *Rencana: Daya Tahan Sektor Luaran: Perspektif Kedudukan Kewangan Antarabangsa*
49 Perkembangan Pasaran Pekerja
52 Perkembangan Harga
56 *Rencana: Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana*

Perkembangan Ekonomi pada Tahun 2008

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA PADA TAHUN 2008

Ekonomi global mengalami dua tempoh yang nyata berbeza pada tahun 2008. Pada separuh tahun pertama, ekonomi di seluruh dunia menghadapi tekanan inflasi yang ketara berikutan kenaikan mendadak harga minyak, makanan dan komoditi lain. Walau bagaimanapun, keadaan ini bertukar menjadi kebimbangan terhadap kemelut pasaran kewangan antarabangsa yang bertambah buruk dan makin merebak serta impak penguncupannya terhadap pertumbuhan ekonomi. Ekonomi global mengekalkan pertumbuhannya pada separuh pertama tahun 2008, terutamanya disebabkan oleh prestasi ekonomi sedang pesat membangun yang kukuh manakala ekonomi maju, khususnya Amerika Syarikat (AS), mengalami pertumbuhan yang lebih sederhana.

Kebimbangan ekonomi global terhadap inflasi pada separuh pertama tahun 2008 telah bertukar kepada kebimbangan terhadap kemerosotan pertumbuhan yang ketara pada separuh kedua tahun tersebut berikutan krisis kewangan global yang makin meruncing

Ekonomi sedang pesat membangun dan ekonomi sedang membangun terus mengekalkan momentum pertumbuhan global pada separuh pertama dengan diterajui oleh RR China dan India. Pada mulanya masalah kewangan yang bertambah buruk di ekonomi maju menyebabkan dana pelaburan mengalir keluar daripada sekuriti gadai janji dan ekuiti kepada komoditi, lantas mengakibatkan harga minyak dan komoditi lain mencatat paras tertinggi menjelang pertengahan tahun. Keadaan ini kemudiannya menyebabkan peningkatan tekanan inflasi tolakan kos di seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi global telah bertukar hala pada separuh kedua tahun 2008, apabila krisis kewangan terus menyebabkan kegagalan sistemik bagi sistem kewangan. Kebimbangan terhadap tekanan inflasi yang melanda pada separuh pertama bertukar dengan pantas menjadi ancaman penguncupan ekonomi apabila kemelut kewangan global yang bertambah buruk dan luluh kredit (credit crunch) yang tercetus kemudiannya menyebabkan ekonomi maju mengalami kemelesetan secara serentak. Kesannya terhadap ekonomi sedang pesat membangun dapat dilihat menjelang akhir tahun itu. Ekonomi Asia yang lebih terbuka

Jadual 1.1
Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (%)		Inflasi (%)	
	2007	2008*a*	2007	2008*a*
Pertumbuhan Dunia	**5.2**	**3.4**	**–**	**–**
Perdagangan Dunia	**7.2**	**4.1**	**–**	**–**
Ekonomi Maju Utama				
Amerika Syarikat	2.0	1.1	2.9	3.8
Jepun	2.4	-0.6	0.0	1.4
Kawasan euro	2.4	0.8	2.1	3.3
United Kingdom	3.0	0.7	2.3	3.6
Asia Timur	**10.0**	**6.5**	**4.1**	**6.0**
NIEs Asia[1]	**5.6**	**1.7**	**2.2**	**4.5**
Korea	5.0	2.5	2.5	4.7
China Taipei	5.7	0.1	1.8	3.5
Singapura	7.8	1.1	2.1	6.5
Hong Kong SAR[2]	6.4	2.5	2.0	4.3
Republik Rakyat China	**13.0**	**9.0**	**4.8**	**5.9**
ASEAN[3]	**6.2**	**4.4**	**3.8**	**7.9**
Malaysia	6.3	4.6	2.0	5.4
Thailand	4.9	2.6	2.3	5.5
Indonesia	6.3	6.1	6.3	10.2
Filipina	7.2	4.6	2.8	9.3
India[4,5]	9.1	7.0	4.6	3.0

[1] Negara-negara Perindustrian Baharu Asia
[2] Inflasi merujuk kepada indeks harga komposit
[3] Termasuk Singapura
[4] Pertumbuhan KDNK benar berdasarkan tahun fiskal
[5] Inflasi merujuk kepada indeks harga pemborong
a Anggaran
Sumber : Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran BNM

mengalami kemelesetan yang didorong eksport, manakala pertumbuhan di ekonomi-ekonomi lain mengalami penyederhanaan yang ketara. Keadaan kewangan dan ekonomi global yang mengalami kemerosotan yang ketara telah mempercepat pembetulan dalam harga komoditi, dan seiring dengan keadaan permintaan yang cepat menguncup, mengakibatkan tekanan inflasi yang melanda seluruh ekonomi global menjadi reda.

Masalah kewangan yang dihadapi institusi kewangan AS berpunca daripada kemerosotan aset subprima apabila sektor perumahan yang merudum pada pertengahan tahun 2007 merebak sehingga menjadi krisis kewangan sistemik antarabangsa yang besar dan buruk menjelang akhir tahun 2008. Krisis yang bermula sebagai masalah dalam sistem kewangan AS ini telah merebak dengan pantas menjadi krisis kewangan global apabila ia merebak dengan cepat ke semua segmen pasaran kewangan dalam ekonomi maju, dan juga merebak dengan pantas ke ekonomi sedang pesat membangun. Pada peringkat permulaan krisis, tumpuan utama pihak berkuasa ekonomi maju yang besar ialah menangani masalah mudah tunai dalam sistem kewangan. Walau bagaimanapun, kegagalan sebilangan institusi kewangan AS yang besar dan mempunyai kepentingan sistemik pada bulan September 2008 menyebabkan hilang keyakinan secara meluas di seluruh pasaran kewangan global, lalu mengakibatkan pasaran kredit dan pasaran antara bank dalam ekonomi maju lumpuh dan tidak dapat beroperasi. Spread kredit meningkat kepada paras tidak normal dan mudah tunai pula amat berkurang dalam kebanyakan pasaran dalam sistem kewangan. Ini mengakibatkan kesukaran pendanaan dan kemerosotan nilai aset kewangan yang cepat dan mengancam kesolvenan banyak institusi kewangan besar. Oleh itu, kerajaan di ekonomi negara-negara maju mengambil langkah intervensi untuk menyuntik mudah tunai dan modal dalam kuantiti yang besar bagi mengukuhkan kedudukan kewangan institusi kewangan yang terbabit. Pada masa yang sama, langkah-langkah penting telah diambil untuk memulihkan fungsi pasaran kredit melalui pembelian langsung secara agresif pelbagai instrumen kewangan dan skim jaminan. Pada peringkat antarabanga, program swap mata wang secara besar-besaran antara Federal Reserve dengan beberapa bank pusat utama di dunia dilaksanakan untuk mengurangkan keadaan mudah tunai dolar AS yang ketat di peringkat global.

Meskipun langkah kewangan yang terbesar dan agresif dalam sejarah diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani pasaran kewangan yang merudum, namun pasaran kewangan terus mengalami ketidaktentuan yang ketara manakala pasaran kredit terus tidak berfungsi. Krisis pasaran kewangan yang makin meruncing kemudiannya memberikan kesan kepada ekonomi benar, apabila luluh kredit dan kemerosotan nilai aset menyumbang kepada penguncupan aktiviti ekonomi benar dengan mendadak dan pantas. Pemodalan pasaran saham global merosot sebanyak 45% kepada USD29 trilion pada tahun 2008 (akhir tahun 2007: USD53 trilion). Kemusnahan besar kekayaan ini, yang bersamaan sebanyak 44% daripada KDNK dunia, menjejaskan dengan teruk perbelanjaan pengguna dan keupayaan sektor korporat untuk memperoleh modal atau membiayai semula peminjaman mereka yang sedia ada. Keyakinan pengguna dan perniagaan dalam ekonomi maju merosot dengan pantas, ekoran prospek ekonomi yang makin lemah, kedudukan kewangan yang lemah dan kesukaran untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan. Keadaan ini meningkatkan lagi tekanan terhadap kedudukan kewangan institusi kewangan berikutan peningkatan pinjaman tak berbayar. Bagi mengekang penguncupan yang ketara dalam aktiviti ekonomi dan kesan beralih balik yang negatif antara sistem kewangan dengan ekonomi benar, pihak berkuasa di beberapa negara mengambil langkah memperkenalkan pakej rangsangan fiskal yang besar dan pelonggaran monetari yang agresif serta suntikan kuantitatif mudah tunai secara terus ke dalam pasaran kewangan.

Di **AS**, meskipun menghadapi impak negatif daripada masalah sektor kewangan, KDNK benar mencatat pertumbuhan yang lebih baik daripada jangkaan sebanyak 2.3% pada separuh tahun pertama, disokong oleh suntikan sementara daripada rangsangan fiskal sebanyak USD168 bilion yang telah diperkenalkan pada bulan Februari 2008. Walau bagaimanapun, terdapat tanda-tanda bertambahnya tekanan dalam sistem kewangan AS, yang mendorong kepada kegagalan sebuah bank pelaburan utama AS pada bulan Mac. Federal Reserve bertindak secara agresif untuk mengurangkan kadar federal fund kepada 2% menjelang bulan April, dan pada

masa yang sama memperkenalkan kemudahan deposit dan pemberian pinjaman untuk menangani keyakinan yang semakin terhakis dalam sistem kewangan. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua tahun itu, apabila kemelut kewangan bertambah buruk dan merebak, impak penguncupan terhadap ekonomi benar dari segi magnitud telah meningkat, lalu mengakibatkan pertumbuhan KDNK benar mendatar pada separuh kedua tahun itu, dan menurunkan pertumbuhan keseluruhan kepada 1.1% pada tahun 2008. Sentimen pengguna terjejas teruk oleh kemerosotan harga rumah dan ekuiti serta kehilangan pekerjaan yang nyata sebanyak 3.1 juta. Harga rumah yang merosot dengan teruk, seiring dengan kejatuhan pasaran ekuiti, mendorong kepada kerugian kekayaan yang dianggarkan kira-kira USD11.2 trilion bagi isi rumah, mengakibatkan pengurangan seterusnya dalam peminjaman dan perbelanjaan isi rumah. Kemerosotan pelaburan, pada mulanya dalam pelaburan kediaman, telah meningkat pada separuh tahun kedua apabila pelaburan bukan kediaman juga mengalami kemerosotan buat pertama kali disebabkan oleh kemerosotan permintaan dan keuntungan, dan keadaan pembiayaan yang ketat. Lantaran itu, Federal Reserve mengambil langkah menurunkan kadar federal fund secara agresif sebanyak 175 hingga 200 mata asas kepada 0 – 0.25% sehingga bulan Disember. Federal Reserve juga mengambil langkah pelonggaran kuantitatif dalam usaha memulihkan semula pasaran kredit. Di samping itu, Perbendaharaan AS memperkenalkan Program Pemulihan Aset Bermasalah (Troubled Asset Relief Programme, TARP) berjumlah USD700 bilion untuk menyuntik semula modal dalam institusi kewangan yang bermasalah dan menyediakan sokongan mudah tunai untuk memulihkan pasaran bagi beberapa instrumen kewangan yang penting.

Di ekonomi maju lain, pertumbuhan ekonomi menjadi sederhana pada separuh pertama tahun 2008 setelah berkembang melebihi potensi selama dua tahun. Walau bagaimanapun, ekonomi maju lain turut mengalami kemelesetan serentak dengan AS pada separuh kedua apabila kemelut kewangan bertambah buruk. Pertumbuhan di **kawasan euro** juga menjadi sederhana pada separuh pertama, mencerminkan impak daripada eksport yang lebih perlahan terhadap ekonomi Jerman dan kesan negatif daripada pasaran perumahan yang merudum dalam kawasan ekonomi euro yang lain, seperti Sepanyol dan Ireland. Inflasi, yang berpurata sebanyak 3.5% pada separuh pertama, merupakan faktor utama yang menyokong keputusan European Central Bank (ECB) menaikkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas kepada 4.25% pada bulan Julai apabila harga komoditi terus meningkat. Walau bagaimanapun, kawasan euro mengalami kemerosotan untuk tiga suku tahunan berturut-turut pada suku keempat, mengesahkan bahawa ekonomi ini mengalami kemelesetan walaupun mencatat pertumbuhan yang lemah sebanyak 0.8% bagi keseluruhan tahun 2008. Institusi perbankan Eropah juga terjejas teruk disebabkan pendedahan kepada produk kredit dan derivatif subprima. Dengan kedudukan kewangan yang amat lemah, pemberian kredit kepada ekonomi benar susut, dengan itu memberikan impak terhadap permintaan dalam negeri. Bagi menghadapinya, ECB menurunkan kadar dasarnya kepada 2.5% sehingga bulan Disember dan mengambil langkah untuk memulihkan semula pasaran antara bank. Empat buah negara anggota terbesar di kawasan euro, iaitu Jerman, Perancis, Itali dan Sepanyol turut memperkenalkan rangsangan fiskal, antara 1.3% hingga 5.2% daripada KDNK, untuk menyokong ekonomi benar.

Sementara itu, di **United Kingdom** (UK), KDNK benar menjadi perlahan pada separuh pertama berikutan kelemahan dalam sektor pembinaan dan juga sektor perniagaan dan perkhidmatan kewangan. Meskipun harga komoditi yang lebih tinggi menyebabkan inflasi meningkat, Bank of England mengurangkan kadar pinjaman asas secara beransur-ansur dari bulan Febuari 2008 sebagai tindak balas terhadap kelemahan-kelemahan yang timbul dalam sektor kewangan apabila institusi

Rajah 1.1
Pergerakan Terkumpul Kadar Faedah Rasmi Sejak Tahun 2008



Nota: Kadar faedah dalam kurungan adalah pada pertengahan bulan Mac 2009

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

kewangan dilanda oleh kemungkiran gadai janji yang meningkat akibat pasaran perumahan yang merudum. Pada separuh kedua, KDNK benar merosot sebanyak 0.8% apabila pasaran perumahan yang merudum dan luluh kredit mengakibatkan kegagalan salah sebuah pemberi pinjaman gadai janji yang terbesar pada bulan September 2008 dan pembekuan saluran kredit oleh sistem perbankan. Krisis kredit menyebabkan permintaan dalam negeri lebih lemah kerana isi rumah dan firma mengalami kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan. Bagi mengatasinya, Bank of England mengurangkan kadar dasarnya kepada 2% sehingga akhir tahun 2008, iaitu paras terendah sejak tahun 1951, manakala Kerajaan melaksanakan dua pakej menyelamat bank untuk memulihkan semula sistem kewangan yang terjejas. Selain itu, Kerajaan mengumumkan rangsangan fiskal sebanyak 1.6% daripada KDNK untuk mengurangkan impak terhadap ekonomi benar.

Pada separuh pertama tahun 2008, sumbangan positif daripada eksport bersih dan penggunaan swasta menyokong pertumbuhan ekonomi **Jepun** sebanyak 1%. Bank of Japan mengekalkan kadar dasarnya pada 0.5% walaupun inflasi mencapai paras tertingginya sebanyak 2.3% dalam tempoh sedekad. Walau bagaimanapun, KDNK benar menguncup pada separuh kedua, menurunkan pertumbuhan ekonomi pada tahun itu kepada -0.6% apabila ekonomi mengalami kemelesetan berikutan kemerosotan eksport yang mendadak. Bank of Japan mengambil langkah mengurangkan kadar dasarnya kepada 0.1%, manakala Kerajaan mengumumkan beberapa siri pakej rangsangan fiskal dan kewangan untuk menstabilkan sektor kewangan dan mengurangkan impak terhadap sektor benar.

Jadual 1.2
Rangsangan Fiskal di Ekonomi Terpilih

	Jumlah (USD bn)	% daripada KDNK
Ekonomi Maju		
Amerika Syarikat	787	5.5
Kawasan euro[1]	271	2.3
United Kingdom	31	1.6
Jepun	116	2.4
Ekonomi Serantau		
Republik Rakyat China	586	13.3
Singapura	13.7	8.0
China Taipei	24.3	6.2
Filipina	6.3	4.0
Thailand	10.0	3.3
Indonesia	6.1	1.5
Korea	15.0	2.3
Malaysia	18.1	9.5
Hong Kong SAR	1.4	0.7

[1] Merujuk kepada Jerman, Perancis, Itali & Sepanyol

Nota: Sehingga pertengahan bulan Mac 2009

Sumber: Pihak Berkuasa Negara, anggaran BNM

Di **rantau Asia**, pertumbuhan terus kukuh pada separuh pertama, disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan prestasi eksport yang terus menggalakkan, khususnya ke pasaran bukan AS dan pertumbuhan perdagangan serantau. Yang ketara, **RR China** terus berkembang dengan kukuh sebanyak 10.4% pada separuh pertama tahun 2008, berikutan prestasi permintaan dalam negeri dan eksport yang teguh. Negara-negara pengeksport komoditi mendapat banyak manfaat daripada kedudukan yang baik bagi kadar syarat perdagangan, hasil daripada harga komoditi yang tinggi. Bagi mengatasi inflasi dalam negeri yang makin meningkat, beberapa pihak berkuasa di rantau ini telah mengetatkan dasar monetari di samping memperkenalkan langkah fiskal, termasuk menambah subsidi, memberikan rebat cukai serta menurunkan bil utiliti dan tarif import, untuk mengurangkan impak kenaikan harga makanan dan bahan api terhadap orang ramai. Apabila keadaan kewangan dan ekonomi di negara maju merosot dengan mendadak pada separuh kedua tahun 2008, kesannya terhadap ekonomi-ekonomi Asia mula dirasai. Eksport dari ekonomi serantau mengalami kejatuhan mendadak dan pengeluaran perindustrian merosot menjelang akhir tahun itu. Ekonomi pengeksport komoditi juga terjejas oleh kemerosotan mendadak dalam harga komoditi. Walaupun sistem perbankan di rantau ini dalam keadaan kukuh, namun proses pembayaran balik hutang global dan kemelesetan yang kian mendalam di ekonomi maju mendorong kepada kejatuhan pasaran ekuiti serantau, aliran keluar modal portfolio yang besar dan mata wang serantau yang kian lemah berbanding dengan dolar AS. Pelaburan langsung asing turut menjadi amat sederhana. Dalam keadaan ini, pertumbuhan rantau ini secara keseluruhannya menjadi lebih sederhana pada separuh tahun kedua. Ekonomi perindustrian baharu Asia (Newly industrialised

Asian economies, NIEs) secara berkumpulan mengalami kemelesetan manakala RR China mencatatkan pertumbuhan suku tahunan yang paling rendah sejak tahun 2001 pada suku keempat 2008.

Inflasi global berada pada trend menaik pada separuh pertama tahun 2008, didorong oleh kenaikan mendadak harga makanan, minyak dan pelbagai jenis komoditi. Antara bulan Januari hingga Julai, harga minyak mentah meningkat kira-kira 50% untuk mencatat paras tertinggi sebanyak USD147 setong. Kenaikan harga komoditi ini sebahagian besarnya disebabkan pembelian oleh dana institusi, diperkukuh oleh permintaan asas yang teguh dari ekonomi sedang pesat membangun yang besar. Kekangan bekalan, termasuk penggunaan tanaman makanan tertentu untuk pengeluaran biofuel mengukuhkan kenaikan trend harga. Walau bagaimanapun, pada separuh kedua, krisis kewangan yang makin mendalam, yang mengakibatkan aliran keluar dana daripada pasaran komoditi serta perkembangan ekonomi yang buruk di ekonomi maju mendorong kepada pembetulan harga komoditi dengan pesat dan mendadak. Yang ketara, harga minyak mentah jatuh kira-kira 70% daripada harga puncaknya kepada USD44 pada akhir tahun 2008. Selain itu, harga komoditi lain dan bahan makanan juga merosot pada paras yang berlainan, sejajar dengan kejatuhan harga minyak. Dengan keadaan permintaan yang lebih lemah dan harga komoditi yang merosot, tekanan inflasi menjadi reda dengan ketara di seluruh dunia menjelang akhir tahun 2008.

Rajah 1.2
Harga Komoditi Utama



Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa

Dalam **pasaran pertukaran asing,** dolar AS memulakan tahun pada kadar pertukaran yang lebih lemah kerana mengalami susut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang, terutamanya dipengaruhi oleh prospek kelembapan ekonomi yang lebih nyata di AS dan penurunan kadar faedah oleh Federal Reserve. Dolar AS secara relatifnya stabil dari bulan April hingga Julai dengan jangkaan bahawa pelonggaran monetari yang agresif di AS akan menyokong proses pemulihan. Namun begitu, dari bulan Julai dan seterusnya, dolar AS mula menambah nilai dengan mendadak berbanding dengan kebanyakan mata wang, kecuali yen, berikutan proses pembayaran balik hutang global yang meluas oleh institusi kewangan dan para pelabur, yang mendorong kepada penjualan besar pendedahan mereka dalam ekuiti dan bon Asia, dan dari pasaran yang mempunyai kadar hasil yang tinggi, seperti di Australia dan New Zealand. Paun sterling dan euro bertambah lemah berbanding dengan dolar AS apabila kemelut kewangan di AS merebak ke Eropah, lalu mendorong kepada jangkaan pelonggaran monetari yang agresif di Eropah. Di samping itu, mata wang serantau turut menyusut berbanding dengan dolar AS dari bulan Julai dan seterusnya apabila aktiviti pembayaran balik hutang di AS mengakibatkan berlakunya aliran keluar portfolio modal yang besar dari rantau ini.

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 2008

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% pada tahun 2008 meskipun berlaku kegawatan dalam kewangan antarabangsa dan kemerosotan ketara dalam persekitaran ekonomi global. Permintaan dalam negeri yang kukuh, terutamanya penggunaan swasta yang mampan dan perbelanjaan awam yang kukuh, menyokong pertumbuhan sepanjang tahun itu. Walaupun permintaan luar negeri kukuh pada separuh pertama tahun 2008, keadaan ekonomi global yang merosot dengan ketara dan mendadak serta pembetulan yang besar dalam harga komoditi pada separuh kedua tahun telah membawa kepada penguncupan prestasi eksport Malaysia pada bahagian akhir separuh kedua tahun itu. Memandangkan tahap keterbukaan ekonomi Malaysia yang tinggi, penguncupan eksport telah menjejaskan pendapatan dan permintaan dalam negeri. Aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta menjadi sederhana dengan ketara pada suku keempat tahun 2008.

Jadual 1.3: Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2006	2007	2008*a*	2009*r*
Penduduk (juta orang)	26.6	27.2	27.7	28.3
Tenaga kerja (juta orang)	11.5	11.8	12.0	12.1
Guna tenaga (juta orang)	11.2	11.4	11.5	11.5
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.3	3.2	3.7	4.5
Pendapatan Per Kapita (RM)	20,885	23,115	25,796	24,541
(USD)	5,694	6,724	7,738	6,812[7]
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2000[1]	5.8	6.3	4.6	-1.0 ~ 1.0
(RM bilion)	475.2	505.4	528.8	528.9
Pertanian, perhutanan dan perikanan	5.4	2.2	3.8	-2.0
Perlombongan dan kuari	-2.7	3.3	-0.8	-0.4
Perkilangan	7.1	3.1	1.3	-8.0
Pembinaan	-0.5	4.6	2.1	3.0
Perkhidmatan	7.3	9.7	7.3	4.5
PNK nominal	11.6	12.9	13.9	-2.9
(RM bilion)	556.4	628.1	715.3	694.8
PNK benar	7.1	6.1	2.9	1.8
(RM bilion)	454.6	482.2	496.1	504.9
Permintaan agregat benar[2]	6.6	9.8	6.9	2.9
Perbelanjaan swasta[2]	6.7	10.6	7.1	-0.3
Penggunaan	6.5	10.8	8.4	3.5
Pelaburan	7.5	9.8	1.5	-17.7
Perbelanjaan awam[2]	6.5	7.9	6.5	11.4
Penggunaan	4.9	6.6	11.6	7.3
Pelaburan	8.4	9.3	0.7	16.6
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	38.4	38.4	37.9	32.2
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Barangan	134.6	127.7	170.1	108.1
Eksport (f.o.b.)	589.7	605.9	664.2	495.8
Import (f.o.b.)	455.2	478.2	494.1	387.6
Imbangan perkhidmatan	-6.9	2.4	1.7	-0.9
(% daripada PNK)	-1.2	0.4	0.2	-0.1
Pendapatan, bersih	-17.3	-13.9	-25.4	-10.6
(% daripada PNK)	-3.1	-2.2	-3.6	-1.5
Pindahan semasa, bersih	-16.9	-15.7	-17.0	-16.6
Imbangan akaun semasa[3]	93.5	100.4	129.4	80.0
(% daripada PNK)	16.8	16.0	18.1	11.5
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[4]	290.4	335.7	317.4	-
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	7.8	8.4	7.6	-
HARGA (% perubahan)				
IHP (2005=100)[5]	3.6	2.0	5.4	1.5 ~ 2.0
IHPR(2000=100)[6]	5.1	6.7	8.2	-
Upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan	-1.4	2.2	-0.9	-

[1] Mulai tahun 2007, KDNK benar telah diubah kepada harga tahun 2000, daripada harga tahun 1987 sebelum ini
[2] Tidak termasuk stok
[3] Data untuk tahun 2008 ialah anggaran
[4] Semua harta dan tanggungan dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai diambil kira sewajarnya dalam akaun Bank
[5] Bermula tahun 2006, Indeks Harga Pengguna telah disemak semula kepada tahun asas 2005=100 daripada 2000=100
[6] Bermula tahun 2006, Indeks Harga Pengeluar telah disemak semula kepada tahun asas 2000=100 daripada 1989=100
[7] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2009
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual 1.4: Malaysia - Penunjuk Kewangan dan Monetari

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)	2006	2007	2008*a*
Hasil	123.5	139.9	159.8
Perbelanjaan mengurus	107.7	123.1	153.5
Perbelanjaan pembangunan bersih	35.0	37.5	41.9
Imbangan keseluruhan	-19.1	-20.7	-35.6
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-3.3	-3.2	-4.8
Jumlah pembelanjaan pembangunan bersih sektor awam	86.5	95.1	106.7
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	-0.3	1.7	-3.3
HUTANG LUAR NEGERI[1]			
Jumlah hutang (RM bilion)	184.5	187.4	235.6
Hutang jangka sederhana dan panjang	141.7	133.0	155.6
Hutang jangka pendek[2]	42.8	54.5	80.0
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	4.8	3.8	2.7
Hutang jangka sederhana dan panjang	4.5	3.4	2.5

		Perubahan 2006		Perubahan 2007		Perubahan 2008	
WANG DAN PERBANKAN		**RM bilion**	**%**	**RM bilion**	**%**	**RM bilion**	**%**
Bekalan wang	M1	17.0	13.7	27.6	19.6	14.0	8.3
	M3	87.5	13.0	72.4	9.5	99.0	11.9
Deposit sistem perbankan		119.3	17.2	56.5	7.0	103.6	11.9
Pinjaman sistem perbankan[3]		34.9	6.3	51.2	8.6	82.3	12.8
Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)		70.5		72.2		73.5	
Nisbah pembiayaan-deposit[4]		79.0		80.7		81.1	

KADAR FAEDAH (KADAR PURATA PADA AKHIR TAHUN)		2006 %	2007 %	2008 %
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.50	3.50	3.25
Kadar Antara Bank				
1 bulan		3.58	3.56	3.30
Bank Perdagangan				
Deposit tetap	3 bulan	3.19	3.15	3.04
	12 bulan	3.73	3.70	3.50
Deposit tabungan		1.48	1.44	1.40
Kadar pemberian pinjaman asas (BLR)		6.72	6.72	6.48
Bil Perbendaharaan (3 bulan)		3.43	3.39	2.94
Sekuriti Kerajaan (1 tahun)		3.55	3.53	2.89
Sekuriti Kerajaan (5 tahun)		3.70	3.78	3.00

KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING	2006	2007	2008
Pergerakan Ringgit (pada akhir tahun)	%	%	%
Perubahan berbanding dengan SDR	1.8	1.7	-2.7
Perubahan berbanding dengan USD[5]	7.0	6.8	-4.5

[1] Mulai suku pertama 2008, data hutang luar negeri telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin
[2] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[3] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[4] Dilaraskan untuk merangkumi sekuriti hutang swasta
[5] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=USD1 pada 2 September 1998 dan beralih kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang pada 21 Julai 2005
a Awalan

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 7.1% dalam separuh pertama tahun 2008, disokong oleh permintaan dalam dan luar negeri yang kukuh. Permintaan dalam negeri diterajui oleh penggunaan swasta yang berkembang kukuh dan berterusan, disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna yang stabil, keadaan pasaran pekerja yang positif dan persekitaran pembiayaan yang memuaskan. Permintaan luar negeri disokong oleh harga komoditi yang sangat tinggi dan jumlah eksport yang kukuh. Permintaan daripada negara serantau juga kukuh. Apabila kemerosotan global semakin buruk pada separuh kedua tahun 2008, dengan beberapa ekonomi maju yang utama mengalami kemelesetan dan pertumbuhan beberapa ekonomi serantau menyederhana dengan nyata, permintaan luar negeri bersih merosot dengan ketara. Walau bagaimanapun, pertumbuhan KDNK benar kekal positif pada separuh kedua tahun itu, dengan berkembang secara sederhana sebanyak 2.4%, disokong oleh penggunaan awam yang kukuh dan pengembangan penggunaan swasta yang berterusan. Bonus untuk kakitangan awam, pembayaran rebat tunai subsidi minyak dan akses berterusan kepada pembiayaaan telah menyokong penggunaan swasta ketika keadaan guna tenaga yang kian lemah telah menjejaskan sedikit sebanyak sentimen pengguna. Persekitaran ekonomi global yang semakin merosot juga telah mendorong kepada kemerosotan aktiviti pelaburan swasta pada separuh kedua tahun itu.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% pada tahun 2008, meskipun berlaku kegawatan kewangan antarabangsa dan kemerosotan ketara keadaan ekonomi global

Dari segi penawaran, pertumbuhan pada enam bulan pertama tahun itu telah didorong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang teguh lantaran keadaan permintaan dalam negeri yang mantap, dan pengembangan aktiviti perdagangan dan pelancongan. Sokongan berterusan datang daripada sektor perkilangan berikutan permintaan luar negeri yang teguh daripada pasaran bukan AS dan eksport keluaran berasaskan sumber yang lebih tinggi yang turut mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi. Sektor pertanian juga meningkat pada kadar yang lebih kukuh disebabkan terutamanya pengembangan pengeluaran minyak sawit mentah. Walau bagaimanapun, sektor perkilangan, terutamanya industri berorientasikan eksport, menjadi lemah pada separuh kedua tahun itu, sejajar dengan kemerosotan permintaan global dan pembetulan mendadak harga komoditi. Sektor perkhidmatan terus menyokong ekonomi pada separuh kedua tahun itu, walaupun pertumbuhan menjadi sederhana disebabkan pertumbuhan perlahan subsektor perkhidmatan yang bergantung pada aktiviti berkaitan perdagangan dan pasaran modal.

Sejajar dengan aktiviti ekonomi yang kukuh pada separuh pertama tahun 2008, keadaan pasaran pekerja teguh sepanjang tempoh itu. Bagaimanapun, keadaan pasaran pekerja mula lembap pada separuh kedua tahun itu apabila syarikat-syarikat, terutamanya dalam sektor perkilangan, bersikap berhati-hati ketika permintaan luar negeri merosot. Oleh itu, kadar pengangguran bertambah kepada 3.7% pada tahun 2008, apabila jumlah guna tenaga berkembang pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan peningkatan dalam tenaga kerja. Walaupun tekanan inflasi semakin meningkat pada separuh pertama tahun itu, tiada bukti berlakunya kenaikan upah berlebihan sebagai tindak balas terhadap harga yang lebih tinggi. Kaji Selidik Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia menunjukkan bahawa gaji purata dalam sektor swasta bertambah sebanyak 5.9% pada 2008 sejajar dengan trend tempoh terdahulu. Sementara itu, produktiviti pekerja meningkat lagi pada tahun 2008 dan terus menyokong kenaikan gaji dan pertumbuhan upah.

Inflasi berada pada trend menaik pada lima bulan pertama tahun 2008 ekoran peningkatan dalam harga makanan dan bahan api global, hingga mencecah paras tertinggi pada pertengahan tahun. Kadar inflasi, walau bagaimanapun, naik dengan mendadak pada suku ketiga ekoran pelarasan 40.4% ke atas harga bahan api runcit pada bulan Jun. Kadar inflasi mencatat paras tertinggi kepada 8.5% pada bulan Julai. Penurunan harga makanan global dan juga penurunan harga komoditi yang cepat telah membawa kepada pembetulan mendadak dan pesat bagi seluruh harga komoditi global. Hal ini mengakibatkan penyusutan harga makanan

dalam negeri dan harga bahan api pada suku keempat. Bagi keseluruhan tahun itu, inflasi keseluruhan berpurata pada 5.4%.

Kedudukan luaran kekal kukuh pada separuh pertama tahun 2008, disebabkan terutamanya oleh lebihan akaun semasa yang besar. Akaun semasa disokong oleh lebihan dagangan yang ketara besar berikutan pertumbuhan yang lebih kukuh pada kedua-dua eksport komoditi dan perkilangan berasaskan sumber, dalam keadaan harga komoditi yang tinggi. Akaun perkhidmatan terus mencatatkan lebihan, disebabkan perolehan yang lebih tinggi daripada pelancongan. Akaun kewangan turut mencatatkan lebihan yang besar pada separuh pertama tahun 2008, disebabkan aliran masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan lain yang kukuh. Lebihan yang besar pada akaun semasa terus mampan pada separuh kedua tahun 2008, disebabkan eksport yang lebih sederhana telah diimbangi oleh penyusutan dalam import. Walau bagaimanapun, imbangan pembayaran secara keseluruhan pada separuh kedua tahun 2008 mencatatkan defisit bersih. Ini disebabkan aliran keluar bersih yang besar dalam akaun kewangan, yang lebih daripada mengimbangi lebihan dalam akaun semasa. Aliran keluar bersih dalam akaun kewangan adalah disebabkan terutamanya oleh kebalikan aliran portfolio pelaburan yang banyak berikutan aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan ekoran krisis kewangan global yang semakin buruk.

Ekonomi Malaysia menghadapi krisis kewangan global dalam keadaan kedudukan ekonominya yang kukuh. Ini disebabkan terutamanya oleh sistem kewangan yang lebih teguh selepas negara menghadapi krisis kewangan Asia sedekad yang lalu di samping struktur ekonomi yang lebih seimbang dan pelbagai. Kedudukan luaran negara juga berdaya tahan, dengan hutang luar negeri yang rendah, lebihan akaun semasa yang mampan dan paras rizab luar negeri yang tinggi. Sektor kewangan adalah mantap, dengan mudah tunai dan penampan modal yang kukuh. Memandangkan ketidakpastian dalam persekitaran luaran yang berlanjutan, tindak balas dasar tertumpu pada usaha menyokong permintaan dalam negeri, dengan memastikan pengembangan berterusan dalam penggunaan swasta dan perbelanjaan awam, serta mengelakkan pengangguran yang meluas.

KEADAAN PERMINTAAN DALAM NEGERI PADA TAHUN 2008

Pada separuh pertama tahun 2008, ekonomi berkembang dengan kukuh atas kekuatan permintaan dalam negeri, yang berkembang sebanyak 9.4%, didorong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh dalam perbelanjaan penggunaan swasta. Perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan disokong oleh peningkatan yang stabil dalam pendapatan boleh guna, keadaan pasaran pekerja yang stabil dan persekitaran pembiayaan yang memuaskan.

Permintaan dalam negeri, yang kukuh pada separuh pertama, menyederhana menjelang akhir tahun 2008 ketika kemerosotan ekonomi global semakin buruk

Walau bagaimanapun, krisis kewangan global menjadi semakin buruk dalam separuh kedua tahun 2008, dan membawa kepada kemerosotan yang mendadak pada permintaan luar negeri dan pembetulan pada harga komoditi. Impak itu dirasai dalam sektor ekonomi yang mempunyai pendedahan perdagangan yang tinggi, lalu menjejaskan permintaan dalam negeri. Akibatnya, pertumbuhan permintaan dalam negeri

Rajah 1.3
Agregat Permintaan Dalam Negeri Benar



menyederhana kepada 4.7% pada separuh tahun kedua, menjadikan pertumbuhan keseluruhan dalam **permintaan dalam negeri** agregat untuk tahun itu pada 6.9% (2007: 9.8%). Pertumbuhan penggunaan swasta menjadi perlahan menjelang akhir tahun 2008, berikutan pasaran pekerjaan diramalkan lebih lemah. Pelaburan swasta mengembang pada kadar yang lebih sederhana, terutamanya pada separuh kedua tahun 2008, apabila keadaan ekonomi global yang lembap mula menjejaskan perbelanjaan modal, khususnya dalam sektor perkilangan berorientasikan eksport. Sektor awam, sementara itu, meneruskan sokongan kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Penggunaan swasta kekal berdaya tahan pada tahun 2008 dan bertambah sebanyak 8.4% (2007: 10.8%) walaupun wujudnya kebimbangan mengenai paras harga keseluruhan yang lebih tinggi ekoran kenaikan harga bahan api dan elektrik pada bulan Jun 2008. Prestasi penunjuk penggunaan utama, seperti import barangan pengguna, perbelanjaan kad kredit, pinjaman yang diluluskan dan dikeluarkan untuk isi rumah, serta jualan kenderaan penumpang terus kukuh. Perbelanjaan isi rumah disokong oleh peningkatan kukuh pendapatan boleh guna berikutan harga komoditi yang tinggi dan keadaan pasaran pekerja yang stabil, terutamanya pada separuh tahun pertama. Walaupun harga komoditi menyederhana dengan nyata menjelang separuh kedua, harga secara puratanya berada pada paras memuaskan berbanding dengan trend tempoh terdahulu. Impak pengembangan daripada pelarasan gaji kakitangan awam pada separuh kedua tahun 2007 juga menular ke separuh pertama tahun 2008, memberikan sokongan kepada perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi. Sementara itu, bonus kakitangan awam, yang dibayar pada bulan September dan Disember 2008, memberikan sokongan tambahan kepada penggunaan. Di samping itu, keadaan pasaran pekerja sebahagian besarnya kekal stabil sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun itu, impak kelembapan ekonomi global yang semakin mendalam dan meluas mengakibatkan prospek pekerjaan menjadi lebih lemah, dengan syarikat-syarikat terutamanya dalam industri berorientasikan eksport mengambil langkah pengurangan kos melalui pemberhentian sementara dan pemendekan waktu kerja; justeru, membawa kepada perbelanjaan penggunaan yang sederhana, terutamanya pada suku keempat 2008.

Rajah 1.4
PNK per Kapita



Walaupun perbelanjaan pengguna masih mengembang, sentimen pengguna terjejas oleh beberapa faktor pada tahun 2008. Sebagai mencerminkan kebimbangan pengguna terhadap harga yang semakin meningkat dan keadaan global yang kian teruk, Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Malaysian Institute of Economic Research, MIER) jatuh ke bawah paras ambang 100 mata mulai suku kedua 2008. Pengguna pada mulanya bimbang dengan impak kenaikan harga minyak runcit sebanyak 78 sen terhadap pendapatan boleh guna mereka. Walau bagaimanapun, kebimbangan ini berkurang dengan pemberian rebat dan subsidi kepada pemandu dan pemilik kereta terpilih. Kerajaan kemudiannya mengurangkan harga bahan api sejajar dengan penurunan harga minyak mentah global. Menjelang akhir tahun 2008, sentimen pengguna beralih daripada kebimbangan terhadap kos hidup yang lebih tinggi kepada keadaan di pasaran pekerjaan dan prospek pendapatan apabila keadaan kemelesetan global semakin meruncing.

Sepanjang tahun itu, perbelanjaan pengguna juga disokong oleh keadaan pembiayaan yang memuaskan. Kadar faedah kekal rendah dan akomodatif, manakala pengguna terus menikmati akses kepada kredit. Dalam keadaan ini, kredit isi rumah terus berkembang dengan pinjaman terkumpul isi rumah bertambah sebanyak 9.7% pada tahun 2008 (2007: 7.7%), sebahagian besar didorong oleh pinjaman untuk pembelian harta kediaman, barangan pengguna tahan lama dan kereta penumpang. Secara keseluruhan, kedudukan kewangan isi rumah kekal mantap, dengan nisbah hutang isi rumah kepada aset

kewangan kekal rendah pada 41.9% (2007: 36.8%), manakala nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) untuk pinjaman isi rumah dan pembelian harta kediaman terus menurun, masing-masing kepada 4.1% dan 5.6% (2007: masing-masing 5.3% dan 7.0%) pada akhir tahun 2008.

Walau bagaimanapun **pelaburan swasta** menyederhana kepada 1.5% pada tahun 2008 (2007: 9.8%). Walaupun pelaburan swasta kukuh pada awal tahun 2008, aktiviti pengembangan modal menjadi perlahan dengan ketara menjelang akhir tahun apabila syarikat perniagaan menangguhkan atau membatalkan keputusan pelaburan mereka ekoran kemerosotan ekonomi global yang ketara. Pelbagai penunjuk pelaburan menunjukkan aktiviti pelaburan yang lemah pada akhir tahun 2008. Import barangan modal yang menunjukkan pertumbuhan positif yang kukuh sebanyak 9.6% pada separuh pertama, merosot sebanyak 7.9% pada separuh kedua. Pinjaman yang dikeluarkan untuk syarikat perniagaan, dan sekuriti hutang swasta yang diterbitkan untuk aktiviti baharu juga menunjukkan aktiviti yang lebih perlahan pada akhir tahun. Walaupun aliran masuk FDI kasar kekal tinggi pada RM51 bilion (2007: RM46.2 bilion), persekitaran ekonomi global yang semakin buruk menjejaskan aliran masuk pada separuh kedua tahun 2008. Sebagai mencerminkan sentimen pelabur yang semakin lemah, Indeks Keadaan Perniagaan (Business Conditions Index, BCI) MIER pada suku ketiga menjunam ke bawah paras ambang keyakinan 100 mata, dan mengakhiri tahun itu rendah pada 53.8 mata pada suku terakhir.

Rajah 1.5
Jumlah Pelaburan Semasa dan Penggunaan Kapasiti Sektor Perkilangan



[1] Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Pelaburan dalam sektor perkilangan paling teruk terjejas oleh kemerosotan keadaan ekonomi global. Apabila permintaan terhadap eksport perkilangan menurun, begitu juga dengan aktiviti pengeluaran yang membawa kepada kadar penggunaan kapasiti yang lebih rendah. Kadar penggunaan kapasiti MIER jatuh daripada 83% pada suku pertama tahun 2008 kepada 74.4% pada suku keempat, mengurangkan keperluan bagi firma untuk menjalankan langkah pengembangan kapasiti baharu. Sungguhpun projek-projek sedia ada diteruskan, kemerosotan ekonomi global menyebabkan projek-projek baharu ditangguhkan. Trend penunjuk, seperti import jentera dan pinjaman yang dikeluarkan untuk sektor perkilangan mengesahkan trend pelaburan yang merosot.

Walau bagaimanapun, pelaburan dalam sektor-sektor lain kekal positif. Dalam sektor perlombongan, perbelanjaan modal dalam sektor minyak dan gas kekal tinggi. Peningkatan harga minyak mentah, terutamanya pada separuh pertama tahun 2008, menyokong aktiviti pencarian terutamanya dalam bidang telaga minyak laut dalam. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan berkembang, terutamanya dalam subsektor pengangkutan, disebabkan pengembangan dalam pengangkutan rel dan pengangkutan udara, serta dalam kemudahan pelabuhan. Sementara itu, kerja naik taraf rangkaian yang sedang berjalan oleh pengendali mudah alih yang sedia ada dan yang baharu, menyokong pelaburan dalam subsektor komunikasi. Dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, projek penambahan kedai-kedai baharu terus dilaksanakan.

Pelaburan awam meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7% pada tahun 2008 (2007: 9.3%). Perbelanjaan pembangunan yang besar disalurkan kepada projek untuk menambah baik sektor ekonomi dan perkhidmatan sosial negara, sejajar dengan peranan Kerajaan untuk memberikan sokongan kepada pertumbuhan. Dalam sektor ekonomi, perbelanjaan disasarkan terutamanya untuk menambah baik dan menaik taraf infrastruktur perindustrian dan kemudahan awam, mempertingkat sistem pengangkutan dan menambahkan kecekapan dalam pengeluaran pertanian. Sementara itu, perbelanjaan dalam sektor perkhidmatan sosial terus ditumpukan kepada perkhidmatan keperluan, termasuk pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan.

Pola Pelaburan Negara-Negara pada Peringkat Pembangunan yang Berbeza

Pendahuluan

Pelaburan memainkan peranan penting dalam proses pembangunan ekonomi sesebuah negara kerana ia mengembangkan kapasiti produktiviti modal fizikal dan modal insan. Jumlah pelaburan merangkumi perbelanjaan modal sektor swasta dan awam, dengan peranan sektor awam tertumpu khususnya pada penyediaan infrastruktur asas dan yang perlu untuk menyokong aktiviti ekonomi sektor swasta. Apabila sesebuah ekonomi itu membangun, pola perbelanjaan pelaburannya berkembang untuk menyokong aktiviti ekonomi yang lebih pelbagai.

Rencana ini menganalisis pola jumlah pelaburan sebagai peratusan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) negara-negara pada peringkat pembangunan ekonomi yang berbeza. Melalui analisis pola pelaburan kumpulan negara yang berlainan, rencana ini menilai sama ada peringkat pembangunan ekonomi yang berbeza, diukur melalui pendapatan per kapita nominal, sejajar dengan paras pelaburan tertentu secara relatif kepada KDNK. Bahagian kedua rencana ini membincangkan faktor penyebab kepada penurunan berterusan nisbah pelaburan kepada KDNK apabila sesebuah negara menjadi bertambah maju. Bahagian akhir rencana ini mengupas sama ada wujud trend keseluruhan yang tertentu dan nyata dalam nisbah pelaburan kepada KDNK apabila sesebuah negara itu berkembang daripada ekonomi berpendapatan rendah kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Adakah peringkat pembangunan mempengaruhi paras pelaburan?

Analisis nisbah pelaburan kepada KDNK bagi 14 ekonomi dalam Rajah 1 yang berkaitan dengan pendapatan per kapita menunjukkan bahawa tidak ada suatu paras pelaburan umum yang berkaitan dengan mana-mana tahap pembangunan. Negara-negara mempunyai perbelanjaan pelaburan yang berbeza dari segi peratusan kepada KDNK meskipun berada pada peringkat pembangunan yang sama. Sebagai contoh, pada pendapatan per kapita yang sama, iaitu USD1,000, sumbangan pelaburan Malaysia kepada KDNK adalah hampir 22%, Thailand 28%, manakala RR China lebih tinggi pada 35%. Dalam kes-kes tertentu, nisbah pelaburan kepada KDNK sesebuah negara adalah dua kali lebih tinggi berbanding dengan paras yang dicapai oleh negara lain meskipun negara-negara tersebut mempunyai pendapatan per kapita yang secara relatif sama. Misalnya, nisbah pelaburan kepada KDNK Singapura ialah 40% pada pendapatan per kapita USD6,000, yang secara kasar adalah dua kali lebih besar daripada nisbah pelaburan kepada KDNK China Taipei sungguhpun pendapatan per kapita kedua-duanya adalah sama.

Ini menunjukkan bahawa wujud faktor-faktor lain yang mempengaruhi perbelanjaan pelaburan sesebuah negara dari segi peratusan kepada KDNK. Terdapat tiga faktor yang benar-benar penting. Faktor pertama ialah strategi pertumbuhan yang dilaksanakan oleh negara-negara berkenaan. Sebagai contoh, negara yang menggunakan strategi perindustrian berorientasikan eksport yang agresif, yang menggalakkan aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI), lebih cenderung mencapai nisbah pelaburan yang lebih tinggi. Proses perindustrian pada amnya didorong oleh pengembangan pesat sektor perkilangan yang lebih berintensif modal kerana ia memerlukan pelaburan sektor swasta yang besar dalam jentera dan peralatan. Di samping itu, apabila proses perindustrian menjadi lebih pesat dan menyumbang kepada paras pendapatan per kapita yang lebih tinggi, paras pelaburan turut meningkat susulan langkah negara berkenaan beralih kepada aktiviti perkilangan nilai ditambah lebih tinggi. Bagi negara yang bergantung pada FDI, nisbah pelaburan yang tinggi mungkin berterusan jika firma asing terus meningkatkan pelaburan permulaan dan melaburkan semula perolehan mereka di negara tempat mereka beroperasi.

Rajah 1
Pola Pelaburan Ekonomi Terpilih

Negara ASEAN terpilih dan RR China



NIE Asia



Negara perindustrian terpilih



Faktor kedua berkaitan dengan peranan sektor awam dalam ekonomi pada peringkat pembangunan ekonomi yang berbeza. Pengalaman ASEAN, NIE Asia dan RR China menunjukkan bahawa pelaburan oleh sektor awam adalah tinggi pada peringkat awal pembangunan negara, dan pelaburan terutamanya disalurkan kepada infrastruktur pengangkutan, utiliti dan pendidikan, yang perlu bukan sahaja untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menyokong aktiviti sektor swasta bahkan untuk menarik FDI.

Faktor ketiga yang boleh mempengaruhi nisbah pelaburan kepada KDNK ialah sama ada sesebuah negara itu mempunyai sumber asli atau tidak. Negara yang kurang sumber asli atau tanah, seperti Singapura dan Jepun, mempunyai dorongan yang lebih kuat untuk menarik dan membangunkan industri berintensif modal yang kukuh dan pelbagai. Berbeza halnya dengan negara yang kaya dengan sumber semula jadi yang mungkin mempunyai nisbah pelaburan yang lebih rendah kerana tumpuan strategi mereka adalah untuk memanfaatkan kelebihan sumber semula jadi mereka, lantas input modal yang diperlukan adalah lebih kecil. Kenyataan ini benar jika sesebuah negara itu tidak membuat perbelanjaan modal yang besar untuk menjana nilai ditambah yang lebih tinggi daripada sumber aslinya, terutamanya untuk membangunkan aktiviti hiliran.

Mengapakah nisbah pelaburan terus menurun apabila sesebuah ekonomi bertambah maju?

Sebagaimana dipaparkan oleh Rajah 1, negara perindustrian cenderung mempunyai nisbah pelaburan yang lebih rendah dan stabil, dengan nisbah tersebut bertumpu ke arah lingkungan lebih kecil antara 15-25% daripada KDNK, kecuali Jepun (20-35%). Ini mungkin berpunca daripada peranan sektor perkhidmatan yang lebih besar apabila sesebuah ekonomi itu menjadi lebih maju. Hakikatnya, sungguhpun sifat sektor perkhidmatan kurang berintensif modal, tetapi ia berupaya mempunyai nilai ditambah yang lebih tinggi daripada sektor perkilangan

Rajah 2
Corak Pelaburan Negara sepanjang Peningkatan Tahap Pembangunan

Plot selerak



Pelaburan yang mungkin dilalui sepanjang tahap pembangunan



secara relatif. Tidak seperti sektor perkilangan yang berorientasikan eksport, sektor perkhidmatan lebih berkaitan dengan, dan juga lebih bergantung pada perbelanjaan penggunaan swasta. Malah, penggunaan swasta lebih tinggi di negara maju sejajar dengan paras pendapatan penduduknya yang tinggi, yang merupakan satu daripada penentu utama perbelanjaan penggunaan swasta.

Nisbah pelaburan negara membangun Asia cenderung untuk berada dalam lingkungan yang lebih luas, iaitu 10-45% daripada KDNK. Selain itu, nisbah pelaburan negara-negara berkenaan juga mudah turun naik berbanding dengan negara perindustrian. Hal ini mungkin disebabkan oleh ciri negara-negara tersebut yang pelbagai, dari segi tahap keterbukaan, struktur pengeluaran, dasar pelaburan, serta komposisi modal dan guna tenaganya. Sebagai contoh, sebuah ekonomi yang lebih terbuka sering kali dikaitkan dengan nisbah pelaburan yang lebih tinggi pada mana-mana paras pendapatan per kapita, namun negara berkenaan mungkin lebih mudah terdedah kepada turun naik dalam permintaan luaran.

Adakah wujud trend tersendiri bagi nisbah pelaburan kepada KDNK pada peringkat pembangunan negara yang berbeza?
Sungguhpun wujud kepelbagaian yang ketara dalam kalangan negara yang dinyatakan di atas, namur jelas terdapat trend lazim dari segi nisbah pelaburan kepada KDNK apabila negara-negara berkenaan beralih daripada suatu peringkat pembangunan ekonomi kepada peringkat pembangunan yang lain, seperti dipaparkan dalam Rajah 2[1].

[1] Kecuali beberapa pemerhatian terakhir pada rajah plot selerak yang berkaitan dengan ekonomi yang mempunyai pendapatan per kapita paling tinggi, garis trend pada rajah itu hampir-hampir menyamai laluan yang diunjurkan pada rajah kedua.

Pertama, negara berpendapatan rendah cenderung untuk mencatat peningkatan pesat dalam nisbah pelaburan kepada KDNK. Ini kerana, pada peringkat awal pembangunan, negara-negara tersebut perlu membina infrastruktur asas dan yang perlu seperti rangkaian jalan raya dan pengangkutan supaya pasaran utama dapat dihubungkan dan berfungsi dengan baik. Ini memerlukan pelaburan permulaan yang besar. Di samping itu, aktiviti ekonomi lazimnya tertumpu pada pengeluaran komoditi berintensif pekerja dan aktiviti pemasangan asas. Oleh itu, meskipun jumlah pelaburan yang terlibat mungkin lebih kecil, bahagian pelaburan kepada KDNK adalah lebih besar. Selain itu, peningkatan nisbah pelaburan kepada KDNK mencerminkan kos pemerolehan teknologi terkini daripada syarikat asing di negara yang lebih maju. Kaedah pemerolehan teknologi sebegini merupakan cara yang lebih cepat untuk mencapai pembangunan yang lebih tinggi.

Seterusnya, pola pelaburan menjadi stabil pada peringkat pendapatan sederhana. Apabila aktiviti ekonomi menjadi lebih canggih dan mula menumpukan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dalam rantaian penawaran, negara berkenaan perlu menambah baik dan menaik taraf infrastruktur mereka termasuk penyediaan pelabuhan yang lebih moden dan berkapasiti lebih tinggi, selain sektor telekomunikasi dan infrastruktur utiliti yang lebih baik. Di samping itu, struktur industri negara-negara berkenaan juga mungkin memerlukan pelaburan yang besar. Sebagai contoh, peralihan daripada aktiviti pemasangan yang mudah kepada penghasilan wafer memerlukan pelaburan yang besar. Ini kerana proses baharu itu memerlukan jentera dan input yang berbeza dan pastinya berkos tinggi.

Akhir sekali, negara maju cenderung mempunyai nisbah pelaburan yang lebih rendah, umumnya disebabkan oleh peralihan ke arah sektor perkhidmatan dan perbelanjaan penggunaan yang lebih besar, yang akan menghasilkan nisbah penggunaan kepada KDNK yang lebih tinggi. Negara-negara ini juga mempunyai sektor perkhidmatan yang lebih besar lagi cekap, yang dapat memenuhi keperluan ekonomi domestik mereka. Memandangkan sektor perkhidmatan lazimnya kurang berintensif modal, maka sumbangan keseluruhan pelaburan kepada KDNK adalah lebih kecil. Satu lagi faktor penyumbang ialah pemindahan aktiviti pengeluaran negara maju yang mempunyai nilai ditambah lebih rendah ke luar negara sebagai strategi untuk terus berdaya maju melalui kos pengeluaran yang lebih rendah. Firma-firma masih mengekalkan sebahagian daripada rantaian penawaran pengeluaran dalam ekonomi maju, terutamanya aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi kerana ekonomi maju giat menggalakkan inovasi dan aktiviti berasaskan pengetahuan. Dengan itu, perbelanjaan pelaburan di negara-negara tersebut lebih tertumpu pada usaha meningkatkan pembelajaran dan inovasi, berbanding perbelanjaan terhadap jentera berat dan input modal fizikal.

Bagi Malaysia, pada peringkat awal pembangunannya, aktiviti ekonomi utama lebih menjurus kepada usaha memanfaatkan sumber aslinya yang kaya. Pada peringkat pembangunan itu, Malaysia amat bergantung pada sektor berasaskan sumber asli melalui pengeluaran dan pengeksportan komoditi utama, seperti getah, timah dan diikuti pula oleh minyak sawit dan minyak mentah. Kebanyakan perbelanjaan pelaburan adalah untuk membangunkan dan meningkatkan tanaman pertanian berhasil tinggi di samping penyediaan infrastruktur asas oleh sektor awam. Krisis ekonomi global pada awal tahun 1980an mendorong Kerajaan mempelbagaikan sumber pertumbuhan negara dan melaksanakan strategi perindustrian berorientasikan eksport. Tumpuan pembangunan kepada sektor perkilangan berintensif modal menarik lebih banyak pelaburan swasta, terutamanya aliran masuk FDI, yang meningkatkan sumbangan sektor perkilangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pelaburan awam berterusan apabila Kerajaan, melalui pelaksanaan rancangan penswastaannya, melaksanakan langkah menambah baik dan menaik taraf infrastruktur, seperti jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang, telekomunikasi dan utiliti. Hasilnya, pelaburan mencapai tahap tertinggi 43.6% daripada KDNK pada tahun 1995. Bagaimanapun, selepas berakhirnya Krisis Kewangan

Asia tahun 1997-98, nisbah pelaburan kepada KDNK menurun sebelum menjadi stabil pada paras lebih rendah apabila sektor perkhidmatan yang kurang berintensif modal menjadi semakin penting, manakala projek infrastruktur sektor awam yang besar, yang kebanyakannya dimulakan sebelum tercetusnya Krisis berkenaan, siap dibina.

Kesimpulan

Ringkasnya, rencana ini menganalisis pola pelaburan negara-negara pada peringkat pembangunan ekonomi yang berbeza, dan bukannya mengikut masa. Beberapa pemerhatian terserlah daripada analisis ini. Pertama, nisbah pelaburan kepada KDNK antara negara adalah luas julatnya, meskipun negara-negara berkenaan tergolong dalam lingkungan pendapatan yang sama. Ini menunjukkan bahawa wujud faktor-faktor lain selain paras pendapatan yang mempengaruhi nisbah pelaburan. Strategi pembangunan dan perindustrian, peranan sektor awam dan sumber asli sesebuah negara merupakan faktor penentu yang penting. Kedua, nisbah pelaburan bagi negara-negara yang lebih maju cenderung menjadi stabil pada kadar yang lebih rendah. Ini sebahagian besarnya mencerminkan peralihan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi tetapi kurang berintensif modal, selain aktiviti berkaitan perkhidmatan. Akhir sekali, wujud pola umum nisbah pelaburan kepada KDNK apabila negara-negara berubah sejajar dengan peringkat pembangunan yang berlainan, sebagaimana yang diukur oleh paras pendapatan per kapita – pertumbuhan pesat pelaburan pada peringkat awal pembangunan negara, diikuti nisbah pelaburan yang stabil apabila negara berkenaan mencapai paras pendapatan sederhana, sebelum menjurus kepada nisbah pelaburan yang lebih rendah apabila pembangunan yang lebih maju berjaya dicapai.

Perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan (PABK) adalah mampan. Pelaburan oleh PETRONAS terus berkembang, disalurkan terutamanya kepada aktiviti pencarian dan pembangunan dalam subsektor minyak dan gas huluan, serta pengembangan kumpulan perkapalan. Perbelanjaan modal berterusan oleh PABK adalah untuk menambah baik sistem kemudahan, pengangkutan dan telekomunikasi. Tenaga Nasional Berhad terus membuat perbelanjaan modal bagi menaik taraf dan menambah baik sistem penjanaan, penyaluran dan pengagihan kuasanya. Sementara itu, penambahbaikan kapasiti dalam sektor komunikasi adalah terutamanya untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur jalur lebar supaya dapat memberikan perkhidmatan komunikasi yang lebih luas dan lebih baik.

Penggunaan awam berkembang dengan kukuh sebanyak 11.6% pada tahun 2008 (2007: 6.6%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk emolumen, pertahanan serta bekalan dan perkhidmatan. Peningkatan perbelanjaan emolumen mencerminkan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia dalam sektor awam. Sementara itu, perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan sepanjang tahun itu adalah terutamanya untuk tujuan penyenggaraan bangunan dan lekapan serta untuk menambah baik jentera pentadbiran dan sistem penyampaian sektor awam.

Rajah 1.6
Tabung Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



a Anggaran

Walaupun pertumbuhan penggunaan swasta adalah kukuh, tabungan sektor swasta bertambah dengan nyata kepada RM190.5 bilion atau 26.6% daripada PNK pada tahun 2008 (2007: 21.8%), mencerminkan pada umumnya kedudukan kewangan isi rumah yang kukuh. Deposit sektor perbankan yang dipegang oleh individu terus meningkat kepada RM366 bilion sepanjang tahun itu (2007: RM330.6 bilion). Walau bagaimanapun, tabungan sektor awam merosot kepada RM80.4 bilion atau 11.2% daripada PNK (2007: 16.6%). Keseluruhannya, **tabungan negara kasar** (gross national saving, GNS) bertambah sebanyak 12.3% kepada RM270.9 bilion dan mendorong kepada lebihan tabungan-pelaburan yang lebih besar RM129.4 bilion atau 18.1% daripada PNK pada tahun 2008. Kadar tabungan yang tinggi ini membolehkan Malaysia membiayai pertumbuhannya, sebahagian besarnya daripada sumber-sumber dalam negeri.

KAJIAN MENGIKUT SEKTOR

Ekonomi Malaysia memulakan tahun 2008 dengan pertumbuhan yang memuaskan merentasi semua sektor utama, dengan permintaan dalam negeri yang kukuh dan sokongan keadaan permintaan luar negeri dari ekonomi serantau serta peningkatan harga komoditi. Pertumbuhan pada separuh tahun pertama didorong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang kukuh, diikuti oleh sektor perkilangan dan pertanian. Walau bagaimanapun, kemerosotan ketara keadaan ekonomi global pada separuh kedua tahun 2008 mengakibatkan kemerosotan teruk dalam permintaan luar negeri. Ini menyebabkan kemerosotan prestasi sektor yang paling terdedah secara langsung kepada permintaan global, terutamanya industri elektronik dan elektrik. Di samping itu, sektor luaran juga terjejas oleh penurunan harga komoditi yang ketara. Walau bagaimanapun, ekonomi terus disokong oleh pengembangan dalam sektor perkhidmatan.

Sektor Perkhidmatan

Pada tahun 2008, **sektor perkhidmatan** berkembang sebanyak 7.3% berbanding dengan 9.7% pada tahun 2007. Sektor ini menyumbang 3.9 mata peratusan kepada keseluruhan pertumbuhan KDNK manakala bahagiannya daripada KDNK bertambah kepada 55% (2007: 53.6%). Pada separuh tahun pertama, sektor ini mencatatkan prestasi yang kukuh disebabkan keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh,

Jadual 1.5
Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2000

	2007	2008*a*	2007	2008*a*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada KDNK (%)	
Perkhidmatan	**9.7**	**7.3**	**53.6**	**55.0**
Perkhidmatan pengantara	11.7	6.0	23.4	23.7
Kewangan dan insurans	11.1	7.7	10.7	11.0
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	18.2	1.5	5.3	5.1
Pengangkutan dan penyimpanan	10.0	6.1	3.7	3.8
Komunikasi	7.0	7.3	3.7	3.8
Perkhidmatan akhir	8.1	8.4	30.2	31.2
Perdagangan borong dan runcit	12.5	9.8	12.2	12.8
Penginapan dan restoran	10.8	7.3	2.4	2.4
Utiliti	3.9	2.1	3.0	2.9
Perkhidmatan Kerajaan	4.5	11.9	6.9	7.4
Perkhidmatan lain	5.0	4.9	5.7	5.7

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dan pengembangan dalam aktiviti perdagangan dan pelancongan. Berbanding dengan sektor-sektor lain yang terjejas oleh keadaan ekonomi global yang lembap, pertumbuhan sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 6.4% pada separuh kedua tahun itu (separuh pertama tahun 2008: 8.4%). Pertumbuhan pada separuh tahun kedua terjejas disebabkan penyederhanaan subsektor perkhidmatan yang bergantung pada aktiviti berkaitan perdagangan dan pasaran modal.

Meskipun mengalami penyederhanaan pada separuh tahun kedua, pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal kukuh pada tahun 2008

Subsektor **perdagangan borong & runcit** berkembang sebanyak 9.8% berbanding dengan 12.5% pada tahun 2007. Subsektor ini mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada separuh tahun pertama, sejajar dengan permintaan dalam negeri yang teguh. Pertambahan pasar raya besar dan saluran dagang runcit yang berterusan, ditambah pula dengan pelanjutan Tahun Melawat Malaysia dan acara Jualan Mega Malaysia membantu meningkatkan perbelanjaan runcit. Di samping itu, segmen kenderaan bermotor meningkat dengan ketara sepanjang tempoh sembilan bulan pertama, berikutan pelancaran model baharu. Walau bagaimanapun, pertumbuhan menyederhana pada separuh tahun kedua, disebabkan inflasi yang tinggi dan sentimen pengguna yang lemah. Akibatnya, pembelian pengguna sebahagian besarnya tertumpu kepada makanan dan minuman, dan barangan keperluan isi rumah.

Subsektor **kewangan dan insurans** mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.7% (2007: 11.1%) untuk mencakupi 11% daripada KDNK pada akhir tahun 2008. Dalam segmen kewangan, pengantara kewangan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dan akses pembiayaan yang berterusan. Jumlah pinjaman terkumpul bagi sistem perbankan bertambah sebanyak 12.8% (2007: 8.6%) dengan pertumbuhan pinjaman yang kukuh dalam semua sektor ekonomi. Walau bagaimanapun, pendapatan faedah bersih sistem perbankan mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 8% (2007: 10.8%), sebahagiannya akibat daripada spread kadar faedah yang mengecil berikutan persaingan yang lebih hebat. Sementara itu, pendapatan berasaskan fi menyederhana disebabkan terutamanya oleh kelembapan aktiviti pasaran

Rajah 1.7
Prestasi Subsektor Kewangan dan Insurans Berbanding dengan Penunjuk Berkaitan



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Bank Negara Malaysia

modal pada separuh kedua tahun itu. Kewangan Islam terus berkembang sepanjang tahun itu, dengan enam buah bank Islam baharu mula beroperasi, menjadikan jumlah bank Islam yang aktif sebanyak 17 buah pada akhir tahun 2008. Sementara itu, industri perkhidmatan insurans mencatatkan pertumbuhan yang sederhana, terutamanya disebabkan aktiviti yang lebih rendah dalam segmen insurans hayat.

Dalam subsektor **komunikasi**, persaingan yang sengit dalam pasaran telekomunikasi dan pelancaran perkhidmatan jalur lebar yang baharu, terutamanya WiMax, mendorong kepada permintaan yang kukuh dalam kedua-dua segmen selular dan jalur lebar. Menjelang bulan Ogos, empat pengendali WiMax menawarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi kepada kawasan bandar-bandar utama. Perkembangan ini bertindak sebagai pemangkin dalam mempertingkat akses jalur lebar ke seluruh negara. Sementara itu, segmen selular terus kekal mantap dengan penyertaan satu syarikat baharu, promosi perniagaan pascabayar yang agresif dan pelaksanaan kemudahan nombor mudah alih yang boleh dipindahkan. Pada akhir tahun 2008, kadar penembusan jalur lebar bertambah kepada 21.1% daripada isi rumah (akhir tahun 2007: 14.4%), manakala kadar penembusan segmen selular pula meningkat kepada 96.8% daripada populasi, berbanding dengan 85.1% pada akhir tahun 2007. Perkembangan ini menyumbang kepada pertumbuhan yang tinggi sebanyak 7.3% dalam subsektor komunikasi (2007: 7%).

Sementara itu, subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 6.1% (2007: 10%). Segmen berkaitan kargo mencatatkan prestasi yang memuaskan pada separuh tahun pertama, disokong oleh aktiviti perdagangan dan perkilangan yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, pada

Jadual 1.6
Penunjuk Terpilih bagi Sektor Perkhidmatan

	2007	2008*a*
	Perubahan tahunan, (%)	
Utiliti		
Indeks pengeluaran elektrik	3.9	1.2
Perdagangan Borong & Runcit dan Penginapan & Restoran		
Kredit penggunaan yang dikeluarkan	9.5	10.8
Ketibaan pelancong	19.5	5.1
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-0.7	12.5
Kewangan & Insurans dan Harta Tanah & Perkhidmatan Perniagaan		
Pinjaman yang terkumpul dalam sistem perbankan	8.6	12.8
Premium insurans	6.1	2.7
Urus niaga Bursa Malaysia (jumlah unit)	94.1	-59.8
Pengangkutan & Penyimpanan dan Komunikasi		
Jumlah kontena dikendalikan di Pelabuhan Klang dan PTP (TEUs)	13.6	7.7
Jumlah penumpang di lapangan terbang	6.2	5.9
Kargo udara yang dikendalikan	-5.5	-6.7
Trafik SMS	70.6	28.7
	%	
Kadar penembusan:		
- Jalur lebar[1]	14.4	21.1
- Telefon selular[2]	85.1	96.8
- Talian tetap	47.8	44.9

[1] daripada isi rumah
[2] daripada populasi
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Persatuan Automotif Malaysia; Bursa Malaysia Berhad; Lembaga Pelabuhan Klang; PTP; Malaysia Airports Holdings Berhad; Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd; Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; dan Bank Negara Malaysia.

separuh tahun kedua, kemerosotan ekonomi global menjejaskan sektor perkilangan, yang kemudiannya membawa kepada permintaan yang rendah terhadap kargo udara, perkapalan, pelabuhan dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan. Walau bagaimanapun, segmen berkaitan penumpang terus berdaya tahan. Momentum trafik penumpang udara di semua lapangan terbang terutamanya kekal mampan daripada tahun sebelumnya, disebabkan terutamanya oleh perjalanan dalam negeri dan serantau yang kukuh, ketika penerbangan tambang murah terus berkembang pesat di rantau ini. Selain itu, tahun 2008 juga menyaksikan satu peristiwa penting dalam industri penerbangan berikutan liberalisasi separa bagi laluan udara Kuala Lumpur-Singapura untuk penerbangan tambang murah pada bulan Februari dan liberalisasi sepenuhnya pada bulan Disember.

Dalam subsektor **perkhidmatan lain**, pertumbuhan kekal pada 4.9% (2007: 5%). Subsektor ini mendapat manfaat daripada permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan pendidikan swasta, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perkhidmatan berkaitan hiburan. Walau bagaimanapun, subsektor **penginapan & restoran** mengalami pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun 2008, setelah mencatatkan pertumbuhan dua angka pada tahun 2007, kerana subsektor ini terjejas oleh sentimen pengguna yang lebih lemah pada akhir tahun itu. Begitu juga, subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 1.5% pada tahun 2008, setelah mencatat pertumbuhan yang teguh sebanyak 18.2% pada tahun 2007. Penyederhanaan ini disebabkan terutamanya oleh aktiviti berkaitan pasaran modal yang lemah dan penyederhanaan urus niaga harta tanah yang ketara pada separuh tahun kedua.

Jadual 1.7
Prestasi Sektor Perkilangan

	2007	2008
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 2000)	**3.1**	**1.3**
Pengeluaran keseluruhan[1]	**2.2**	**0.7**
Kumpulan berorientasikan eksport	**1.0**	**-1.2**
Elektronik dan barangan elektrik	**-1.5**	**-3.5**
antaranya:		
Elektronik	3.0	-5.4
Barangan elektrik	-10.8	1.1
Kumpulan berkaitan keluaran utama	**2.7**	**0.4**
antaranya:		
Kimia dan keluaran kimia	3.6	-3.5
Keluaran petroleum	2.5	5.9
Keluaran getah	8.6	4.7
Pemprosesan di luar estet	-8.9	9.4
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**7.6**	**8.0**
Kumpulan berkaitan pengguna	**5.6**	**11.0**
antaranya:		
Peralatan pengangkutan	-1.1	23.4
Makanan, minuman & keluaran tembakau	9.1	7.4
Kumpulan berkaitan pembinaan	**10.0**	**4.3**
antaranya:		
Keluaran berkaitan pembinaan	8.5	3.2
Keluaran logam yang direka	12.5	6.1
Eksport	**0.3**	**3.6**

[1] Data pengeluaran adalah berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100) yang baharu
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan berkembang, meskipun pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2008 (1.3%; 2007: 3.1%), didorong terutamanya oleh industri berorientasikan dalam negeri. Pertumbuhan kukuh dan menyeluruh pada separuh tahun pertama dengan permintaan luar negeri yang teguh terhadap kedua-dua keluaran elektronik dan elektrik (electronics and electrical, E&E), berpunca terutamanya daripada pasaran bukan AS, dan keluaran utama yang mendapat manfaat daripada kenaikan harga komoditi. Hal ini diperkukuh oleh prestasi teguh dalam industri berorientasikan dalam negeri disebabkan permintaan dalam negeri yang kukuh. Pada separuh kedua tahun itu, sektor perkilangan mula

menjadi lemah, sejajar dengan kemerosotan ketara permintaan dunia dan pembetulan mendadak pada harga komoditi.

Pertumbuhan sektor perkilangan didorong oleh industri berorientasikan dalam negeri memandangkan prestasi industri berorientasikan eksport menjadi lemah dengan ketara menjelang akhir tahun

Industri berorientasikan eksport terjejas dengan teruk, terutamanya pada penghujung tahun apabila permintaan dunia menjadi perlahan dengan mendadak. Kelemahan ini juga menjejaskan prestasi industri berorientasikan dalam negeri, tetapi pengembangan kukuh keluaran berkaitan pengguna telah mengimbangi sebahagian daripada kemerosotan keseluruhan dalam sektor perkilangan. Walau bagaimanapun, sektor perkilangan masih menjadi penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi, dengan bahagiannya mencakupi 29.2% daripada KDNK (2007: 30.1%).

Industri berorientasikan eksport menguncup sebanyak 1.2% (2007: 1%) disebabkan kemerosotan kluster industri E&E melebihi pertumbuhan kluster berkaitan keluaran utama. Industri E&E terus lemah pada tahun 2008, terjejas oleh kemerosotan global pada separuh kedua tahun yang lebih daripada mengimbangi permintaan luar negeri yang teguh daripada ekonomi-ekonomi baru muncul pada awal tahun itu. Sepanjang separuh pertama tahun itu, pengeluaran komputer dan alat ganti mencatatkan prestasi yang kukuh berikutan lonjakan permintaan luar negeri daripada pasaran bukan AS. Sementara itu, pengeluaran separa konduktor bertambah disebabkan permintaan yang kukuh terhadap keluaran akhir, seperti komputer, keluaran pengguna elektronik dan telekomunikasi, terutamanya dari RR China, Hong Kong SAR dan India. Begitu juga, permintaan yang kukuh terhadap keluaran elektrik baharu, seperti pemain cakera *"Blu-ray"* dan televisyen HD LCD, terutamanya dari Australia dan Timur Tengah, menyumbang dengan ketara, berbeza daripada penurunan pengeluaran barangan elektrik pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, trend ini berubah dengan mendadak pada separuh kedua apabila kemerosotan ekonomi global mengakibatkan kemerosotan yang nyata dalam pengeluaran E&E. Pengilang dalam industri E&E juga menghadapi tekanan harga dalam keluaran mereka disebabkan persaingan sengit bukan sahaja dalam pasaran tempatan malah juga dalam kalangan pengilang global utama.

Pengeluaran dalam industri **berkaitan keluaran utama** berkembang, meskipun sedikit, disokong terutamanya oleh keluaran luar estet, kimia

Rajah 1.8
Sektor Perkilangan: Nilai ditambah, Pengeluaran, Eksport dan Jualan



[1] Data dari 2008 adalah berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100) yang baharu
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.9
Kumpulan E&E: Nilai ditambah, Pengeluaran, Eksport dan Jualan



[1] Data dari 2008 adalah berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100) yang baharu
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.10
Pengeluaran dan Eksport Separa konduktor



[1] Data dari 2008 adalah berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100) yang baharu
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Persatuan Industri Separa Konduktor (SIA)

Rajah 1.12
Kumpulan Barangan Pengguna: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Jualan



[1] Data dari 2008 adalah berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100) yang baharu
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dan getah. Sepanjang separuh tahun pertama, pertumbuhan kukuh dalam segmen pemprosesan luar estet disebabkan terutamanya oleh harga komoditi yang tinggi yang menggalakkan lebih banyak tuaian dan pemprosesan, manakala pertumbuhan keluaran getah mampan terutamanya oleh pertumbuhan yang berterusan dalam industri pengangkutan dan permintaan luar negeri yang kukuh terhadap sarung tangan getah. Selain itu, pertumbuhan mampan subsektor E&E dan pengangkutan memberikan sokongan kepada industri plastik dalam segmen bahan kimia dan keluaran kimia. Pada separuh kedua tahun itu, produk berkaitan keluaran utama terjejas oleh keadaan ekonomi global yang lembap dan pembetulan harga komoditi. Pengeluaran dalam pemprosesan luar estet mencatatkan kemerosotan yang mendadak. Kemerosotan pengeluaran tayar getah disebabkan pertumbuhan lebih perlahan dalam segmen pengangkutan telah diimbangi oleh permintaan yang lebih berdaya tahan bagi sarung tangan getah yang menyokong keseluruhan segmen keluaran getah. Pertumbuhan bahan kimia dan keluaran kimia terjejas terutamanya oleh kejatuhan permintaan terhadap keluaran E&E serta barangan pengguna dan barangan perindustrian yang lain.

Rajah 1.11
Industri Barangan Induk: Nilai ditambah, Pengeluaran, Eksport dan Jualan



[1] Data dari 2008 adalah berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005= 100) yang baharu
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri berorientasikan dalam negeri mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 8% (2007: 6.3%), disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang kukuh. Pengeluaran berkaitan keluaran pengguna, seperti makanan, minuman dan tembakau meningkat sebanyak dua angka, berpunca daripada penggunaan swasta yang teguh sepanjang tahun itu. Sementara itu, kelengkapan pengangkutan menyaksikan prestasi yang teguh pada separuh tahun pertama, sejajar dengan jualan kereta yang tinggi. Jualan kereta sampai kepada kemuncak kitaran empat tahun, disebabkan sentimen pengguna yang positif memandangkan pertumbuhan pendapatan yang berterusan, terdapatnya pembiayaan pada kadar kompetitif serta promosi yang agresif untuk kereta model baharu. Walau bagaimanapun,

Rajah 1.13
Kumpulan Barangan Berkaitan Pembinaan: Nilai ditambah, Pengeluaran dan Jualan



[1] Data dari 2008 adalah berdasarkan Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005 = 100) yang baharu
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pada separuh kedua, prestasi industri automotif menyederhana apabila pengguna menjadi berhati-hati disebabkan ramalan keadaan ekonomi yang lemah.

Pertumbuhan kukuh dalam pengeluaran bahan **berkaitan pembinaan** pada separuh tahun pertama disokong oleh kedua-dua sektor pembinaan dalam negeri dan permintaan luar negeri yang teguh dari rantau ini. Pemansuhan harga bumbung ke atas batang keluli dan bilet serta pengurangan duti import untuk simen memberikan galakan seterusnya. Pertumbuhan yang lebih perlahan pada separuh tahun kedua adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang lemah dan penurunan harga, tetapi sedikit sebanyak diimbangi oleh permintaan luar negeri, terutamanya terhadap besi dan keluaran keluli.

Sektor Pertanian

Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan **(sektor pertanian)** berkembang pada kadar yang lebih pesat sebanyak 3.8% pada tahun 2008, didorong terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih kukuh, yang merupakan kira-kira 30% daripada nilai ditambah dalam sektor pertanian. Pertumbuhan sepanjang tahun itu juga disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi aktiviti berkaitan makanan utama, seperti perikanan dan ternakan.

Pengeluaran **minyak sawit mentah** meningkat dengan kukuh sebanyak 12.1% kepada 17.7

Jadual 1.8
Sektor Pertanian: Nilai ditambah dan Pengeluaran

	2007	2008*a*
	Perubahan Tahunan (%)	
Nilai ditambah	**2.2**	**3.8**
Tanaman industri	**0.1**	**3.2**
Pengeluaran antaranya:		
Minyak sawit mentah	-0.4	12.1
Getah	-6.6	-10.1
Kayu balak	0.7	-16.3
Biji koko	10.2	-20.5
Tanaman makanan	**5.3**	**4.7**
Pengeluaran antaranya:		
Ikan	0.2	5.2
Ternakan[1]	9.9	4.3
Sayur-sayuran	8.6	11.9
Buah-buahan	-2.8	3.2

[1] Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Lembaga Getah Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Malaysia
Jabatan Pertanian Malaysia

juta tan metrik pada tahun 2008, didorong oleh keadaan cuaca yang baik dan sebahagiannya oleh peningkatan kukuh dalam harga minyak sawit mentah sebanyak 16.3% kepada harga purata RM2,875 setan metrik.

Pengembangan sektor pertanian didorong terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih kukuh

Prestasi yang kukuh ini berpunca daripada penggunaan baja secara meluas yang menyumbang kepada hasil yang lebih tinggi di Semenanjung Malaysia yang mencatatkan jumlah keluaran 10.1 juta tan metrik dan bertambah sebanyak 17.4%. Pengeluaran di Sabah bertambah pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 3.2% disebabkan

Impak Perkembangan Harga Komoditi

Harga komoditi mengalami turun naik luar biasa pada tahun 2008 apabila dalam tempoh setahun sahaja, harga turun dan naik dalam magnitud yang besar. Harga komoditi naik mendadak pada separuh pertama 2008, sebahagiannya disebabkan permintaan yang teguh dan jangkaan permintaan yang lebih tinggi daripada ekonomi sedang pesat membangun yang utama serta peningkatan pelaburan memandangkan komoditi kini menjadi kelas aset pelaburan yang baharu. Di samping itu, harga makanan turut didorong oleh peningkatan penggunaan tanaman makanan untuk penjanaan bahan api alternatif selain faktor kemerosotan hasil pengeluaran pertanian akibat cuaca buruk. Harga bagi beberapa komoditi mencecah paras tertinggi. Namun, kegawatan kewangan yang lebih buruk pada separuh kedua 2008, serta pelupusan kedudukan panjang (long position) yang ketara oleh pelabur dan penarikan balik pembiayaan oleh institusi kewangan telah menyebabkan harga komoditi membetul secara mendadak. Berikutan itu, harga beberapa komoditi merosot dengan ketara daripada paras puncaknya pada separuh pertama 2008. Penurunan permintaan juga menyebabkan kemerosotan harga komoditi pada tahun 2008.

Rajah 1
Indeks Harga Komoditi BNM - Nilai



Rajah 2
Indeks Harga Komoditi BNM: Perubahan Tahunan



Sebelum tahun 2008, harga komoditi telah pun memperlihatkan trend menaik seperti ditunjukkan oleh peningkatan beransur-ansur dalam Indeks Harga Komoditi BNM[1] (Rajah 1) sejak tahun 2003. Ini selari dengan tempoh pertumbuhan global yang tinggi yang berpanjangan berserta proses perindustrian yang pesat di beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang utama. Namun, harga komoditi naik mendadak dalam magnitud yang tiada tandingannya pada separuh pertama 2008 lantas menyebabkan kenaikan Indeks yang ketara sebanyak 23.5% (Rajah 2). Harga minyak mentah (NYMEX West Texas Intermediate) mencecah paras tertingginya pada USD145 setong pada bulan Julai, iaitu kenaikan 63.6% berbanding paras harga bulan Januari 2008. Harga minyak sawit mencapai kemuncaknya pada RM4,180 setan pada bulan Mac, naik sekali ganda berbanding harga setahun sebelumnya. Begitu juga dengan harga keluli yang turut meningkat sekali ganda kepada lebih RM4,000 setan dalam tempoh yang sama. Namun, pada separuh kedua 2008, harga kebanyakan komoditi menurun dengan mendadak. Harga minyak mentah NYMEX pada akhir tahun 2008 ialah USD44.60 setong, paras harga terendah sejak bulan Januari 2005, sementara harga minyak sawit pula merosot kepada RM1,630, iaitu paras terendahnya sejak bulan Oktober 2006. Ekoran itu, Indeks Harga Komoditi BNM menurun 27.9% pada tempoh tersebut.

[1] Indeks Harga Komoditi BNM adalah indeks harga berasaskan eksport (2000 = 100) komoditi Malaysia utama, iaitu minyak kelapa sawit, minyak isirong sawit, minyak mentah, gas asli, kayu balak, kayu siap digergaji, koko, getah dan tin.

Malaysia, sebagai pengeluar dan pengeksport utama beberapa komoditi seperti minyak sawit, minyak mentah, gas asli dan getah, menerima kesan akibat peningkatan mendadak ini dan juga kemerosotan yang menyusul dalam harga komoditi. Perubahan harga komoditi memberikan kesan yang berbeza-beza terhadap ekonomi – memberikan manfaat kepada beberapa segmen tertentu ekonomi, sementara bagi segmen yang lain pula ia membawa kesan negatif. Faktor-faktor utama yang menerima kesan ini ialah paras harga, perdagangan luar negara, pendapatan syarikat dan individu dalam sektor pertanian dan perlombongan serta kedudukan fiskal Kerajaan.

Kenaikan harga komoditi dan harga makanan dunia yang cepat memberikan tekanan yang kuat terhadap paras harga dalam negeri, iaitu Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR). Ketika inflasi IHP meningkat secara beransur-ansur pada lima bulan pertama tahun 2008, pelaksanaan penstrukturan semula subsidi bahan api oleh Kerajaan pada bulan Jun

Rajah 3
Indeks Harga Pengguna (IHP)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

menyebabkan harga bahan api naik 40.4%, mengakibatkan peningkatan mendadak kadar inflasi yang memuncak kepada 8.5% pada bulan Julai. Seterusnya, harga bahan api dan makanan dalam negeri menurun apabila Kerajaan membuat pelarasan menurun kepada harga bahan api sejajar dengan perkembangan harga minyak dunia. Langkah ini telah menyebabkan kadar inflasi menjadi sederhana kepada 4.4% menjelang bulan Disember. Secara keseluruhan, kadar inflasi mencatat purata 5.4% pada tahun 2008, iaitu lebih tinggi daripada kadar inflasi purata jangka panjang negara pada 3.0%. Sebagai mencerminkan kesan harga komoditi terhadap inflasi dalam negeri, kategori makanan dan minuman tidak beralkohol serta pengangkutan merupakan 77.1% daripada peningkatan keseluruhan harga dalam negeri pada tahun 2008. Kesan harga komoditi global adalah lebih ketara terhadap IHPR, yang meningkat ke paras tertinggi 14.4% pada bulan Jun, sebelum menurun pada separuh kedua 2008. Khususnya, komponen IHPR berasaskan komoditi mencecah paras tinggi 42.5% pada bulan Jun sebelum menurun dengan pantas kepada -10.4% menjelang akhir tahun 2008. Bagi meredakan kesan harga bahan api dan makanan yang tinggi kepada rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah, Kerajaan memperkenalkan beberapa langkah, termasuk memberikan subsidi harga beras keluaran tempatan dan juga harga bahan api untuk para nelayan dan pengendali pengangkutan awam selain memberikan rebat tunai bahan api kepada pemilik kenderaan.

Malaysia telah sekian lama mengambil langkah-langkah perlu untuk mempelbagaikan eksportnya, dan eksport perkilangan merupakan sumber utama pendapatan eksport negara.

Namun, sebagai pengeksport komoditi bersih yang utama, kenaikan mendadak harga komoditi telah meningkatkan dengan nyata sumbangan sektor komoditi kepada perolehan eksport Malaysia. Bahagian eksport komoditi kepada jumlah eksport naik hampir sekali ganda kepada 23.5% pada tahun 2008, daripada 13.3% pada tahun 2000. Di samping itu, memandangkan eksport komoditi mempunyai kandungan import yang secara relatif rendah berbanding dengan eksport perkilangan, sumbangan eksport komoditi kepada jumlah imbangan perdagangan turut bertambah dengan ketara. Pada tahun 2008, 73.6% daripada lebihan perdagangan Malaysia yang berjumlah RM142 bilion disumbangkan oleh eksport komoditi berbanding 56.3% pada tahun 2000. Kemerosotan besar harga komoditi pada separuh kedua 2008 menyebabkan penurunan yang ketara dalam nilai eksport kasar komoditi.

Kesan harga komoditi terhadap paras pendapatan juga besar, dengan mereka yang terlibat dalam sektor pertanian dan perlombongan, termasuk pekebun kecil serta syarikat perladangan dan syarikat minyak, menikmati peningkatan pendapatan yang besar sejajar dengan kenaikan harga. Kebanyakan syarikat perladangan utama mencatat pertumbuhan keuntungan yang besar sehingga setinggi 80% pada asas tahunan pada suku kedua 2008. Harga komoditi yang lebih tinggi, terutamanya harga minyak sawit dan getah, turut memberikan manfaat kepada hampir 270,000 pekebun kecil dalam sektor-sektor ini. Pendapatan purata peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority, FELDA) meningkat kepada RM3,014 sebulan bagi getah dan RM3,489 sebulan bagi minyak sawit pada tahun 2008, berbanding dengan paras pendapatan sebanyak RM2,353 sebulan bagi getah dan RM1,930 sebulan bagi minyak sawit pada tahun 2007. Namun begitu, dengan penurunan harga komoditi menjelang akhir tahun 2008, keuntungan syarikat perladangan dan perlombongan terjejas dengan teruk, manakala pendapatan pekebun kecil pula merosot dengan ketara kepada kira-kira RM600 sebulan bagi getah dan RM750 sebulan bagi minyak sawit pada akhir tahun 2008.

Rajah 5
Sumbangan Bersih terhadap Imbangan Dagangan



Sumber: MATRADE

Satu lagi kesan daripada kenaikan mendadak harga komoditi ialah peningkatan susulan dalam harga kebanyakan bahan input dan kos pelaburan dalam sektor perlombongan dan pertanian. Syarikat minyak dan gas mengalami peningkatan mendadak kira-kira 100% dari segi kos penggalian pada separuh pertama 2008, dan juga harga keluli yang meningkat 75% pada tempoh yang sama. Sementara itu, harga baja naik hampir 100% pada tahun 2008. Sungguhpun kemerosotan harga komoditi menjelang akhir tahun 2008 telah meredakan

Rajah 6
Sumbangan hasil minyak terhadap hasil Kerajaan Persekutuan



Sumber: Jabatan Akauntan Negara

sedikit tekanan kos terhadap bahan input ini, penurunan serentak hasil dan keuntungan membataskan keupayaan syarikat perladangan dan syarikat minyak untuk menambah perbelanjaan pelaburan, dengan beberapa daripada mereka melaporkan penurunan dalam perbelanjaan modal.

Kenaikan harga minyak juga telah meningkatkan dengan ketara hasil Kerajaan. Hasil lebih tinggi yang diperoleh adalah daripada cukai pendapatan petroleum, royalti minyak dan gas, duti eksport petroleum, serta cukai jualan dan dividen yang dibayar oleh PETRONAS. Hasil minyak bertambah daripada RM13.6 bilion pada tahun 2000 kepada RM51.2 bilion pada tahun 2007. Seiring dengan kenaikan mendadak harga minyak pada tahun 2008, hasil minyak mencecah RM63.7 bilion pada tahun 2008 untuk mencakupi 39.9% daripada keseluruhan hasil Kerajaan. Hasil berasaskan minyak yang lebih tinggi sejak beberapa tahun yang lalu telah membolehkan Kerajaan membuat perbelanjaan pembangunan bagi infrastruktur, pendidikan dan penjagaan kesihatan, lantas menyumbangkan lagi kepada peningkatan kapasiti produktif jangka panjang negara. Bagaimanapun, sumbangan besar hasil minyak juga meningkatkan sensitiviti hasil fiskal terhadap pergerakan harga minyak.

Melangkah ke tahun 2009, harga komoditi dijangka terus rendah, berikutan keadaan kewangan dan ekonomi global yang ketara semakin lembap. Malaysia, sebagai negara pengeksport komoditi utama, akan terjejas akibat perkembangan ini. Meskipun dari satu segi, harga komoditi yang lebih rendah akan meredakan lagi tekanan terhadap inflasi, namun pendapatan pekebun kecil serta syarikat dalam sektor pertanian dan perlombongan yang lebih rendah akan menjejaskan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta. Sungguhpun akaun perdagangan dijangka terus mencatat lebihan, sumbangan sektor komoditi kepada imbangan perdagangan negara dijangka lebih rendah.

Rajah 1.14
Kelapa Sawit: Kawasan, Pengeluaran dan Hasil



a Awalan
Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Rajah 1.16
Getah Asli: Pengeluaran, Harga dan Hasil



a Awalan
Sumber: Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia

peningkatan yang lebih kecil dalam kawasan dan tiada pertumbuhan dalam hasil tandan buah segar (FFB). Keseluruhannya, hasil FFB bertambah sebanyak 6% kepada 20.18 tan sehektar pada tahun 2008. Dengan peningkatan dalam pengeluaran, stok minyak sawit turut meningkat dengan ketara, iaitu mencecah paras paling tinggi sebanyak 2.27 juta tan metrik pada bulan November 2008, sebelum mengakhiri tahun itu pada 1.99 juta tan metrik.

Pengeluaran **getah asli** menguncup sebanyak 10.1% kepada 1.08 juta tan metrik pada tahun 2008 disebabkan faktor-faktor berkaitan cuaca pada separuh tahun pertama, serta kemerosotan harga yang ketara pada separuh kedua tahun itu. Pada separuh tahun pertama, hujan lebat yang kerap berlaku, terutamanya di kawasan pengeluaran utama di utara Semenanjung Malaysia, telah mengganggu aktiviti penorehan. Akibatnya, pengeluaran sepanjang tempoh ini susut sebanyak 4.7%. Pengeluaran getah terus merosot sebanyak 15.4% pada separuh tahun kedua, apabila kemerosotan harga yang ketara mendorong pekebun kecil, yang menghasilkan 95% daripada jumlah keluaran, untuk mengurangkan pengeluaran mereka. Harga getah merosot dengan mendadak daripada paras tertinggi 1,053 sen sekilogram pada awal bulan Julai 2008 kepada paras yang rendah sebanyak 400 sen sekilogram pada bulan Disember 2008.

Rajah 1.15
Harga Minyak Sawit dan Stok



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Prestasi subsektor **tanaman makanan** terus menggalakkan pada tahun 2008, dengan pertumbuhan masing-masing bagi subsektor perikanan dan ternakan sebanyak 5.2% dan 4.3%. Pertumbuhan subsektor perikanan sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan akuakultur, manakala ternakan diterajui oleh pengeluaran ternakan yang lebih tinggi. Dalam subsektor **perhutanan**, aktiviti pembalakan terus merosot pada tahun 2008, dengan pengeluaran balak menguncup sebanyak 16.3%, sejajar dengan dasar pengurusan hutan yang mampan seperti yang digariskan oleh Pertubuhan Balak Tropika Antarabangsa. Sementara itu, pengeluaran **koko** susut sebanyak 20.5% disebabkan pengurangan yang

ketara dalam kawasan penanaman di Sabah, serta aktiviti penanaman semula yang intensif di beberapa kawasan.

Sektor Perlombongan

Nilai ditambah bagi **sektor perlombongan** merosot sebanyak 0.8% pada tahun 2008 disebabkan pengeluaran gas asli yang lebih rendah, manakala pengeluaran minyak mentah mencatatkan peningkatan yang kecil.

Sektor perlombongan merosot sedikit disebabkan pengeluaran gas asli yang lebih rendah

Pengeluaran **minyak mentah (termasuk kondensat)** berpurata 694,141 tong sehari pada tahun 2008, iaitu peningkatan sebanyak 2%. Pengeluaran yang lebih tinggi didorong sepenuhnya oleh pengeluaran sekali ganda minyak mentah di Sabah kepada 150,792 tong sehari (2007: 74,800). Sabah kini mencakupi 21.7% daripada jumlah pengeluaran minyak. Bagi mematuhi had yang digariskan oleh Dasar Susutan Negara, pengeluaran Semenanjung Malaysia susut sebanyak 8.9% kepada 337,369 tong sehari, iaitu merupakan 49% daripada jumlah pengeluaran minyak mentah negara. Sementara itu, kondensat terus menyumbang dengan ketara, iaitu 121,511 tong sehari, atau merupakan 17.5% daripada jumlah pengeluaran minyak.

Pengeluaran **gas asli** menguncup 4.9% kepada 5,579 juta kaki padu standard sehari disebabkan terutamanya oleh permintaan luar negeri yang lebih rendah terhadap gas asli cecair (liquefied natural gas, LNG). Selain itu, pengeluaran juga terjejas disebabkan penutupan bagi kerja penyenggaraan yang tidak dirancang di beberapa medan gas di Semenanjung Malaysia. Rizab minyak di negara ini bertambah kepada 5.46 bilion tong atau 22 tahun jangka hayat pada 1 Januari 2008, disokong oleh peningkatan rizab daripada penemuan laut dalam di luar pantai Sabah. Sementara itu, rizab gas asli adalah pada 14.67 bilion tong bersamaan tong minyak, memadai untuk menampung 36 tahun pengeluaran gas pada tahap pengeluaran semasa.

Rajah 1.17
Pengeluaran Minyak Mentah dan Kondensat



a Awalan
Sumber: PETRONAS

Jadual 1.9
Sektor Perlombongan: Nilai ditambah dan Pengeluaran

	2007	2008*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Nilai ditambah	**3.3**	**-0.8**
Pengeluaran		
antaranya:		
Minyak mentah dan kondensat	2.4	2.0
Gas asli	1.9	-4.9

a Awalan

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.10
Malaysia: Rizab Minyak Mentah dan Gas Asli[1]

	Pada 1 Januari	
	2007	2008*a*
Minyak mentah (termasuk kondensat)		
Jumlah rizab (bilion tong)	5.36	5.46
Rizab/Pengeluaran (tahun)	22	22
Gas asli		
Jumlah rizab (bilion tong minyak sama tara)	14.82	14.67
Rizab/Pengeluaran (tahun)	39	36

[1] Dasar Susutan Negara diperkenalkan pada tahun 1980 untuk mengawal selia eksploitasi rizab minyak negara dengan menangguhkan pembangunan dan menjalankan kawalan terhadap pengeluaran medan minyak utama (yang mempunyai rizab sebanyak 400 juta tong atau lebih)

a Awalan

Sumber: PETRONAS

Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan mencatatkan kadar pertumbuhan positif buat dua tahun berturut-turut, dengan pertumbuhan sebanyak 2.1%. Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti yang lebih tinggi merentasi ketiga-tiga subsektor.

Pertumbuhan sektor pembinaan kekal positif pada tahun 2008

Dalam subsektor **kejuruteraan awam**, pertumbuhan yang kukuh dicatatkan pada separuh pertama tahun 2008, berikutan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) di samping projek-projek dalam industri minyak dan gas. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 23.5% pada separuh pertama tahun 2008, terutamanya untuk membiayai pembinaan projek baharu dan menaik taraf kemudahan infrastruktur sedia ada. Industri minyak dan gas berterusan mengalami aktiviti yang lebih tinggi, terutamanya dalam pembinaan pelantar, platform minyak dan terminal penyimpanan.

Pada separuh kedua tahun 2008, subsektor kejuruteraan awam terjejas oleh kenaikan mendadak harga bahan binaan, terutamanya keluli dan simen. Berikutan kenaikan ketara harga global bahan binaan, Kerajaan memutuskan untuk meliberalisasi struktur harga bagi kedua-dua besi dan simen pada bulan Mei dan Jun 2008, yang mengakibatkan kenaikan mendadak harga bahan-bahan ini. Akibatnya, aktiviti kebanyakan projek menjadi perlahan sementara syarikat-syarikat pembinaan mengelak daripada membida projek-projek baharu disebabkan turun naik kos. Bagi memastikan pelaksanaan projek-projek

Rajah 1.18
Pertumbuhan Nilai ditambah Sektor Pembinaan Berbanding dengan Pertumbuhan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan dan Pelaburan Swasta



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara

Rajah 1.19
Penawaran Akan Datang dan Kadar Penghunian Ruang Perniagaan di Malaysia dan Kuala Lumpur (pada akhir tahun)



a Awalan
Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Rajah 1.20
Penawaran Akan Datang dan Kadar Penghunian Ruang Pejabat Dibina Khas di Malaysia dan Kuala Lumpur (pada akhir tempoh)



a Awalan
Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Jadual 1.11
Langkah-langkah yang Diperkenalkan dalam Sektor Pembinaan pada 2008

Tarikh Pengumuman	Langkah-langkah
Liberalisasi dalam industri keluli 12 Mei 2008	• Pemansuhan harga siling bagi batang keluli dan bilet • Kebenaran mengimport keluli panjang tanpa memerlukan Permit Import (Approval Permit, AP) dan pemansuhan duti import bagi batang keluli di bawah Sub-kepala Kod Tarif Kastam 7214.10 910 dan 7214.20 910
Liberalisasi dalam industri simen 5 Jun 2008	• Pemansuhan harga siling bagi simen • Duti import dikurangkan kepada 10% daripada 50% di negara bukan Asean • Liberalisasi hanya melibatkan jenis-jenis simen berikut: - HS 2523 29 900 (simen jenis biasa Portland); dan - HS 2523 90 000 (simen hidraulik). • Pengimport simen di Sabah dan Sarawak dikecualikan daripada memperolehi lesen untuk mengimport (AP)
Pelarasan kepada Syarat Perubahan Harga (VOP) Ogos 2008	• Diperluas untuk merangkumi projek reka bentuk dan binaan mengikut asas perkongsian kos 50:50 • Bahan-bahan yang terkandung dalam skim VOP boleh dikategorikan seperti berikut: 1) Kerja-kerja Kejuruteraan - 11 item daripada 5 item sebelumnya 2) Kerja-kerja Pembinaan Bangunan - 15 item 3) Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrik - 7 item • Peraturan ini terpakai bagi projek-projek Kerajaan yang dilaksanakan selepas 1 Januari 2008, termasuk projek reka bentuk dan binaan mengikut asas perkongsian kos 50:50
Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama 4 November 2008	• 10% duti import bagi simen dimansuhkan • Duti import bagi 54 Sub-kepala Kod Tarif Kastam yang lain untuk keluaran keluli panjang dimansuhkan • Semua barangan diimport hendaklah mematuhi Piawaian Malaysia (MS) atau suatu Piawaian Antarabangsa yang diiktiraf sekiranya MS tiada

Kerajaan siap mengikut perancangan, Kerajaan mengeluarkan Syarat Perubahan Harga (Variation of Price, VOP) yang dikemas kini bagi projek-projek ini pada bulan Ogos 2008. Inisiatif ini, serta harga keluli yang menyederhana menjelang akhir tahun itu, memulihkan semula keyakinan terhadap industri pembinaan.

Pertumbuhan subsektor **bukan kediaman** mantap, didorong terutamanya oleh segmen ruang pejabat. Aktiviti perniagaan yang kukuh pada awal tahun memberi perniagaan peluang untuk berkembang dan menyebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap bangunan ruang pejabat gred perdana di Lembah Kelang. Kadar penghunian lebih tinggi sebanyak 85.1% pada tahun 2008 (2007: 84.8%) manakala kadar sewa meningkat daripada RM10 kepada RM12 sekaki persegi. Sejumlah 24 buah bangunan ruang pejabat baharu siap dibina manakala penawaran akan datang sebanyak 1.9 juta meter persegi dijangka siap pada akhir 2008. Pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh menyumbang kepada pasaran runcit yang mampan. Sejumlah 29 buah kompleks membeli-belah baharu siap dibina, lalu menambah paras stok kepada 9.2 juta meter persegi pada akhir tahun 2008 (2007: 8.6 juta meter persegi). Kadar sewa secara relatifnya stabil, manakala penyewa mempunyai beberapa pilihan dari segi lokasi dan jenis harta tanah. Kadar penghunian meningkat sedikit kepada 81.1% pada tahun 2008 (2007: 80.5%).

Prestasi segmen **kediaman** secara relatifnya bercampur-campur sepanjang tahun itu. Pada separuh pertama tahun 2008, permintaan terhadap harta tanah adalah kukuh, dengan urus niaga harta tanah meningkat sebanyak 35.5%. Walau bagaimanapun, permintaan terhadap harta tanah mula menurun pada separuh tahun kedua apabila sentimen pengguna mula merosot, pertamanya akibat kenaikan tekanan inflasi dan kemudiannya keadaan ekonomi global yang semakin merosot. Permintaan terhadap pasaran harta tanah dalam segmen kediaman mewah benar-benar terjejas. Akibatnya, urus niaga harta tanah susut dan mencatatkan penurunan

Jadual 1.12
Penunjuk Permintaan dan Penawaran bagi Pasaran Harta Kediaman

	ST1 '07	ST2 '07	ST1 '08	ST2 '08
Perubahan tahunan (%)				
Penunjuk permintaan				
Pindah milik harta kediaman				
Nilai (RM juta)	10.5	35.9	35.5	-3.0
Bilangan	1.7	16.3	20.7	-1.2
Pembiayaan untuk pembelian harta kediaman				
Pinjaman dipohon	38.4	57.2	43.9	12.2
Pinjaman diluluskan	27.8	65.3	43.1	7.3
Penunjuk penawaran				
Pelancaran rumah baharu	**8.2**	**62.6**	**25.0**	**-33.7**
Permit jualan dan iklan baharu	**0.4**	**3.6**	**2.0**	**-38.6**
Kelulusan perumahan	**-17.5**	**-5.3**	**19.0**	**-52.6**
Pembiayaan untuk pembinaan				
Pinjaman dipohon	67.5	35.7	22.2	-30.0
Pinjaman diluluskan	94.8	32.6	20.5	-19.8

Sumber: Bank Negara Malaysia, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

sebanyak 3% dari segi nilai pada separuh tahun kedua. Penyederhanaan permintaan juga dilihat berlaku dari segi harta tanah tidak terjual. Paras harta tanah tidak terjual meningkat sebanyak 8.5% pada tahun 2008 dengan harga harta tanah tidak terjual yang melebihi RM200,000 mengalami peningkatan sebanyak 27.6% kepada 7,105 unit (2007: 5,567 unit). Pemaju harta tanah mengambil sikap berhati-hati terhadap permintaan yang lemah dengan mengurangkan bilangan pelancaran pembangunan baharu yang kemudiannya menyebabkan penurunan dalam kelulusan perumahan dan permintaan terhadap pinjaman penyambungan. Selain itu, pemaju perumahan terjejas oleh kenaikan kos pembinaan berikutan liberalisasi harga simen dan keluli yang mengakibatkan penangguhan pelaksanaan projek-projek yang sedia ada dan yang baharu.

SEKTOR LUAR NEGERI

Imbangan Pembayaran

Kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2008, meskipun dalam persekitaran luaran yang lemah pada separuh tahun kedua. Akaun semasa mencatatkan satu lagi lebihan yang besar, manakala kebalikan aliran modal jangka pendek pada separuh kedua tahun itu mengakibatkan aliran keluar bersih dalam akaun kewangan. **Imbangan pembayaran keseluruhan** mencatatkan defisit apabila aliran keluar bersih yang lebih tinggi dalam akaun kewangan lebih daripada mengimbangi lebihan besar dalam akaun semasa.

Lebihan akaun semasa yang lebih besar sebanyak RM129.4 bilion atau 18.1% daripada PNK adalah disebabkan oleh lebihan dagangan yang lebih tinggi dan lebihan yang mapan dalam akaun perkhidmatan. Walau bagaimanapun, akaun

Jadual 1.13
Harta Kediaman yang Tidak Terjual di Malaysia mengikut Julat Harga

Julat harga kediaman	Unit	Bahagian (%)	Unit	Bahagian (%)
	Pada akhir tahun 2007		Pada akhir tahun 2008*a*	
RM50,000 atau kurang	3,356	14.0	3,602	13.8
RM50,001 - RM100,000	7,151	29.8	7,491	28.8
RM100,001 - RM150,000	4,284	17.9	4,045	15.5
RM150,001 - RM200,000	3,639	15.2	3,786	14.6
RM200,001 - RM250,000	1,778	7.4	2,119	8.1
RM250,001 - RM500,000	2,920	12.2	3,888	14.9
RM500,001 - RM1,000,000	776	3.2	993	3.8
Lebih daripada RM1,000,000	93	0.4	105	0.4
Jumlah	**23,997**	**100**	**26,029**	**100**

a Awalan

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Jadual 1.14
Imbangan Pembayaran

Butiran	2007			2008*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM bilion					
Barangan	605.9	478.2	127.7	664.2	494.1	170.1
Akaun perdagangan	*605.2*	*504.8*	*100.3*	*663.5*	*521.6*	*141.9*
Perkhidmatan	101.2	98.9	2.4	102.2	100.5	1.7
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**707.2**	**577.1**	**130.0**	**766.4**	**594.5**	**171.8**
Pendapatan	38.8	52.7	-13.9	39.1	64.5	-25.4
Pindahan semasa	1.4	17.2	-15.7	1.4	18.5	-17.0
Imbangan akaun semasa	**747.4**	**647.0**	**100.4**	**806.9**	**677.5**	**129.4**
% daripada PNK			**16.0**			**18.1**
Akaun modal			-0.1			0.6
Akaun kewangan			-37.7			-123.9
Pelaburan langsung			-9.1			-20.5
Pelaburan portfolio			18.4			-92.4
Pelaburan lain			-46.9			-11.0
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-37.8**			**-123.3**
Kesilapan dan ketinggalan			-17.3			-24.3
antaranya:						
Penambahan (+) atau pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			*-5.6*			*-5.8*
Imbangan keseluruhan			**45.3**			**-18.2**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**335.7**			**317.4**
Dalam USD bilion			**101.3**			**91.5**

a Anggaran
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

pendapatan mencatatkan defisit lebih besar, berikutan keuntungan dan dividen yang lebih tinggi yang terakru kepada MNC yang beroperasi di Malaysia.

Kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2008 meskipun dalam persekitaran luaran yang lemah pada separuh tahun kedua

Akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih besar disebabkan pelupusan pelaburan portfolio oleh pelabur-pelabur asing, terutamanya pada separuh kedua tahun 2008, ekoran aktiviti pembayaran balik hutang berikutan kegawatan kewangan global yang semakin meruncing. Sepanjang tahun itu, pelaburan langsung bersih di luar negeri oleh syarikat-syarikat Malaysia bertambah, kebanyakannya melalui pengambilalihan kepentingan dan pengembangan operasi sedia ada di luar negara. Sementara itu, aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) menjadi sederhana, terutamanya pada separuh tahun kedua, sejajar dengan kemerosotan ekonomi dan kewangan global. Setelah diselaraskan bagi kesilapan dan ketinggalan, yang termasuk pengurangan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama, rizab antarabangsa bersih merosot sebanyak RM18.2 bilion kepada RM317.4 bilion atau bersamaan dengan USD91.5 bilion pada 31 Disember 2008. Pada 27 Februari 2009, rizab kekal pada paras tinggi yang selesa pada

RM315.9 bilion (bersamaan dengan USD91.1 billion), memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan menampung 3.9 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab Malaysia kekal boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya.

Akaun Semasa

Akaun semasa mencatatkan lebihan yang lebih besar sebanyak RM129.4 bilion atau 18.1% daripada PNK (2007: RM100.4 bilion atau 16% daripada PNK), disokong oleh lebihan dagangan yang ketara lebih tinggi dan lebihan yang mapan dalam akaun perkhidmatan. Pertumbuhan lebih kukuh dalam eksport komoditi dan perkilangan berasaskan sumber, terutamanya pada separuh pertama tahun 2008 adalah disebabkan oleh harga komoditi yang tinggi, yang menyumbang kepada lebihan dagangan yang lebih besar. Lebihan akaun perkhidmatan adalah disebabkan terutamanya oleh perolehan pelancongan yang lebih tinggi daripada 22.1 juta pelancong. Defisit yang lebih besar dalam akaun pendapatan mencerminkan terutamanya keuntungan dan dividen yang lebih tinggi yang terakru kepada MNC yang beroperasi di Malaysia, terutamanya dalam sektor perkilangan, minyak dan gas, dan perkhidmatan.

Lebihan akaun semasa yang lebih besar disokong oleh eksport komoditi dan keluaran perkilangan berasaskan sumber yang kukuh serta perolehan pelancongan yang lebih tinggi

Eksport kasar meningkat sebanyak 9.6% pada tahun 2008 (2007: 2.7%), didorong oleh pengembangan dalam kedua-dua eksport komoditi dan perkilangan berasaskan sumber. Pada separuh pertama tahun 2008, **eksport perkilangan** berkembang sebanyak 7.8%, disokong terutamanya oleh permintaan serantau terhadap eksport perkilangan berasaskan sumber. Walau bagaimanapun, pada separuh tahun kedua, permintaan dunia yang lemah dan harga komoditi yang merosot mengakibatkan penurunan kecil dalam eksport perkilangan sebanyak 0.2%. Bagi keseluruhan tahun itu,

Rajah 1.21
Akaun Semasa



a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.15
Eksport Kasar

	2007	2008*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**2.7**	**9.6**
Perkilangan	**0.3**	**3.6**
antaranya:		
Elektronik	*-3.5*	*-8.2*
Separa konduktor	*3.2*	*-6.9*
Kelengkapan dan alat ganti elektronik	*-8.4*	*-9.3*
Keluaran elektrik	*-5.9*	*8.6*
Keluaran berasaskan sumber[1]	*9.7*	*20.2*
Komoditi	**14.7**	**37.1**
Pertanian	**24.4**	**30.0**
antaranya:		
Minyak sawit	*47.8*	*43.7*
Getah	*-10.9*	*10.6*
Mineral	**7.5**	**43.2**
antaranya:		
Minyak mentah dan kondensat	*3.5*	*35.0*
Gas asli cecair	*12.3*	*55.7*

[1] Merujuk kepada makanan, minuman dan keluaran tembakau, keluaran kayu, perabot dan alat ganti perabot, keluaran getah, keluaran petroleum, kimia dan keluaran kimia, dan keluaran mineral bukan logam

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

eksport keluaran **elektronik dan elektrik (E&E)** menguncup sebanyak 3.8%, disebabkan kemerosotan dalam eksport elektronik yang lebih daripada mengimbangi pemulihan yang kukuh dalam eksport keluaran elektrik. Eksport separa konduktor terjejas oleh permintaan yang lemah terhadap kelengkapan dan alat ganti elektronik dari negara maju, terutamanya pada separuh kedua tahun itu, serta harga yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, eksport keluaran elektrik mengembang dengan kukuh sebanyak 8.6%, didorong oleh barangan elektrik pengguna serta keluaran elektrik perindustrian dan komersial. Inovasi keluaran yang mendorong kepada peralihan kepada keluaran nilai ditambah yang lebih tinggi, serta penembusan pasaran eksport yang baharu, terutamanya Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi, India dan Australia, menyumbang kepada pengembangan eksport keluaran elektrik.

Eksport keluaran **bukan E&E** meningkat dengan kukuh sebanyak 15.2%, sejajar dengan harga input komoditi yang lebih tinggi dan permintaan yang mapan dari negara-negara serantau. Pada separuh tahun pertama, eksport keluaran bukan E&E, terutamanya keluaran berasaskan sumber, seperti getah, petroleum, dan bahan kimia dan keluaran kimia, bertambah sebanyak 20%. Pertumbuhan juga disokong oleh eksport keluaran berkaitan pembinaan, seperti pengilangan logam tatkala aktiviti pembinaan sedang melonjak di RR China, Vietnam dan Singapura. Pada separuh tahun kedua, pertumbuhan eksport keluaran bukan E&E menyederhana kepada 10.8% berikutan kemerosotan dalam harga komoditi.

Eksport **komoditi utama** berkembang dengan pesat sebanyak 37.1% dan mencakupi bahagian yang lebih tinggi daripada eksport kasar sebanyak 23.5% (2007: 18.8%). Pada separuh tahun pertama, eksport komoditi berkembang dengan kukuh sebanyak 50.2%, didorong terutamanya oleh harga minyak sawit, getah, minyak mentah dan LNG yang ketara lebih tinggi. Walaupun harga komoditi susut dengan ketara pada separuh kedua tahun 2008, pertumbuhan eksport komoditi kekal kukuh pada 26.9% dengan disokong terutamanya oleh eksport LNG.

Eksport pertanian mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 30%, didorong terutamanya oleh eksport minyak sawit dan getah yang teguh. Pada separuh pertama tahun 2008, pendapatan eksport daripada minyak sawit melonjak sebanyak 90.9%, disokong terutamanya oleh harga (+53% kepada purata RM3,140 setan) dan jumlah eksport (+24.8%) yang ketara lebih tinggi. Eksport getah berkembang sebanyak 26.2%, disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi (+20.9% kepada purata 846 sen sekilogram), ketika stok global rendah di rantau pengeluar utama dan permintaan yang semakin meningkat. Pada separuh kedua tahun 2008, pertumbuhan eksport pertanian menyederhana kepada 10%, disebabkan harga komoditi pertanian utama merosot dengan ketara.

Eksport mineral mencatatkan pertumbuhan yang teguh sebanyak 43.2% pada tahun 2008, mencerminkan terutamanya harga dan jumlah eksport yang lebih tinggi bagi minyak mentah,

Rajah 1.22
Prestasi Eksport Industri Elektronik & Elektrik (E&E) dan Berasaskan Sumber



a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.23
Prestasi Eksport Komoditi



a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

terutamanya pada separuh tahun pertama. Harga LNG yang lebih tinggi serta permintaan yang berterusan dari Korea dan Jepun mengimbangi pertumbuhan yang sederhana dalam eksport minyak mentah pada separuh tahun kedua.

Import kasar meningkat sebanyak 3.3% (2007: 5%) disebabkan terutamanya oleh import input yang lebih tinggi untuk eksport perkilangan dan barang penggunaan. Import **barangan pengantara**, yang mencakupi 72.7% daripada import kasar, berkembang sebanyak 5.7%. Permintaan kukuh oleh industri berasaskan sumber membawa kepada peningkatan import bahan api dan pelincir serta kimia. Import makanan dan minuman untuk industri mencatat pengembangan sejajar dengan penggunaan dalam negeri yang kukuh. Aktiviti sektor pembinaan yang meningkat menyokong import bekalan perindustrian, terutamanya logam. Sejajar dengan permintaan global yang lebih rendah terhadap keluaran E&E, import alat ganti dan aksesori bagi barangan modal merosot.

Import **barangan modal** tidak berubah (2007: 7.2%), dengan import kelengkapan pengangkutan menguncup. Tidak termasuk barangan besar, import modal berkembang sebanyak 4.3% pada tahun 2008. Pada separuh tahun pertama, import modal berkembang dengan kukuh sebanyak 9.6%, kebanyakannya bagi sektor minyak dan gas, perkilangan, dan telekomunikasi. Aktiviti penerokaan dan pembangunan dalam industri minyak dan gas yang bertambah ketika harga minyak mentah tinggi menyebabkan import kelengkapan pembinaan dan perlombongan meningkat. Dalam sektor perkilangan, import jentera yang lebih tinggi adalah sejajar dengan pengembangan berterusan dalam kapasiti. Pelaburan untuk menaik taraf teknologi baharu mendorong kepada pertumbuhan import alat telekomunikasi. Walau bagaimanapun, import modal menurun pada separuh tahun kedua apabila kemerosotan keadaan ekonomi global mendorong kepada penangguhan pengembangan kapasiti dalam sektor perkilangan, pengangkutan, dan minyak dan gas.

Import **barangan penggunaan** berkembang sebanyak 11.8%, sejajar dengan pertumbuhan berterusan dalam penggunaan swasta. Pertumbuhan import penggunaan mencerminkan sebahagian besarnya permintaan terhadap import makanan dan minuman. Import bagi barangan pengguna juga lebih tinggi, khususnya pakaian dan kasut, perabot isi rumah dan ubat.

Pada tahun 2008, perdagangan dengan rakan perdagangan utama iaitu, AS, EU dan Jepun mencakupi bahagian yang lebih rendah daripada

Jadual 1.16
Import mengikut Penggunaan Akhir

	2007	2008*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Barangan modal	**7.2**	**...**
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	5.6	2.2
Kelengkapan pengangkutan	17.8	-13.6
Barangan pengantara	**6.9**	**5.7**
Makanan dan minuman, terutamanya untuk industri	21.0	30.0
Bekalan perindustrian, t.s.t.l.	17.0	9.7
Bahan api dan pelincir	2.0	32.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	0.4	-5.0
Barangan penggunaan	**3.6**	**11.8**
Makanan dan minuman, terutamanya untuk penggunaan isi rumah	6.8	21.4
Barangan pengguna, t.s.t.l.	1.8	5.5
Eksport semula	**-22.4**	**-14.6**
Import kasar	**5.0**	**3.3**

t.s.t.l. Tidak disenarai di tempat lain
a Awalan
... Terlalu kecil

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.17
Haluan Perdagangan Luar Negeri

	2008*a*				
	Eksport		Import		Imbangan perdagangan
	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion	Perubahan tahunan (%)	RM bilion
Jumlah	**663.5**	**9.6**	**521.6**	**3.3**	**141.9**
antaranya:					
Amerika Syarikat	**82.5**	**-12.7**	**56.5**	**3.2**	**26.1**
Kesatuan Eropah (EU)	**74.9**	**-3.8**	**61.7**	**2.9**	**13.2**
Negara ASEAN tertentu[1]	**169.6**	**9.9**	**125.8**	**2.5**	**43.8**
Negara-negara Timur Laut Asia tertentu	**133.6**	**10.9**	**129.9**	**-2.5**	**3.8**
Republik Rakyat China	*63.2*	*19.2*	*66.9*	*3.0*	*-3.7*
Hong Kong SAR	*28.3*	*1.2*	*13.7*	*-6.9*	*14.7*
China Taipei	*16.2*	*-1.4*	*25.1*	*-12.6*	*-8.9*
Korea	*25.9*	*12.4*	*24.2*	*-2.8*	*1.7*
Asia Barat	**26.1**	**38.0**	**25.1**	**44.4**	**1.0**
Jepun	**71.8**	**30.0**	**65.1**	**-0.6**	**6.7**
India	**24.7**	**22.4**	**10.3**	**45.8**	**14.4**

a Awalan
[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

jumlah perdagangan Malaysia (34.8%; 2007: 36.7%). Sebaliknya, perdagangan dengan Timur Laut Asia (tidak termasuk Jepun), Asia Barat, India, Australia dan New Zealand meningkat dengan ketara. Perdagangan dengan Timur Laut Asia (tidak termasuk Jepun) disokong oleh pertumbuhan dalam eksport komponen E&E dan komoditi, terutamanya ke RR China dan Korea. Yang ketara, eksport ke Asia Barat, terdiri terutamanya daripada keluaran elektrik pengguna, minyak sawit, barang kemas dan makanan diproses, mencatatkan pertumbuhan yang teguh sebanyak 38%. Eksport ke India turut mencatatkan pertumbuhan yang pesat, disokong terutamanya oleh permintaan terhadap petroleum mentah, bahan kimia dan keluaran kimia, serta minyak sawit. Eksport ke Australia dan New Zealand sebahagian besarnya merupakan minyak mentah dan keluaran elektrik.

Perdagangan dengan negara-negara ASEAN kekal memberangsangkan, dengan jumlah perdagangan berkembang sebanyak 6.6% pada tahun 2008, sebahagian besarnya didorong oleh permintaan terhadap tenaga, makanan dan input untuk industri perkilangan. Eksport ke negara ASEAN meningkat sebanyak 9.9% dan mencakupi 25.6% daripada jumlah eksport Malaysia. Eksport ke Indonesia dan Filipina berkembang dengan kukuh, masing-masing sebanyak 16.8% dan 11.7%, dengan disokong oleh eksport petroleum mentah, bahan kimia dan keluaran kimia, serta minyak sawit.

Pada tahun 2008, **akaun perkhidmatan** mencatatkan lebihan bagi tahun kedua berturut-turut sebanyak RM1.7 bilion atau 0.2% daripada PNK. Ini mencerminkan lebihan besar yang mapan daripada akaun perjalanan dan penambahbaikan dalam defisit perkhidmatan lain, yang lebih daripada mengimbangi defisit yang lebih tinggi dalam akaun pengangkutan.

Walaupun terdapat persaingan lebih hebat dalam industri pelancongan di rantau ini dan kos perjalanan yang lebih tinggi, terutamanya pada separuh pertama tahun 2008, ketibaan pelancong bertambah kepada paras tertinggi seramai 22.1 juta pengunjung pada tahun 2008. Walaupun ketibaan pelancong sebahagian besarnya masih dari rantau ini, terutamanya ASEAN, RR China, Jepun dan India, pelancong jarak jauh dari Barat dan Utara Eropah juga bertambah. Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 yang dilanjutkan sehingga bulan Ogos 2008 dan usaha promosi bersepadu

Jadual 1.18
Akaun Perkhidmatan dan Pendapatan

	2007	2008*a*		
		RM bilion		
	Bersih	+	-	Bersih
Akaun Perkhidmatan	**2.4**	**102.2**	**100.5**	**1.7**
% daripada PNK	*0.4*			*0.2*
Pengangkutan	-13.2	23.0	37.6	-14.6
Perjalanan	29.1	50.7	22.5	28.2
Perkhidmatan lain	-13.2	28.3	39.6	-11.3
Urusniaga Kerajaan t.d.t.l.	-0.4	0.1	0.7	-0.6
Akaun Pendapatan	**-13.9**	**39.1**	**64.5**	**-25.4**
% daripada PNK	*-2.2*			*-3.6*
Pampasan pekerja	-0.6	4.4	5.2	-0.7
Pendapatan pelaburan	-13.3	34.7	59.4	-24.7

t.d.t.l. Tidak dicatat di tempat lain
a Anggaran
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.24
Ketibaan Pelancong dan Perolehan Pelancongan



a Anggaran
Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

bagi mempelbagaikan pasaran selain pasaran tradisi mendorong ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Promosi disasarkan kepada segmen baru dan bidang sedang membangun, seperti rumah penginapan, perjalanan pelajar, pelancongan kesihatan dan ekopelancongan. Penghubungan perkhidmatan udara yang meningkat, khususnya oleh penerbangan tambang murah, memudahkan perjalanan di rantau ini.

Akaun perkhidmatan yang lain mencatatkan defisit lebih rendah sebanyak RM11.3 bilion, berpunca terutamanya daripada aliran keluar bersih yang lebih rendah bagi royalti dan fi lesen, pembinaan dan perkhidmatan komunikasi, serta penambahbaikan dalam aliran masuk bersih daripada perkhidmatan IT. Sepanjang tahun itu, aliran keluar bersih yang lebih rendah bagi royalti dan fi lesen mencerminkan pembayaran yang mapan untuk pemerolehan dan penggunaan hak harta intelek, yang diimbangi sebahagiannya oleh penerimaan royalti yang lebih tinggi daripada projek-projek penerokaan minyak. Sementara itu, aliran keluar bersih untuk perkhidmatan pembinaan merosot, berikutan permintaan yang rendah terhadap perkhidmatan pembinaan yang diimport, dan sejajar dengan pengurangan saiz projek penerokaan minyak laut dalam dan gas ketika bahan binaan mengalami kenaikan kos yang lebih tinggi. Peningkatan perolehan daripada perkhidmatan IT disebabkan terutamanya oleh aktiviti perkongsian perkhidmatan dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga di Malaysia. Pergantungan yang lebih rendah terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pengendali telekomunikasi asing, berikutan pengembangan kapasiti berterusan dalam rangkaian jalur lebar dalam negeri, menghasilkan defisit yang lebih kecil dalam perkhidmatan komunikasi. Pembayaran bagi perkhidmatan profesional adalah lebih besar disebabkan terutamanya oleh import khidmat nasihat projek oleh sektor minyak dan gas, dan subsektor pembinaan.

Lebihan yang mapan dalam akaun perjalanan dan penambahbaikan dalam akaun perkhidmatan yang lain, diimbangi sebahagiannya oleh defisit yang lebih tinggi dalam akaun pengangkutan sebanyak RM14.6 bilion. Defisit yang lebih besar dalam akaun pengangkutan adalah disebabkan oleh perolehan yang lebih rendah daripada tambang penumpang manakala pembayaran untuk caj pengangkutan meningkat berikutan harga minyak yang lebih tinggi.

Defisit **akaun pendapatan** meningkat kepada RM25.4 bilion atau 3.6% daripada PNK, mencerminkan sebahagian besarnya keuntungan dan dividen lebih tinggi yang terakru kepada pelabur langsung asing di Malaysia. Ini disumbangkan oleh prestasi teguh sektor perkilangan minyak dan gas, dan sektor perkhidmatan, terutamanya pada separuh pertama tahun 2008. Keuntungan dan dividen terakru

Rajah 1.25
Pendapatan Pelaburan Langsung



a Anggaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri kekal mapan manakala pulangan pemegangan rizab antarabangsa meningkat dengan sederhana, walaupun berlakunya kemerosotan keadaan ekonomi dan kewangan global pada separuh tahun kedua. Sebahagian besar daripada keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia adalah daripada pelaburan dalam sektor minyak dan gas, dan subsektor perkhidmatan kewangan.

Akaun Kewangan

Pada tahun 2008, **akaun kewangan** mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM123.9 bilion, terutamanya disebabkan oleh kebalikan dana portfolio yang banyak diterima pada tahun 2007 dan awal tahun 2008. Kebalikan modal yang besar, terutamanya pada separuh kedua tahun 2008 disebabkan oleh aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan asing apabila krisis kewangan global makin buruk. Pelaburan langsung oleh syarikat Malaysia di luar negara juga lebih tinggi terutamanya dalam subsektor kewangan dan insurans berikutan peningkatan operasi di rantau Asia, serta subsektor utiliti dan sektor minyak dan gas. Sementara itu, aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) menjadi sederhana, terutamanya pada separuh tahun kedua, ekoran kemerosotan keadaan ekonomi dan kewangan global.

Bagi keseluruhan tahun itu, **pelaburan portfolio** mencatat aliran keluar bersih yang besar sebanyak RM92.4 bilion, sebahagian besarnya disebabkan pelupusan pelaburan portfolio berikutan aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan asing, berikutan krisis kewangan global yang semakin meruncing.

Aliran keluar bersih yang lebih besar dalam akaun kewangan terutamanya disebabkan oleh kebalikan dana portfolio yang banyak diterima pada separuh tahun 2007 dan awal tahun 2008

Pada suku pertama, terdapat aliran masuk bersih dana portfolio asing berjumlah RM21.1 bilion, terutamanya bagi pelaburan dalam pasaran sekuriti hutang, yang lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih dari pasaran ekuiti. Peningkatan krisis kewangan global yang berlaku kemudiannya pada suku kedua dan ketiga telah menyebabkan aktiviti pembayaran balik hutang global secara besar-besaran. Hal ini mengakibatkan pelupusan pelaburan portfolio yang ketara dari pasaran Asia Pasifik, termasuk Malaysia. Kebalikan aliran modal jangka pendek ini, terutamanya pada suku ketiga dapat diserap

Jadual 1.19
Imbangan Pembayaran: Akaun Kewangan

	2007	2008*a*
	RM bilion	
Akaun Kewangan	**-37.7**	**-123.9**
Pelaburan Langsung	**-9.1**	**-20.5**
Di luar negeri	-38.2	-47.1
Di Malaysia	29.1	26.7
Pelaburan Portfolio	**18.4**	**-92.4**
Pelaburan Lain	**-46.9**	**-11.0**
Sektor awam[1]	-5.8	-2.7
Kerajaan Persekutuan	*-2.3*	*-0.5*
PABK	*-3.5*	*-2.2*
Sektor swasta	-41.1	-8.3

[1] Tidak termasuk bon dan nota yang diterbitkan di luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan PABK
a Anggaran
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Daya Tahan Sektor Luar Negeri: Perspektif Kedudukan Kewangan Antarabangsa

Pendahuluan

Salah satu faktor utama kekuatan ekonomi Malaysia terletak pada kedudukan sektor luar negeri yang kukuh. Meskipun kemelut kewangan global semasa dan aktiviti pembayaran balik pinjaman mengakibatkan aliran keluar modal dari ekonomi sedang pesat membangun, namun kedudukan sektor luar negeri Malaysia terus berdaya tahan. Keadaan ini dicerminkan oleh lebihan besar akaun semasa yang mapan, paras hutang luar negeri yang secara relatifnya rendah dan paras rizab antarabangsa yang tinggi.

Penilaian dari perspektif kedudukan kewangan antarabangsa

Di samping analisis tradisional berasaskan aliran terhadap imbangan pembayaran, kekuatan sektor luar negeri boleh dianalisis dari perspektif kedudukan kewangan antarabangsa. Kedudukan kewangan antarabangsa lazimnya digambarkan oleh kedudukan pelaburan antarabangsa (*international investment position*, IIP), yang mengukur stok aset dan liabiliti kewangan luar negeri sesebuah negara. Analisis mengenai saiz dan komposisi IIP membantu mengenal pasti kemungkinan punca kelemahan kedudukan kewangan sektor luar negeri sekiranya berlaku kejutan.

Dalam tempoh 2001-2008, kedudukan luaran Malaysia bertambah baik dengan ketara (Rajah 1). IIP bersih Malaysia bertambah kukuh daripada kedudukan liabiliti bersih yang besar sebanyak RM137.6 bilion pada akhir tahun 2001 kepada kedudukan liabiliti bersih yang kecil, iaitu RM18.2 bilion pada akhir tahun 2007. Kedudukan ini menjadi bertambah baik lagi kepada kedudukan aset bersih sebanyak RM138.3 bilion pada akhir tahun 2008. Peningkatan kedudukan sektor luar ini disebabkan pengumpulan aset kewangan luar negeri yang lebih pantas berbanding dengan peningkatan liabiliti kewangan luar negeri.

Sejak tahun 2001, **jumlah aset kewangan luar negeri** Malaysia bertambah melebihi tiga kali ganda kepada RM778.4 bilion pada akhir tahun 2008 (Rajah 2). Peningkatan besar ini disebabkan terutamanya:

i. pelaburan langsung luar negeri yang lebih tinggi oleh rakyat Malaysia, iaitu RM240.3 bilion (atau 32.4% daripada KDNK) dan merupakan 30.9% daripada jumlah aset kewangan luar negeri pada akhir tahun 2008. Pertambahan ini mencerminkan berlakunya pempelbagaian dan pengembangan syarikat Malaysia di luar negeri. Pelaburan ini menghasilkan keputusan yang positif seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan untung dan dividen yang terakru kepada syarikat-syarikat Malaysia hasil daripada operasi mereka di luar negeri (2008: +RM14.4 bilion; 2001: -RM0.2 bilion); dan

ii. penambahan besar rizab antarabangsa kepada RM317.4 bilion pada akhir tahun 2008 yang merupakan 40.8% daripada jumlah aset kewangan luar negeri. Pengumpulan rizab sejak tahun 2001 sebahagian besarnya disebabkan lebihan akaun semasa yang menggalakkan dan aliran masuk pelaburan langsung asing

Rajah 1
Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih



a Anggaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

(*foreign direct investment*, FDI) yang stabil. Peningkatan rizab turut disumbang oleh aliran masuk dana portfolio yang besar, terutamanya pada tahun 2007 dan pada awal tahun 2008. Walau bagaimanapun, aliran masuk ini mengalami kebalikan semula berikutnya pada separuh kedua tahun 2008 disebabkan aktiviti pembayaran balik hutang berikutan kemelut kewangan global yang makin meruncing.

Sementara itu, **jumlah liabiliti kewangan luar negeri** meningkat hampir dua kali ganda dalam tempoh 2001-2008, iaitu kepada RM640.1 bilion pada akhir tahun 2008. Peningkatan ini terutamanya mencerminkan aliran masuk modal jangka panjang dan pelaburan asing dalam pasaran modal domestik. Dalam tempoh ini, Malaysia menerima aliran masuk bersih FDI pada purata 3.1% daripada KDNK, dan stok FDI bertambah daripada RM129.1 bilion kepada RM262 bilion (atau 35.4% daripada KDNK) pada akhir tahun 2008. Hal ini memperlihatkan bahawa Malaysia sebagai destinasi yang menarik bagi FDI. Hutang luar negeri Malaysia terus rendah, iaitu pada 31.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2008, dengan profil hutang terus menjurus ke arah struktur kematangan yang lebih panjang. Berikutan kebalikan aliran modal yang besar baru-baru ini, sejumlah besar pelaburan asing yang kekal dalam pasaran modal domestik merupakan pemegangan jangka panjang strategik oleh pelabur asing.

Penilaian terhadap kedudukan sektor luar negeri menunjukkan risiko yang terhad dari segi ketidakpadanan kematangan, mata wang dan struktur modal.

- Kedudukan aset jangka pendek bersih yang mapan menunjukkan risiko ketidakpadanan kematangan yang minimum (Rajah 3). Aset jangka pendek yang lebih besar berbanding dengan liabiliti memperlihatkan keupayaan ekonomi yang kukuh untuk memenuhi obligasi luar jangka pendek negara yang mencapai kematangan, oleh itu kekangan mudah tunai tidak akan timbul.

- Jumlah aset dalam mata wang asing Malaysia jauh melebihi jumlah liabiliti dalam mata wang asing (Rajah 4). Hal ini memperlihatkan risiko ketidakpadanan mata wang yang rendah, seterusnya mengurangkan kelemahan terhadap kejutan kadar pertukaran.

- Dari perspektif struktur modal, pembiayaan luar negeri dalam bentuk hutang lebih kecil daripada ekuiti (Rajah 5). Peningkatan nisbah hutang kepada ekuiti pada tahun 2008 terutamanya disebabkan pelupusan pemegangan ekuiti bukan strategik yang besar oleh pelabur asing

Rajah 2
Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Mengikut Komponen Utama



a Anggaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 3
Aset dan Liabiliti Jangka Pendek



a Anggaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4
Aset dan Liabiliti dalam Mata Wang Asing



a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 5
Struktur Modal Liabiliti Luar Negeri



a Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

berikutan aktiviti pembayaran balik pinjaman global pada separuh kedua tahun 2008. Pembiayaan luar negeri yang secara relatifnya lebih tinggi melalui ekuiti mengurangkan risiko kesolvenan memandangkan obligasi ekuiti, dalam bentuk untung dan dividen, tidak mandatori. Sebaliknya, obligasi hutang, yakni dari segi khidmat bayaran dan jadual pembayaran balik hutang, pada umumnya kekal tidak berubah walaupun dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

Peranan dasar dalam mengukuhkan kedudukan sektor luar negeri

Daya tahan sektor luar negeri Malaysia yang lebih tinggi adalah kerana dasar dan strategi yang diterapkan, terutamanya liberalisasi selanjutnya dalam akaun modal. Liberalisasi ini telah dilaksanakan secara beransur-ansur dan berurutan, dengan mengambil kira keadaan ekonomi dalam negeri, tahap pembangunan sistem kewangan domestik, kekuatan kedudukan imbangan pembayaran dan perkembangan global. Peraturan berhemat diadakan bagi memastikan pengurusan hutang luar negeri yang baik, terutamanya untuk mengurangkan risiko yang berkait dengan obligasi luar negeri yang besar, kemampuan khidmat bayaran hutang dan kedudukan tak terlindung. Ketika keadaan perniagaan dan pelaburan terus-menerus ditambah baik untuk menarik FDI, syarikat tempatan juga digalakkan supaya melabur di luar negara bagi meluaskan peluang perniagaan yang ada dalam pasaran serantau dan antarabangsa, membuat penampilan pasaran secara global dan memberikan sinergi yang lebih besar kepada perniagaan dalam negeri. Dengan meningkatnya rizab antarabangsa dan terdapatnya kelas aset dan instrumen yang kompleks dalam keadaan persekitaran operasi yang mencabar, strategi dan amalan pengurusan rizab telah ditingkatkan secara progresif untuk menambah baik pulangan terlaras risiko dan pada masa yang sama mengekalkan objektif tradisional pemeliharaan modal dan mudah tunai.

Kesimpulan

Kedudukan sektor luar negeri yang kukuh merupakan salah satu kekuatan utama ekonomi Malaysia, terutamanya pada tempoh ketidaktentuan yang meningkat dalam keadaan kewangan dan ekonomi global. Keterbukaan ekonomi Malaysia diakui menyebabkan negara lebih mudah terdedah kepada kelemahan yang berpunca daripada perkembangan sektor luar negeri. Oleh itu, langkah dasar yang wajar perlu dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan lagi daya tahan kedudukan sektor luar negeri. Selain itu, pengawasan dan pemantauan rapi terhadap keadaan ekonomi dan kewangan global serta kerjasama yang kukuh dan perbincangan serta interaksi dengan ekonomi-ekonomi serantau dari semasa ke semasa amat penting supaya risiko dan kelemahan dalam kedudukan luar dapat dikesan lebih awal.

tanpa gangguan yang ketara terhadap pasaran kewangan domestik dan sektor benar dalam ekonomi. Pada suku keempat, aliran keluar bersih bagi pelaburan portfolio menjadi sederhana apabila aktiviti pembayaran balik hutang global, yang memuncak pada bulan Oktober, menyusut menjelang akhir tahun.

Aliran masuk kasar **FDI** bertambah kepada RM51 bilion (atau 7.1% daripada PNK) pada tahun itu. Walaupun aliran masuk FDI yang kukuh dicatat pada separuh pertama tahun 2008, kemerosotan keadaan ekonomi dan kewangan global menyederhanakan aliran masuk FDI pada separuh tahun kedua. FDI adalah menyeluruh dan disalurkan sebahagian besarnya kepada sektor perkilangan (bahagian sebanyak 45%), perkhidmatan (27%) dan minyak dan gas (26%). Setelah mengambil kira pelarasan bagi aliran keluar yang sebahagian besarnya disebabkan pembayaran balik pinjaman oleh syarikat-syarikat induk, aliran masuk bersih FDI menjadi sederhana kepada RM26.7 bilion atau 3.7% daripada PNK (2007: RM29.1 bilion).

Dalam *sektor perkilangan,* aliran masuk FDI pada separuh tahun pertama bertambah dan dibiayai kebanyakannya oleh perolehan tertahan serta aliran masuk baharu modal ekuiti. Sebahagian besar daripada FDI disalurkan kepada industri E&E, yang kebanyakannya diambil oleh syarikat-syarikat sedia ada untuk tujuan penambahbaikan peralatan dan teknologi serta pembangunan barisan produk baharu. Terdapat juga aliran masuk FDI yang agak besar ke dalam aktiviti bidang khusus dan nilai ditambah yang lebih tinggi, terutamanya dalam pengeluaran sel, modul dan panel suria serta alat ujian dan ukuran. Walau bagaimanapun, apabila kemerosotan ekonomi global semakin buruk pada akhir tahun 2008, jumlah perolehan tertahan untuk pelaburan semula merosot dengan ketara, apabila lebih tumpuan diberikan pada pemeliharaan modal disebabkan kekangan mudah tunai yang hadapi oleh syarikat-syarikat induk mereka.

Rajah 1.26
Akaun Kewangan



a Anggaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pada tahun itu, FDI dalam *sektor perkhidmatan* disalurkan terutamanya kepada subsektor kewangan dan insurans, dan diikuti oleh subsektor komunikasi, dan harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Aliran masuk FDI ke dalam subsektor kewangan dan insurans dicerminkan oleh pengambilalihan kepentingan yang agak besar dalam dua institusi perbankan domestik oleh bank asing serta bermulanya operasi sebuah syarikat takaful asing yang baharu. Dalam subsektor komunikasi, aliran masuk FDI mencerminkan terutamanya penyertaan dua syarikat asing dalam sebuah pengendali mudah alih yang baharu. Sementara itu, terdapat pelaburan yang berterusan dalam subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan, seperti yang ditunjukkan oleh penubuhan 36 syarikat perkhidmatan perkongsian dan penggunaan perkhidmatan pihak ketiga (SSO) baharu milik asing sepenuhnya di bawah status Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun itu.

Pelaburan dalam *sektor minyak dan gas* disokong oleh harga minyak mentah yang kukuh dan permintaan global yang teguh pada separuh pertama tahun itu. Pelaburan dan operasi penerokaan hingga ke aktiviti pengeluaran dan pembangunan, kebanyakannya dilaksanakan oleh MNC secara usaha sama dengan PETRONAS melalui kontrak perkongsian pengeluaran.

Pelaburan langsung luar negeri bersih oleh syarikat-syarikat Malaysia bertambah kepada RM47.1 bilion pada tahun 2008. Pelaburan luar negeri diterajui oleh syarikat-syarikat dalam *sektor perkhidmatan*, terutamanya subsektor kewangan dan insurans, komunikasi, dan subsektor bekalan elektrik, gas dan air. Pelaburan ini sebahagian besarnya dilakukan menerusi pemerolehan kepentingan atau peningkatan penyertaan dalam operasi luar negeri sedia ada, terutamanya dalam subsektor kewangan dan insurans, berikutan peningkatan aktiviti di rantau Asia. Dalam subsektor komunikasi, syarikat telekomunikasi

negara telah meningkatkan kehadirannya di India dengan penggabungan dua daripada pengendali mudah alih yang dimiliki secara strategik. Pelaburan dalam subsektor elektrik, gas dan air mencerminkan terutamanya peningkatan aktiviti oleh sebuah syarikat utiliti tempatan di luar negeri.

Pelaburan luar negeri dalam *sektor minyak dan gas* terus penting memandangkan PETRONAS terus menjalankan aktiviti penerokaan dan pemprosesan hiliran di Afrika, Asia Tengah dan Vietnam. Sementara itu, pelaburan dalam *sektor perkilangan* mencerminkan terutamanya pengambilalihan dua pengilang kelengkapan proses di Jerman dan Belgium untuk memperoleh teknologi baharu dan dapat meneroka pasaran Eropah. Terdapat juga beberapa pelaburan dalam industri E&E dan simen di luar negeri.

Akaun **pelaburan lain** mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM11 bilion, disebabkan oleh pembayaran balik hutang luar negeri bersih oleh sektor awam dan aliran keluar bersih sektor swasta yang lebih rendah. Pembayaran balik hutang luar negeri yang lebih rendah oleh **sektor awam** mencerminkan pembayaran balik pinjaman mengikut jadual biasa bagi pinjaman berjangka oleh kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan PABK. Sementara itu, pelaburan lain oleh **sektor swasta**, yang terdiri terutamanya daripada peminjaman dan pemberian pinjaman sektor perbankan serta penempatan dan pengeluaran deposit, dan urus niaga antara sektor swasta bukan bank dengan pihak-pihak yang tidak berkaitan, mencatat aliran keluar bersih yang ketara lebih rendah. Peningkatan itu sebahagian besarnya disebabkan penjualan aset jangka pendek di luar negeri yang mengakibatkan berlakunya kebalikan pada kedudukan sektor perbankan untuk mencatat aliran masuk bersih pada tahun itu. Aliran masuk ini telah diimbangi oleh aliran keluar yang lebih tinggi oleh sektor swasta bukan bank, disebabkan terutamanya oleh pemberian kredit perdagangan yang lebih besar oleh pengeksport Malaysia serta pembayaran balik kredit perdagangan yang lebih besar oleh pengimport Malaysia.

Hutang Luar Negeri

Krisis kredit dan kemerosotan landskap kewangan global pada tahun 2008 menunjukkan pentingnya pengurusan hutang luar negeri yang berhemat dan pragmatik. Pada tahun itu, Malaysia meneruskan strategi pengurusan hutang luar negeri yang berhemat, sambil memastikan bahawa keupayaan sektor swasta untuk meminjam daripada sumber-sumber asing bagi memenuhi keperluan kewangan mereka tidak terjejas. Dalam hal ini, peraturan bagi peminjaman mata wang asing terus diliberalkan untuk membolehkan syarikat pemastautin mendapatkan peminjaman mata wang asing dalam kumpulan syarikat yang sama, di dalam dan luar pesisir, tanpa sekatan. Ini sejajar dengan objektif keseluruhan Bank untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang mudah bagi menambah daya saing negara. Selain itu, strategi pengurusan hutang luar negeri juga penting dalam memelihara kestabilan monetari dan kewangan. Sistem pengawasan dan pemantauan hutang yang komprehensif dan teguh membolehkan pengesanan awal risiko yang mungkin berlaku berikutan pendedahan hutang luar negeri keseluruhan oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

Jadual 1.20
Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2007[2]	2008*a*	2007[2]	2008*a*
	RM bilion	RM bilion	USD bilion	USD bilion
Jumlah hutang	**211.2**	**235.6**	**63.1**	**67.2**
Jangka sederhana dan panjang	134.0	155.6	40.0	44.4
Jangka pendek[1]	77.2	80.0	23.1	22.8
% daripada jumlah hutang	*36.6*	*34.0*	*36.6*	*34.0*
% daripada rizab antarabangsa bersih	*23.0*	*25.2*	*23.0*	*25.2*
% daripada PNK				
Jumlah hutang	33.6	32.9		
Hutang jangka sederhana dan panjang	21.3	21.8		
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	29.9	30.7		
Hutang jangka sederhana dan panjang	18.9	20.3		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)	**3.8**	**2.7**		

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Data pada akhir tahun 2007 telah diselaraskan menurut takrifan semula data hutang luar negeri Malaysia, kecuali bagi nisbah khidmat bayaran hutang
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Bagi memudahkan penilaian risiko yang lebih mantap untuk negara dan supaya selaras dengan piawaian antarabangsa dan amalan terbaik dalam mengambil kira entiti luar pesisir dalam pengumpulan data luar, data hutang luar negeri Malaysia telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (IBFC) Labuan sebagai pemastautin berkuat kuasa pada awal tahun 2008. Mengikut takrifan baharu ini, pendedahan hutang oleh entiti luar pesisir ini dengan seluruh dunia diambil kira sebagai hutang luar negeri Malaysia manakala pendedahan hutang bagi pemastautin dengan entiti luar pesisir di Labuan IBFC tidak diambil kira. Peralihan kepada takrifan baharu ini dalam pengumpulan hutang luar negeri telah mengakibatkan paras hutang luar negeri yang lebih tinggi (akhir tahun 2007: RM211.2 bilion; definisi terdahulu: RM187.4 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh pendedahan hutang entiti kewangan luar pesisir di Labuan IBFC, yang berpunca daripada peminjaman antara bank.

Hutang luar negeri Malaysia kekal rendah pada RM235.6 bilion atau 32.9% daripada PNK

Pada akhir tahun 2008, jumlah hutang luar negeri Malaysia kekal rendah pada RM235.6 bilion (atau USD67.2 bilion), atau bersamaan 32.9% daripada PNK. Pada tahun itu, **hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang** bertambah, mencerminkan terutamanya hutang luar negeri yang lebih tinggi oleh kedua-dua perusahaan awam bukan kewangan (PABK) dan sektor swasta bukan bank. Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun juga menyumbang kepada peningkatan hutang luar negeri. Hutang luar negeri yang lebih tinggi oleh **PABK** disebabkan terutamanya oleh pengambilan pinjaman oleh syarikat dalam subsektor kewangan dan insurans, terutamanya untuk membiayai perbelanjaan modal, serta subsektor elektrik, gas dan air untuk peningkatan kapasiti. Sementara itu, pembayaran balik hutang luar negeri yang sebahagian besarnya merangkumi pembayaran balik dan prabayaran pinjaman berjangka, adalah lebih rendah. Pada tahun itu, **Kerajaan Persekutuan** mendapatkan keperluan sumber pembiayaannya, sebahagian besarnya daripada sumber dalam negeri bukan inflasi. Untuk tahun kelima berturut-turut, tiada pinjaman diperoleh daripada pasaran modal antarabangsa. Pengambilan pinjaman luar negeri keseluruhannya adalah daripada pinjaman projek yang diambil terdahulu daripada sumber rasmi dua hala dan bank pembangunan pelbagai hala.

Pada tahun 2008, **sektor swasta** mencatat satu lagi pengambilan bersih hutang luar negeri berjumlah RM9.8 bilion. Pengambilan pinjaman terutamanya dilakukan oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor kewangan dan insurans dan komunikasi serta sektor pertanian dan perkilangan, sebahagian besarnya untuk membiayai perbelanjaan modal. Sementara itu, pembayaran balik berpunca terutamanya daripada syarikat-syarikat dalam sektor perkilangan dan minyak dan gas serta subsektor komunikasi. Hutang sektor swasta mencakupi kira-kira separuh daripada jumlah hutang jangka sederhana dan panjang, dan kira-kira dua pertiga daripada hutang ini ialah pinjaman antara syarikat yang mempunyai syarat-syarat yang fleksibel dan kadar faedah konsesi.

Pada tahun itu, **hutang luar negeri jangka pendek** terkumpul bertambah sedikit kepada RM80 bilion, disebabkan terutamanya oleh peminjaman antara bank yang berpunca daripada operasi perbendaharaan. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi hanya 11.2% daripada PNK, 25.2% daripada rizab antarabangsa dan 10.4% daripada eksport barangan dan perkhidmatan. Sebahagian besar hutang jangka pendek dipegang oleh sektor perbankan (90.2%). Sementara itu, hutang luar negeri jangka pendek sektor swasta bukan bank, yang merangkumi terutamanya kredit pusingan dan kemudahan overdraf, kekal rendah.

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa yang dipegang Bank Negara Malaysia terdiri daripada emas dan pegangan pertukaran asing, kedudukan rizab dengan IMF dan pemegangan Hak Pengeluaran Khas (SDR). Pada tahun 2008, rizab antarabangsa bersih menjadi sederhana sebanyak RM18.2 bilion kepada RM317.4 bilion (bersamaan dengan USD91.5 bilion) pada 31 Disember 2008.

Pada tahun itu, pergerakan rizab antarabangsa dicirikan oleh dua tempoh yang berbeza. Pada enam bulan pertama tahun itu, rizab bertambah sebanyak RM75.2 bilion kepada RM410.9 bilion (bersamaan dengan USD125.8 bilion) pada akhir bulan Jun, disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang

Jadual 1.21
Rizab Antarabangsa Bersih

	Pada akhir tahun			Perubahan
	2006	2007	2008	2008
	RM juta			
Milikan SDR	756.9	760.9	786.4	25.5
Kedudukan rizab dengan IMF	793.4	617.5	1,127.1	509.6
Emas dan pertukaran wang asing[1]	288,871.2	334,338.6	315,554.3	-18,784.3
Rizab Antarabangsa Kasar	**290,421.5**	**335,717.0**	**317,467.7**	**-18,249.3**
Tolak Tanggungan luar negeri Bank Negara Malaysia	22.9	22.2	22.5	0.3
Rizab Antarabangsa Bersih	**290,398.6**	**335,694.8**	**317,445.3**	**-18,249.5**
Nilai bersamaan USD juta	**82,450.8**	**101,338.1**	**91,529.5**	**-9,808.6**
Bulan import tertangguh	7.8	8.4	7.6	
Rizab/Hutang luar negeri jangka pendek[2] (kali)	6.9	6.2	4.0	

[1] 'Tuntutan Mata Wang Asing Lain Terhadap Pemastautin' kini diklasifikasikan semula daripada 'Emas dan Pertukaran Wang Asing' kepada 'Aset-aset Lain' Bank Negara Malaysia
[2] Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, yang mengambil kira entiti luar pesisir di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin

Nota : Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih tinggi disokong oleh eksport komoditi yang kukuh, dan aliran masuk modal portfolio serta pelaburan langsung asing yang sangat besar. Walau bagaimanapun, kebalikan aliran modal portfolio disebabkan aktiviti pembayaran balik hutang oleh institusi kewangan asing antarabangsa berikutan krisis kewangan global yang semakin buruk mendorong kepada penurunan rizab pada separuh kedua tahun itu kepada RM317.4 bilion (bersamaan dengan USD91.5 bilion) pada akhir wbulan Disember 2008. Paras rizab yang tinggi telah bertindak sebagai penampan yang teguh sepanjang tempoh kebalikan aliran jangka pendek yang besar, tanpa menjejaskan pasaran kewangan domestik untuk berfungsi dan pembiayaan sektor benar ekonomi. Peningkatan pembayaran untuk import barangan dan perkhidmatan, penghantaran balik lebih besar keuntungan dan dividen yang terakru kepada syarikat asing yang beroperasi di Malaysia serta pelaburan luar negeri yang lebih tinggi oleh syarikat-syarikat Malaysia juga menyumbang kepada aliran keluar. Sementara itu, pengurangan nilai rizab secara kumulatif berjumlah RM5.8 bilion disebabkan oleh penilaian semula, mencerminkan pengukuhan ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama, terutamanya pada suku pertama dan keempat 2008.

Rizab antarabangsa kekal pada paras yang tinggi sebanyak RM315.9 bilion pada 27 Februari 2009, memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan menampung 3.9 kali hutang luar negeri jangka pendek

Tempoh kegawatan dalam pasaran kewangan antarabangsa pada separuh kedua tahun 2008 meningkatkan cabaran dalam pengurusan rizab. Dengan kegawatan kewangan global semakin meruncing, ketidaktentuan meningkat dengan ketara manakala mudah tunai berkurang dalam banyak pasaran bon bukan berdaulat. Banyak institusi kewangan global yang besar juga menghadapi tekanan yang teruk akibat peningkatan kos peminjaman yang mendadak dalam pasaran antara bank, penurunan

Rajah 1.27
Rizab Antarabangsa Bersih (akhir bulan)



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, yang mengambil kira entiti luar pesisir di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

penarafan kredit dan kehilangan keyakinan umum terhadap risiko pihak lain dan dalam pasaran kewangan yang mempunyai pelbagai jenis instrumen kewangan. Di samping itu, kemelut itu juga menyebabkan aliran keluar yang ketara dari pasaran serantau, termasuk Malaysia. Dalam menangani keadaan ini, strategi pengurusan rizab Bank disesuaikan dengan sewajarnya. Pada separuh kedua tahun 2008, lebih penekanan diberikan terhadap pelaburan berdaulat atau pelaburan berkaitan risiko berdaulat dan mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk menampung aliran keluar itu serta memastikan keadaan pasaran yang teratur. Pempelbagaian rizab juga dikaji semula berikutan korelasi antara pasaran meningkat dengan nyata dalam tempoh krisis. Pengawasan dan amalan pengurusan risiko juga dipertingkat, terutamanya ketika tempoh peningkatan ketidaktentuan pada bulan Oktober.

Malaysia kekal sebagai anggota dalam Pelan Transaksi Kewangan IMF yang menyediakan sumber kepada negara-negara anggota yang mengalami masalah imbangan pembayaran jangka pendek. Peningkatan **kedudukan rizab dengan IMF** pada tahun 2008 mencerminkan terutamanya pembelian bersih mata wang oleh negara-negara anggota di bawah Pelan Transaksi Kewangan. Sementara itu, peningkatan rizab antarabangsa yang dipegang dalam bentuk **SDR** disebabkan terutamanya oleh penerimaan pendapatan disebabkan oleh penilaian semula pegangan SDR dan perolehan hasil daripada kedudukan Malaysia sebagai pemberi pinjaman bersih dengan IMF.

Pada 27 Februari 2009, rizab kekal pada paras tinggi yang selesa sebanyak RM315.9 bilion (bersamaan dengan USD91.1 bilion), memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan ialah 3.9 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa Bank boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya. Rizab tersebut tidak mengandungi pinjaman mata wang asing yang berserta opsyen; dan tidak terdapat kemudahan tanpa syarat yang belum digunakan, yang diberikan oleh atau kepada bank-bank pusat yang lain, pertubuhan antarabangsa, bank dan institusi kewangan lain. Bank Negara Malaysia juga tidak terbabit dalam aktiviti berkaitan opsyen dalam pasaran mata wang asing yang melibatkan ringgit.

PERKEMBANGAN PASARAN PEKERJA

Keadaan pasaran pekerja yang kukuh pada tahun 2007 berterusan hingga separuh pertama tahun 2008, seperti yang dicerminkan oleh bilangan kekosongan jawatan yang lebih tinggi, pemberhentian yang lebih rendah dan pertambahan yang berterusan dalam pekerjaan. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran pekerja mula lemah pada separuh tahun kedua

Jadual 1.22
Penunjuk Terpilih Pasaran Pekerja

	2004	2005	2006	2007	2008*a*
Guna tenaga[1] ('000 orang)	10,463.7	10,892.8	11,159.0	11,398.0	11,524.7
Perubahan tahunan (%)	4.1	4.1	2.4	2.1	1.1
Tenaga kerja[1] ('000 orang)	10,846.0	11,290.5	11,544.5	11,775.1	11,967.5
Perubahan tahunan (%)	4.0	4.1	2.2	2.0	1.6
Jumlah pemberhentian pekerja	19,956	16,109	15,360	14,035	16,469*
Perubahan tahunan (%)	-5.9	-19.3	-4.6	-8.6	17.3
Kadar pengangguran[1] (% daripada tenaga kerja)	3.5	3.5	3.3	3.2	3.7
Pertumbuhan produktiviti pekerja benar[2] (%)	2.5	1.2	3.3	4.1	3.5

[1] Anggaran oleh Unit Perancang Ekonomi
[2] Anggaran oleh Bank Negara Malaysia
* Tidak termasuk 7,564 pekerja yang diberhentikan daripada sebuah syarikat yang diambil alih, dan diambil semula semua pekerja oleh majikan baharu syarikat tersebut
a Anggaran

Sumber: Bank Negara Malaysia
Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Sumber Manusia

apabila sektor perniagaan mula berhati-hati berikutan tekanan kos yang semakin meningkat dan permintaan luar negeri yang merosot akibat krisis kewangan dan ekonomi global yang meruncing. Oleh itu, bagi keseluruhan tahun itu, kadar pengangguran meningkat kepada 3.7% pada tahun 2008 (2007: 3.2%), dengan jumlah guna tenaga meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 1.1% berbanding dengan tenaga kerja (1.6%). Sementara itu, kos pekerja meningkat pada kadar yang lebih perlahan sedikit iaitu 5.9% (2007: 6%), apabila keupayaan majikan untuk menaikkan upah terjejas oleh peningkatan kos dan kelembapan aktiviti ekonomi menjelang akhir tahun.

Rajah 1.28
Keluaran dan Guna Tenaga



a Anggaran
Sumber: Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan pasaran pekerja lemah menjelang akhir tahun

Aktiviti ekonomi yang lebih perlahan terutamanya dalam sektor perkilangan dicerminkan dalam peningkatan bilangan **pemberhentian pekerja.** Pada separuh pertama tahun 2008, ketika permintaan dalam dan luar negeri kukuh, jumlah pemberhentian pekerja hanya sebanyak 5,218 orang (ST1 2007: 8,382 orang). Walau bagaimanapun, kemerosotan ketara permintaan dunia menjelang akhir tahun menjejaskan perniagaan, terutamanya industri berorientasikan eksport, dan menyebabkan syarikat mengambil pelbagai langkah pengurangan kos, termasuk pemberhentian pekerja. Sejumlah 11,251[1] orang telah diberhentikan pada separuh tahun kedua, mengakibatkan jumlah pemberhentian pekerja pada tahun 2008 meningkat kepada 16,469 orang pekerja. Kebanyakan pemberhentian adalah dalam sektor perkilangan (bahagian sebanyak 67%), terutamanya pekerja yang terlibat dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) (29% daripada jumlah pemberhentian pekerja), manakala subsektor perdagangan edaran, hotel dan restoran mencakupi 12% lagi.

Di samping itu, permintaan terhadap pekerja juga kukuh pada separuh tahun pertama. Jumlah **kekosongan jawatan** bertambah 35% bagi tempoh Januari-Jun, dengan bilangan kekosongan yang lebih tinggi di semua sektor. Kekosongan jawatan pada separuh tahun kedua terus meningkat, tetapi pada kadar yang lebih perlahan (23%). Kekosongan jawatan pada suku keempat sebahagiannya disokong oleh penggalakan aktif portal pekerjaan Kementerian Sumber Manusia. Bagi keseluruhan tahun 2008, jumlah kekosongan bertambah 28% kepada kira-kira 1.06 juta kekosongan (2007: 0.8 juta kekosongan), dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan masing–masing merupakan 33% dan 31% daripada jumlah kekosongan.

Rajah 1.29
Pemberhentian Pekerja Mengikut Sektor



[1] Tidak termasuk 7,564 pekerja dari sebuah syarikat yang diambil alih, rentetan pengambilan semula semua pekerja oleh pemilik baharu syarikat

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

[1] Tidak termasuk 7,564 pekerja yang diberhentikan daripada sebuah syarikat yang diambil alih pada separuh tahun kedua, dan diambil semula bekerja oleh pemilik baharu.

Rajah 1.30
Tambahan Guna Tenaga Mengikut Sektor



a Anggaran
Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Walaupun wujudnya kekosongan jawatan yang lebih tinggi, ramai pencari kerja mengalami kesukaran dalam memperoleh pekerjaan, seperti yang dicerminkan oleh penurunan dalam Indeks Pekerjaan MIER dan Indeks Keyakinan Pekerja Jobstreet, masing-masing pada 55.8 mata dan 47.3 mata (2007: masing-masing 113.1 dan 49.6 mata). Selain langkah pengurangan kos, seperti pemberhentian pekerja, syarikat semakin lebih memilih dalam aktiviti pengambilan pekerja. Oleh itu, jumlah **guna tenaga** meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada tahun 2008 (1.1%; 2007: 2.1%), mencerminkan terutamanya pertumbuhan guna tenaga yang lebih perlahan dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan. Sektor perkilangan, yang merupakan majikan kedua terbesar, mula mengurangkan bilangan pekerja sejak pertengahan tahun akibat kemerosotan permintaan global yang melibatkan kedua-dua industri E&E dan juga industri berorientasikan dalam negeri. Guna tenaga dalam sektor perkhidmatan juga bertambah pada kadar yang lebih perlahan, apabila sesetengah syarikat bersikap lebih memilih manakala yang lainnya menangguhkan rancangan pengambilan mereka dan mengurangkan bilangan pekerja apabila keadaan perniagaan menjadi semakin lemah sepanjang tahun 2008. Sementara itu, guna tenaga dalam sektor pembinaan disokong oleh aktiviti yang lebih pesat dalam sektor tersebut. Pertumbuhan guna tenaga dalam sektor pertanian mengalami trend menurun jangka panjang, sebahagian besarnya mencerminkan keutamaan pekerja untuk bekerja di sektor lain, manakala pengambilan pekerja dalam sektor perlombongan pula terjejas oleh aktiviti yang lebih perlahan dalam sektor tersebut.

Pada tahun 2008, jumlah **pekerja asing** yang berdaftar (termasuk ekspatriat) di Malaysia bertambah 0.9% kepada 2.10 juta pekerja. Pekerja asing mencakupi 18% daripada jumlah guna tenaga di Malaysia. Peningkatan pekerja penghijrah adalah pada kadar lebih perlahan sebanyak 0.9% kepada 2.06 juta pekerja (2007: 9.4%) apabila syarikat mengurangkan pengambilan pekerja baharu memandangkan keadaan ekonomi yang makin lemah menjelang akhir tahun. Ekspatriat yang bekerja di negara ini meningkat sebanyak 0.7% kepada 36,794 orang pekerja.

Produktiviti pekerja, sebagaimana yang diukur oleh nilai ditambah benar setiap pekerja, mencatat pertumbuhan pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.5% (2007: 4.1%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam pertumbuhan produktiviti perkilangan (-7.8%). Walau bagaimanapun, ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan pertumbuhan produktiviti perkhidmatan (10.7%). Perolehan dalam produktiviti disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam pelaburan modal, lebih banyak latihan dan penyertaan lebih banyak tenaga kerja berpengetahuan dalam pasaran pekerja. Peningkatan produktiviti pekerja terus

Rajah 1.31
Trend Produktiviti Pekerja



a Anggaran
Sumber: Bank Negara Malaysia
Jabatan Perangkaan, Malaysia

menyokong kenaikan gaji dan pertumbuhan upah. Satu isu yang membimbangkan pada awal tahun itu ialah peningkatan tekanan inflasi akan mendorong kepada kenaikan upah yang lebih tinggi. Bank Negara Malaysia memberikan perhatian rapi dalam membuat penilaian tentang kesan pusingan kedua (second-round effects) sekiranya ada, yang akan mengakibatkan inflasi yang berterusan. Walau bagaimanapun, tiada tanda-tanda menunjukkan kenaikan upah yang berlebihan disebabkan oleh harga yang lebih tinggi. Selain itu, tekanan yang kompetitif turut mengurangkan kemungkinan lingkaran kenaikan upah (wage-price spiral). Kebimbangan mengenai kesan pusingan kedua berkurang apabila tekanan inflasi menurun pada separuh tahun kedua ketika keadaan ekonomi global semakin lemah dan kemerosotan harga komoditi yang ketara. Menurut kaji selidik yang dijalankan oleh Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (Malaysian Employers Federations, MEF), purata **gaji** dalam sektor swasta meningkat 5.9% pada tahun 2008 (2007: 6%), dengan eksekutif menerima kenaikan purata sebanyak 6.1%, manakala bukan eksekutif menerima kenaikan sebanyak 5.7% (2007: masing-masing sebanyak 6.3% dan 5.8%).

PERKEMBANGAN HARGA

Harga Pengguna

Kadar inflasi keseluruhan yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat pada purata 5.4% pada tahun 2008 (2007: 2.0%). Paras inflasi ini ketara lebih tinggi berbanding dengan purata inflasi jangka panjang negara sebanyak 3.0%. Inflasi teras, yang mengukur tekanan harga berasaskan permintaan, juga meningkat pada purata 4.0% pada tahun 2008 (2007: 1.8%).

Rajah 1.32
Inflasi Harga Pengguna



Rajah 1.33
Inflasi Keseluruhan dan Harga Makanan Dunia



Nota: 1. FAO merujuk kepada Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
2. Indeks Harga Makanan FAO terdiri daripada purata wajaran 55 kommoditi makanan yang dianggap mewakili harga makanan dunia oleh pakar FAO.
3. Indeks Harga Bijirin FAO terdiri daripada purata wajaran indeks harga gandum International Grains Council (ICG) dan harga purata 16 sebut harga beras berlainan.

Pada lima bulan pertama tahun itu, inflasi keseluruhan terus mengalami trend menaik yang sederhana sejak tahun 2007 apabila harga makanan dan bahan api global meningkat secara kukuh disebabkan faktor berkaitan penawaran. Walau bagaimanapun, peningkatan inflasi pada tahun 2008, kebanyakannya adalah pada suku ketiga apabila kadar inflasi meningkat dengan mendadak berikutan pelarasan sebanyak 40.4% terhadap harga runcit bahan api pada bulan Jun – yang merupakan pelarasan terbesar sejak tahun 1990, berikutan harga bahan api global mencapai paras tertinggi dalam sejarah. Harga tanda aras minyak mentah West Texas Intermediate (WTI) yang diurus niaga di NYMEX naik kepada paras tertinggi baharu sebanyak USD147.27 setong pada 11 Julai 2008. Akibatnya, kadar inflasi mencatat paras tertinggi kepada 8.5% pada bulan Julai. Walau bagaimanapun, kemelut kewangan global dan inflasi yang lebih tinggi memberikan impak yang negatif terhadap ekonomi benar dengan menjejaskan aktiviti penggunaan dan pelaburan. Penguncupan permintaan global berserta pelupusan pegangan dalam pasaran komoditi menyebabkan harga komoditi merosot dengan ketara dan membolehkan harga bahan

Rajah 1.34
Sumbangan kepada Inflasi



api dan makanan dalam negeri menurun, dengan inflasi dalam negeri menjadi sederhana kepada 4.4% pada bulan Disember.

Mengikut kategori, penyumbang utama kepada inflasi pada tahun 2008 adalah dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* dan *pengangkutan* yang mencakupi 79.7% daripada keseluruhan kenaikan harga dalam negeri pada tahun itu. Inflasi bagi kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* meningkat pada purata 8.8% pada tahun 2008 (2007: 3.0%), dan menyumbang sebanyak 52.2% kepada inflasi keseluruhan pada tahun 2008. Kenaikan harga makanan adalah menyeluruh, dengan semua subkomponen makanan mencatat kadar kenaikan harga yang lebih pantas berbanding dengan tahun sebelumnya. Seperti pada tahun lepas, peningkatan inflasi makanan dalam negeri disebabkan terutamanya oleh harga makanan global yang lebih tinggi, terutamanya harga bijirin. Dari segi purata, harga beras dalam negeri meningkat 25.3% pada tahun 2008 disebabkan hasil tuaian yang rendah yang mengakibatkan kekurangan bekalan di negara pengeksport beras utama, dan menyebabkan berlakunya aktiviti penyimpanan stok yang besar untuk memastikan bekalan makanan terjamin. Secara keseluruhan, kesan daripada harga global kepada harga makanan dalam negeri sedikit sebanyak dikurangkan dengan adanya kawalan harga oleh Kerajaan. Bagi bahan makanan yang tidak tertakluk kepada kawalan harga, kenaikan harga mencerminkan kesan langsung daripada kos pengeluaran dan harga global yang lebih tinggi kepada pengguna. Trend menaik dalam harga makanan dalam negeri bermula pada bulan Ogos 2007 dan meningkat kepada paras tertinggi sebanyak 12.3% pada bulan September 2008. Semenjak itu, trend inflasi harga makanan terus menjadi sederhana.

Inflasi dalam kategori *pengangkutan* meningkat pada purata 8.8% pada tahun 2008 (2007: 2.3%), dan menyumbang 25.9% kepada inflasi dalam negeri. Walaupun harga bahan api global melonjak, inflasi dalam kategori *pengangkutan* secara relatif sederhana pada separuh tahun pertama ekoran harga runcit bahan api dalam negeri yang tidak berubah, disebabkan pemberian subsidi oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pelarasan terhadap harga runcit bahan api dalam negeri pada bulan Jun pada purata 40.4% menyebabkan inflasi dalam kategori

Rajah 1.35
Inflasi Keseluruhan dan Harga Minyak Runcit



Nota: Harga minyak runcit merujuk kepada harga RON 97

pengangkutan meningkat dengan mendadak kepada 19.6% (Mei 08: 0.9%). Impak terhadap inflasi keseluruhan adalah serta-merta, dengan inflasi keseluruhan meningkat kepada 7.7% pada bulan Jun (Mei 08: 3.8%). Walau bagaimanapun, sejajar dengan kejatuhan harga bahan api global, Kerajaan telah menurunkan harga runcit bahan api sebanyak tujuh kali antara bulan Ogos hingga Disember untuk mengakhiri tahun itu pada harga bahan api yang lebih rendah berbanding dengan paras sebelum pelarasan bulan Jun.

Faktor penting lain yang mempengaruhi inflasi keseluruhan pada tahun itu ialah kenaikan tarif elektrik sebanyak 19.4% pada bulan Julai 2008 dan kenaikan 20% duti eksais bagi rokok yang dikenakan pada bulan Ogos. Akibatnya, harga bagi kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* meningkat pada kadar yang lebih pantas sebanyak 1.6% pada tahun 2008 (2007: 1.3%). Walaupun terdapat kenaikan cukai eksais bagi rokok, kategori *minuman alkohol dan tembakau* masih mencatat kadar inflasi yang lebih rendah sebanyak 7.3% pada tahun 2008 (2007: 7.8%), disebabkan kenaikan duti eksais pada tahun 2008 lebih rendah berbanding dengan kenaikan pada tahun 2007. Seperti pada tahun-tahun yang lepas, kenaikan harga keseluruhan sebahagiannya dikurangkan oleh kemerosotan harga dalam kategori *komunikasi* dan *pakaian dan kasut*. Harga bagi kategori *komunikasi* telah mengalami trend menurun sejak tahun 2005, manakala harga bagi kategori *pakaian dan kasut* menurun sejak tahun 1999.

Memandangkan bebanan yang dipikul oleh orang ramai akibat peningkatan mendadak harga makanan dan tenaga pada tahun 2008, Kerajaan memperkenalkan beberapa langkah yang tertumpu pada usaha memastikan bekalan barangan keperluan mencukupi dengan harga berpatutan dan juga mengehadkan bebanan kos yang lebih tinggi terhadap perniagaan, serta pengguna, terutamanya yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah. Bagi mengurangkan impak harga makanan yang tinggi, kawalan harga diperluas bagi merangkumi beras keluaran dalam negeri daripada jenis lain (sebelum ini hanya beras Super Tempatan 15% dikawal), membebaskan pergerakan padi antara negeri dan memulakan kempen penurunan harga dalam kalangan pasar raya besar dan peruncit utama. Bagi mengurangkan kesan harga bahan api yang tinggi, Kerajaan memberikan rebat tunai khusus kepada pemilik kenderaan di bawah kapasiti enjin tertentu dan menaikkan kriteria kelayakan untuk bantuan kebajikan, daripada pendapatan bulanan isi rumah sebanyak RM400 kepada RM720 bagi Semenanjung Malaysia, RM830 bagi Sarawak dan RM960 bagi Sabah.

Di samping itu, Kerajaan juga mengambil beberapa langkah yang bertujuan untuk memastikan bekalan makanan jangka panjang terjamin. Ini termasuk penyimpanan stok bahan makanan keperluan, seperti minyak masak berasaskan minyak sawit, memperuntukkan lebih banyak tanah untuk tujuan pertanian dan memperuntukkan dana di bawah Bajet 2009 untuk menambah baik sistem pengagihan makanan. Pelaburan sebanyak RM35 bilion selama 5 tahun diperuntukkan di bawah Bajet 2009 untuk menambah baik sistem pengangkutan awam yang sedia ada di negara ini.

Harga Pengeluar

Kesan harga komoditi global amat ketara dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR). Inflasi harga pengeluar, yang diukur melalui IHPR, meningkat 8.2% pada tahun 2008 (2007: 6.6%). Pada separuh pertama tahun 2008, inflasi IHPR melonjak dan memuncak pada 14.4% pada bulan Jun. Semenjak itu, inflasi IHPR mula jatuh dengan pesat, mencerminkan harga komoditi global yang menurun. Perkembangan ini jelas kelihatan dalam komponen komoditi IHPR. Bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2008, komponen komoditi IHPR mencatat kadar inflasi dua angka

yang tinggi, memuncak pada 42.5% pada bulan Jun sebelum menurun dengan pantas kepada -10.4% menjelang akhir tahun. Bagi keseluruhan tahun, inflasi dalam komponen komoditi IHPR meningkat pada purata 25.8% (2007: 12.5%). Tidak termasuk komoditi, inflasi IHPR menurun kepada 1.9% pada tahun 2008 (2007: 4.6%).

Dari segi komposisi, inflasi dalam komponen tempatan IHPR meningkat kepada 10.3% pada tahun 2008 (2007: 7.6%). Ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dalam kategori *minyak galian, pelincir dan bahan yang berhubungan, bahan kimia dan produk berkaitan tidak disenarai ditempat lain* dan *barang keluaran kilang dijeniskan mengikut bahan.* Kenaikan harga ini disebabkan terutamanya oleh harga petroleum yang tinggi, yang kemudiannya mendorong kepada kos input yang lebih tinggi bagi keluaran berkaitan petroleum, seperti plastik, polimer, baja dan sabun. Sementara itu, inflasi IHPR dalam komponen yang diimport menjadi sederhana kepada 4.2% (2007: 4.8%). Ini disebabkan sumbangan komoditi yang lebih kecil kepada komponen yang diimport IHPR – komoditi hanya mencakupi 7.2% dalam komponen diimport IHPR berbanding dengan 26.8% dalam komponen tempatan IHPR.

Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dinamik akan dapat menyumbang kepada matlamat pembangunan, termasuk pengagihan sumber yang lebih berkesan, pekerjaan, pembangunan keusahawanan peribumi, pertumbuhan yang saksama dan pembasmian kemiskinan. Oleh yang demikian, potensi ekonomi dalam sektor PKS menjadikan pembangunan PKS sebagai agenda penting Kerajaan. Pada tahun 2008, langkah selanjutnya telah diambil bagi membangunkan sektor PKS yang lebih teguh dan dinamik dengan mengukuhkan infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS, membina kapasiti dan keupayaan, dan meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS.

Profil PKS

Banci Pertubuhan dan Enterpris yang dijalankan pada tahun 2005 (Banci 2005) menyediakan data penting mengenai profil dan prestasi PKS bagi membantu proses perumusan dasar dan strategi yang efektif untuk menyokong pembangunan PKS. Berdasarkan maklum balas daripada sampel kaji selidik yang luas merangkumi 552,804 perusahaan perniagaan, PKS membentuk 99.2% atau 548,267 daripada pertubuhan perniagaan di Malaysia, dan daripada jumlah itu, hampir 80% atau kira-kira 435,300 merupakan perusahaan mikro. Hasil banci ini juga menunjukkan 87% PKS adalah dalam sektor perkhidmatan, diikuti sektor perkilangan sebanyak 7.2% dan sektor pertanian sebanyak 6.2%.

Inisiatif dan Pencapaian Utama Pembangunan PKS pada 2008

Beberapa inisiatif utama telah dilaksanakan pada tahun 2008, yang menggambarkan komitmen Kerajaan yang tinggi ke arah pembangunan PKS:

(i) Agensi Penyelarasan Pusat PKS – Bertindak sebagai Fungsi Sekretariat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan

Pada bulan Ogos 2004, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan[1] (Majlis) telah ditubuhkan sebagai badan penggubal dasar tertinggi bagi pembangunan PKS. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan Bank Negara Malaysia sebagai Sekretariat. Fungsinya antara lain termasuk menyelaraskan dan merumuskan dasar PKS meliputi semua sektor, memantau dan menilai pelaksanaan dan keberkesanan program PKS oleh Kementerian dan Agensi. Sekretariat juga bertindak sebagai pusat rujukan tunggal bagi Kerajaan dan PKS bagi maklumat yang berkaitan dengan pembangunan PKS.

Dalam menjalankan fungsinya sebagai Sekretariat kepada Majlis, inisiatif yang dilaksanakan untuk menyokong pembangunan PKS adalah seperti yang berikut:

a. Memperbaik perumusan dasar, pemantauan dan penilaian

- Penyediaan Rangka Tindakan Pembangunan PKS yang merupakan pelan tindakan dan penilaian tahunan bagi program sektor awam untuk pembangunan PKS; dan
- Penetapan sasaran makro bagi pembangunan PKS 2006 – 2010.

b. Mengukuhkan pembinaan kapasiti dan keupayaan bagi PKS

- Pelantikan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan penubuhan Jawatankuasa Pemasaran PKS untuk menyelaraskan usaha latihan dan pemasaran PKS; dan
- Mengukuhkan khidmat nasihat kewangan melalui penubuhan Laman Informasi Nasihat Khidmat BNM, Pusat Khidmat Nasihat SME Bank dan khidmat nasihat kewangan yang disediakan oleh bank perdagangan.

c. Meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS.

Mengukuhkan penyedia perkhidmatan kewangan melalui:

- Penubuhan SME Bank;
- Transformasi Credit Guarantee Corporation (CGC) untuk memperluas kemudahan jaminan kredit bagi membantu PKS mendapatkan pembiayaan; dan

[1] Terdiri daripada 15 Menteri, Ketua Setiausaha Negara dan tiga Ketua Agensi

- Transformasi Bank Pertanian Malaysia bagi meningkatkan keupayaannya dalam memberikan pinjaman kepada pertanian dan industri asas tani.

Membangunkan produk kewangan baharu untuk PKS:
- Melaksanakan pembiayaan mikro untuk perusahaan mikro;
- Memperkenalkan produk kewangan perdagangan baharu;
- Melancarkan dana modal usaha niaga berjumlah RM300 juta untuk perniagaan pertanian; dan
- Memperkenalkan kemudahan Pembiayaan Projek Luar Negeri berjumlah RM1 bilion.

d. Menambah baik maklumat statistik
- Menyediakan takrifan PKS yang standard;
- Memulakan Banci Pertubuhan dan Enterpris 2005; dan
- Mewujudkan Pangkalan Data PKS Kebangsaan.

e. Menyebarkan maklumat yang menyeluruh
- Menerbitkan Laporan Tahunan PKS mengenai status dan prestasi PKS dan juga program utama bagi pembangunan PKS;
- Mengadakan portal SMEinfo bertujuan menyediakan pusat maklumat setempat untuk PKS; dan
- Mengadakan portal latihan Pembangunan Sumber Manusia (HRD) bertujuan menyediakan maklumat latihan untuk PKS.

Pada bulan Julai 2008, fungsi sekretariat yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia telah diserahkan kepada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Small and Medium Industries Development, SMIDEC), dan akan menjadi SME Corporation Malaysia (SME Corp.), sebuah agensi Kerajaan yang khusus untuk menerajui pembangunan PKS di Malaysia. Agensi yang khusus ini akan menyelaraskan perumusan dasar dan pelaksanaan program PKS di kesemua sektor dan Agensi Kerajaan. Agensi ini juga akan berfungsi sebagai pusat maklumat sehenti, rujukan dan khidmat nasihat bagi semua PKS meliputi semua sektor serta bertindak sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan. SME Corp. disasarkan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2009. Ini menandakan titik perubahan bagi pembangunan sektor PKS yang lebih dinamik, bersaingan dan teguh.

(ii) Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2008

Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2008 yang telah diluluskan oleh Majlis pada 2 Jun 2008, menyediakan penilaian bagi program PKS yang dilaksanakan pada tahun 2007 dan mengenal pasti program yang akan dilaksanakan pada tahun 2008.

Pada tahun 2007, lebih daripada 286,000 PKS telah dibantu menerusi pelaksanaan 189 program utama, yang melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM4.9 bilion. Antara PKS yang dibantu pada tahun 2007 termasuklah 135,000 usahawan wanita dan juga pelajar yang mendapat manfaat daripada program latihan keusahawanan dan teknikal, manakala 4,750 PKS telah disediakan dengan premis perniagaan dan kilang.

Pada tahun 2008, 198 program utama disasarkan untuk dilaksanakan dengan komitmen kewangan sebanyak RM3.2 bilion bagi membantu PKS di kesemua sektor, dalam bidang sokongan infrastruktur, bina upaya dan peningkatan akses kepada pembiayaan. Tumpuan utama program pada tahun 2008 adalah ke arah menggalakkan penglibatan PKS dalam sektor perkhidmatan, pertanian dan asas tani, selaras dengan strategi yang dirumuskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Perindustrian 3.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menangani jurang dalam program pembangunan PKS, perbincangan kumpulan sasaran telah diadakan dengan persatuan perdagangan dan dewan perniagaan yang mewakili PKS. Daripada sesi perbincangan yang diadakan, maklum balas daripada PKS dinilai dan pandangan serta saranan PKS

dibawa kepada pengetahuan Kementerian/Agensi yang berkaitan bagi membantu dalam perancangan dan pelaksanaan masa hadapan.

Penerapan Rangka Kerja Pengurusan Rangka Tindakan PKS oleh Majlis pada tahun 2005 telah menunjukkan manfaat hanya selepas tiga tahun pelaksanaannya. Pendekatan berstruktur dalam Rangka Tindakan telah menghasilkan komitmen yang tinggi daripada Kementerian dan Agensi untuk melaksanakan program pembangunan PKS yang khusus, dan juga mencapai sasaran yang ditetapkan. Kerjasama dan penyelarasan antara Kementerian/Agensi masih menjadi keutamaan Rangka Tindakan bagi memastikan keberkesanan program dan jangkauan (outreach) yang lebih meluas terhadap PKS.

(iii) Laporan Tahunan PKS 2007

Pada 24 Julai 2008, Majlis telah mengeluarkan Laporan Tahunan PKS 2007. Laporan itu merupakan inisiatif penting untuk menyebarkan maklumat berhubung dengan strategi dan program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menyokong pertumbuhan sektor PKS. Laporan itu juga telah memaparkan kisah kejayaan beberapa PKS yang telah mendapat manfaat daripada program Kerajaan.

Meningkatkan Akses Kepada Pembiayaan PKS

Landskap Pembiayaan yang Komprehensif dan Pelbagai bagi PKS

PKS mempunyai 651,563 akaun[1] dengan nilai pembiayaan sebanyak RM138.9 bilion pada akhir tahun 2008

Institusi Perbankan
- **54** bank dengan **4,149** cawangan
- **RM124.8 bilion** pembiayaan terkumpul kepada **550,716** akaun PKS pada akhir tahun 2008
- 2008: **RM54.4 bilion** pembiayaan diluluskan kepada **117,524** akaun PKS

Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)
- **6** IKP dengan **682** cawangan
- **RM14.1 bilion** pembiayaan terkumpul kepada **100,847** akaun PKS pada akhir tahun 2008
- 2008: **RM4.8** bilion pembiayaan diluluskan kepada **31,220** akaun PKS

Modal Usaha Niaga[3]
- **56** syarikat modal usaha niaga
- **RM1.9 bilion** pelaburan terkumpul dalam **450** syarikat pada akhir tahun 2008
- 2008: **RM477 juta** dilaburkan

Pemajakan dan Pemfaktoran
- **RM1.8 bilion** pembiayaan terkumpul pada akhir tahun 2008
- 2008: **RM556 juta** diluluskan

Pembiayaan oleh Institusi Perbankan dan Institusi Kewangan Pembangunan termasuk:

5 Dana Khas Bank Negara Malaysia
- **RM18.1 bilion** pembiayaan diluluskan kepada **37,438** akaun PKS
- **RM7.6 bilion** jumlah pembiayaan terkumpul pada akhir tahun 2008
- 2008: **RM2.1 bilion** diluluskan kepada **3,758** akaun PKS

2 Skim Pembiayaan dengan Kemudahan Jaminan
- Ogos-Disember 2008: **RM1.1 bilion** diluluskan kepada **4,923** akaun PKS

114 Dana dan Skim Kerajaan[2]
- **RM100.3 bilion** diluluskan kepada **1.5 juta** akaun PKS pada akhir tahun 2008
- **RM9.7 bilion** jumlah pembiayaan terkumpul pada akhir tahun 2008
- 2008: **RM14.7 bilion** diluluskan kepada **267,929** akaun PKS

Skim Penyelesaian Hutang Kecil
- Sejak penubuhan skim ini, penyusunan semula NPL bagi **627** PKS berjumlah **RM373 juta**
- 2008: Penyusunan semula NPL bagi **62** PKS berjumlah **RM49 juta**

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad
- Menjamin **RM42.1 bilion** pembiayaan kepada **384,033** akaun PKS sejak tahun 1972
- Menjamin **RM15.6 bilion** pembiayaan terkumpul kepada **94,354** akaun PKS pada akhir tahun 2008
- 2008: Menjamin **RM3.0 bilion** pembiayaan kepada **10,368** akaun PKS

Nota 1: Terdiri daripada akaun yang disenggarakan dengan institusi perbankan dan IKP

Nota 2: Hanya sebahagian daripada dana dan skim Kerajaan dikeluarkan melalui IKP. Sumber daripada SMIDEC

Nota 3: Sumber daripada Suruhanjaya Sekuriti

Pelbagai sumber pembiayaan telah disediakan untuk PKS. Antaranya termasuk pembiayaan daripada institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan, syarikat pemajakan dan pemfaktoran, dan juga syarikat modal usaha niaga. Selain itu, banyak skim pembiayaan telah diwujudkan oleh Kerajaan. Institusi perbankan masih merupakan sumber pembiayaan terbesar bagi PKS, mencakupi 90% daripada pembiayaan terkumpul PKS bagi institusi kewangan[2] pada akhir tahun 2008.

Pembiayaan Terkumpul PKS oleh Institusi Kewangan



Institusi kewangan terus menyokong keperluan pembiayaan PKS pada tahun 2008. Meskipun menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar, pembiayaan terkumpul PKS bagi institusi kewangan berkembang 8.6% kepada RM138.9 bilion pada akhir tahun 2008 (akhir tahun 2007: 8.8%; RM128 bilion). Pembiayaan kepada PKS merupakan 42.3% daripada jumlah pembiayaan perniagaan bagi institusi kewangan pada akhir tahun 2008 (akhir tahun 2007: 44%).

Sumbangan Sektor kepada Peningkatan dalam Pembiayaan Terkumpul PKS



Pembiayaan Terkumpul Mengikut Sektor Utama (% Perubahan tahunan)



Mengikut sektor, sektor perkhidmatan terus mendorong pertumbuhan pembiayaan pada tahun 2008, menyumbang 72% kepada peningkatan pembiayaan terkumpul PKS pada tahun 2008. Kekukuhan sektor perkhidmatan dan pertanian mengimbangi sumbangan yang lebih rendah daripada sektor perkilangan dan pembinaan. Pembiayaan kepada sektor pertanian

[2] Merujuk kepada institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan

utama mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 16.3% pada tahun 2008 (2007: 5.5%). Kadar pertumbuhan pembiayaan kepada sektor perkilangan dan pembinaan menjadi perlahan, menunjukkan permintaan terhadap pembiayaan yang berkurang daripada sektor ini.

Kemajuan Inisiatif Utama untuk Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan bagi PKS
Usaha untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS terus tertumpu pada empat bidang utama: (i) mengukuhkan infrastruktur kewangan bagi PKS; (ii) meningkatkan dan membangunkan insentif dan skim pembiayaan bagi PKS; (iii) mengukuhkan penyedia perkhidmatan kewangan; dan (iv) meningkatkan penyediaan khidmat nasihat bagi PKS. Tujuannya adalah supaya PKS pada pelbagai peringkat pertumbuhan berupaya mendapatkan akses kepada pembiayaan yang mencukupi.

(i) Mengukuhkan Infrastruktur Kewangan

a. Pembangunan Industri Pembiayaan Mikro yang Teguh dan Mampan

Hasil Banci 2005 menunjukkan kira-kira 80% PKS di Malaysia ialah perusahaan mikro, dan kebanyakannya pula bergantung pada sumber kewangan sendiri. Menyedari hakikat ini, Majlis pada tahun 2006 telah meluluskan rangka kerja keinstitusian pembiayaan mikro yang menyeluruh, yang terdiri daripada institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan dan koperasi kredit, untuk membangunkan industri pembiayaan mikro yang mampan.

Bagi mewujudkan kesedaran awam yang lebih meluas tentang ketersediaan dan manfaat pembiayaan mikro, logo Pembiayaan Mikro kebangsaan telah dilancarkan pada bulan September 2007. Institusi kewangan peserta telah mempamerkan logo dan piagam pelanggan bagi pembiayaan mikro untuk menyatakan komitmen dalam penyediaan perkhidmatan pembiayaan mikro yang mudah, cepat dan senang. Pada akhir tahun 2008, lebih daripada 1,500 tempat akses pembiayaan mikro telah mempamerkan logo tersebut. Pelanggan pembiayaan mikro yang mendapat pembiayaan mikro juga digalakkan mempamerkan logo tersebut di premis perniagaan mereka. Bank Negara Malaysia juga telah memulakan inisiatif komersial melalui televisyen tentang pembiayaan mikro pada bulan November 2008. Selain itu, risalah mengenai maklumat pembiayaan mikro telah diedarkan di beberapa lokasi yang strategik.

Hasil daripada usaha untuk menggalakkan pertumbuhan industri pembiayaan mikro, sembilan institusi kewangan kini menawarkan produk pembiayaan mikro di bawah skim Pembiayaan Mikro, yang menyediakan akses kepada pembiayaan mikro untuk aktiviti perniagaan perusahaan mikro. Pada akhir tahun 2008, pembiayaan mikro terkumpul bagi sembilan institusi kewangan Pembiayaan Mikro berjumlah RM478 juta (kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 113%), memanfaatkan 45,179 pelanggan pembiayaan mikro (kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 98%).

b. Biro Kredit PKS

Hasil Banci 2005 menunjukkan bahawa antara masalah utama yang dihadapi PKS untuk mendapatkan pembiayaan ialah ketiadaan rekod prestasi kewangan. Untuk menangani isu ini, Biro Kredit PKS telah ditubuhkan melalui perkongsian strategik antara CGC dengan Dun & Bradstreet, penyedia maklumat kredit global utama bagi PKS.

Biro ini yang mula beroperasi pada bulan Julai 2008, berfungsi sebagai bank data kredit dengan menyediakan data tentang PKS kepada institusi kewangan dan pemberi kredit perdagangan. Ini termasuk data yang diperoleh daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Sistem Maklumat Cek Tak Laku (DCHEQS) dan data perdagangan PKS. Melalui operasinya, Biro akan membantu PKS

mewujudkan rekod prestasi yang baik, dan seterusnya membina kebolehpercayaan, yang boleh meningkatkan prospek PKS untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan. Biro ini juga menyediakan penarafan kredit kepada PKS yang diharap dapat menggalakkan amalan pengurusan kewangan berhemat dan kukuh dalam kalangan PKS. Penarafan akan membantu PKS mengenal pasti bidang yang mempunyai kelemahan bagi membolehkan PKS memulakan tindakan pemulihan yang sewajarnya dan memperbaik operasi mereka. Institusi kewangan juga boleh mendapat akses kepada maklumat kredit PKS dengan efisien dan tepat pada masanya, seterusnya membolehkan keputusan yang lebih cepat dan tepat dapat dibuat terhadap permohonan pinjaman.

Dalam tempoh lima bulan beroperasi, Biro berjaya mendapat keanggotaan daripada 37 institusi kewangan dan hampir 18,000 PKS. Lebih daripada 3,400 laporan telah dikeluarkan dalam tempoh tersebut. Biro kini dikendalikan oleh SME Credit Bureau (M) Sdn. Bhd. dan PKS boleh mendaftar sebagai anggota Biro di www.smecreditbureau.com.my.

c. Skim Penyelesaian Hutang Kecil

Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Skim Penyelesaian Hutang Kecil pada tahun 2003 untuk memudahkan penyusunan semula dan penjadualan semula pinjaman tak berbayar (NPL) dan pembiayaan tak berbayar (NPF) bagi PKS yang masih menjalankan perniagaan. Pada akhir tahun 2008, 808 permohonan dengan NPL/NPF berjumlah RM563 juta telah diterima. Daripada bilangan tersebut, 627 permohonan yang melibatkan NPL/NPF berjumlah RM373 juta telah diluluskan untuk penyusunan semula atau penjadualan semula, manakala RM18 juta pembiayaan baharu telah diluluskan kepada 37 PKS. Penyusunan semula dan penjadualan semula NPL/NPF akan terus menjadi aspek penting dalam menyokong daya maju dan kemampanan PKS yang mengalami kesulitan kewangan. Bagi meluaskan lagi jangkauan untuk penyelesaian hutang, Bank Negara Malaysia telah menambahkan penyertaan institusi kewangan peserta dengan melibatkan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Pertanian Malaysia Berhad dan Export-Import Bank of Malaysia Berhad pada bulan Januari 2008.

(ii) Meningkatkan dan membangunkan insentif dan skim pembiayaan untuk PKS

Memandangkan 99.2% pertubuhan perniagaan di Malaysia ialah PKS, akses kepada pembiayaan yang mencukupi sangat penting bagi membolehkan PKS menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara. Bank Negara Malaysia telah mengadakan beberapa inisiatif pada tahun lepas untuk menangani jurang pembiayaan dan memastikan PKS yang berdaya maju terus mempunyai akses kepada pembiayaan yang mencukupi. Antara inisiatif yang diambil ialah:

a. Kemudahan Bantuan PKS dan Kemudahan Pemodenan PKS

Pada bulan Ogos 2008, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan dua kemudahan pembiayaan berjumlah RM1.2 bilion: Kemudahan Bantuan PKS dan Kemudahan Pemodenan PKS. Kemudahan Bantuan PKS telah ditubuhkan bagi membantu PKS berdaya maju yang menghadapi masalah aliran tunai yang sementara disebabkan oleh kos yang meningkat pada suku ketiga 2008. PKS yang layak boleh menikmati kadar faedah serendah 4% setahun, dengan itu PKS dapat menguruskan kewangan mereka dengan lebih fleksibel dalam tempoh yang mencabar ini. Begitu juga, Kemudahan Pemodenan PKS ditubuhkan untuk memberikan insentif kepada PKS memodenkan operasi mereka, terutamanya untuk membeli atau menaik taraf jentera dan kelengkapan, termasuk kelengkapan yang menjimatkan tenaga, yang dapat mengurangkan kos kendalian dalam tempoh jangka panjang. Prestasi dan permintaan terhadap kemudahan tersebut sangat menggalakkan. Pada akhir tahun 2008, institusi kewangan peserta telah meluluskan 4,923 permohonan berjumlah RM1.1 bilion.

b. Dana Perusahaan Mikro

Pada bulan November 2008, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Dana Perusahaan Mikro (Micro Enterprise Fund, MEF) berjumlah RM200 juta bagi memastikan perusahaan mikro berdaya maju mempunyai akses kepada pembiayaan yang berterusan dalam keadaan persekitaran perniagaan semasa yang mencabar. Dana tersebut dapat diperoleh menerusi sembilan institusi kewangan peserta dalam skim Pembiayaan Mikro. Institusi kewangan peserta akan menetapkan kadar pinjaman atau pembiayaan yang akan dikenakan dan permohonan tertakluk kepada proses kelulusan kredit yang biasa bagi institusi kewangan peserta. Dana ini disediakan untuk perusahaan mikro yang mempunyai perniagaan yang berdaya maju mulai 5 November 2008 hingga 31 Disember 2009. Pada akhir tahun 2008, RM4.2 juta telah diluluskan untuk 241 perusahaan mikro di bawah MEF. Dijangkakan lebih banyak lagi perusahaan mikro akan mendapat manfaat daripada penyediaan dana ini.

c. Skim Bantuan Jaminan PKS

Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Skim Bantuan Jaminan PKS berjumlah RM2 bilion pada Januari 2009, bagi memastikan PKS berdaya maju yang terjejas akibat kelembapan ekonomi semasa terus mempunyai akses kepada pembiayaan yang mencukupi. Dengan perlindungan jaminan, akses kepada pembiayaan boleh diberikan pada kos yang lebih rendah kepada PKS yang berdaya maju.

PKS yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM500,000 dan dengan tempoh pembiayaan sehingga lima tahun. CGC akan menyediakan 80% perlindungan jaminan bagi pembiayaan yang diluluskan di bawah Skim ini. Perlindungan jaminan akan disediakan tanpa bayaran dan kos jaminan akan ditanggung sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia. Skim ini boleh diperoleh di semua bank perdagangan dan bank Islam, SME Bank, Agrobank, Bank Rakyat, EXIM Bank dan Bank Simpanan Nasional. Institusi kewangan peserta akan menetapkan permohonan kadar pinjaman atau kadar pembiayaan dan permohonan tertakluk kepada proses kelulusan kredit yang biasa bagi institusi kewangan peserta. Skim ini disediakan mulai 3 Februari 2009 hingga 31 Disember 2009, atau apabila had pembiayaan RM2 bilion telah digunakan sepenuhnya.

d. Rasionalisasi Dana PKS Kerajaan

Bagi meningkatkan keberkesanan 111 dana Kerajaan untuk PKS, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan bersetuju supaya Unit Perancangan Ekonomi (EPU) menjalankan kajian untuk menganalisis keberkesanan dana tersebut. Antara objektif khusus kajian ialah menyediakan cadangan bagi penyelarasan dana dengan sewajarnya; dan mencadangkan kaedah dan mekanisme baharu bagi menyalurkan dana Kerajaan untuk PKS. Prinsip panduan bagi proses ini ialah meningkatkan kecekapan mekanisme bagi menyalurkan pembiayaan kepada PKS, sambil memastikan PKS yang layak mendapatkan dana di bawah mekanisme sedia ada tidak terjejas. Selain itu, pemberian pinjaman kepada PKS oleh Kerajaan seharusnya tidak menjejaskan amalan kredit yang baik.

Jawatankuasa khas yang diketuai oleh Ketua Pengarah EPU dan terdiri daripada wakil-wakil Kementerian dan Agensi yang berkaitan telah ditubuhkan untuk menyelia kajian dan mengemukakan saranan kepada Kerajaan.

(iii) Mengukuhkan Penyedia Perkhidmatan Kewangan

a. Transformasi Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC)

Bagi membantu meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan PKS yang berdaya saing, CGC telah memulakan usaha transformasi pada tahun 2005. Rancangan tiga

tahun telah disusun untuk mempertingkatkan peranan CGC daripada sebuah penyedia jaminan kredit tradisional kepada sebuah institusi yang lebih berkesan dan mapan dari segi kewangan, yang mampu memberikan perkhidmatan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan semasa PKS yang sentiasa berubah, melalui penyediaan pelbagai produk dan perkhidmatan.

Pada tahun 2008, CGC memberikan tumpuan pada usaha mewujudkan infrastruktur yang perlu bagi mengurangkan pergantungan pada bantuan kewangan daripada Kerajaan dan dengan itu dapat mencapai kemapanan kewangan. CGC telah beralih kepada pasaran modal untuk memperoleh dana, memperkenalkan strategi pelaburan yang lebih dinamik dan meningkatkan pengurusan kualiti pinjaman. CGC juga telah mewujudkan model perniagaan yang baharu yang akan dilaksanakan pada separuh kedua 2009.

Sejak penubuhannya pada tahun 1972, CGC telah menjamin pembiayaan yang bernilai lebih daripada RM40 bilion kepada lebih daripada 385,000 PKS yang tidak mempunyai cagaran yang mencukupi.

b. Transformasi Bank Pertanian Malaysia

Pada tahun 2008, Bank Pertanian Malaysia telah dijenamakan semula dan dinamakan sebagai Agrobank untuk menambah daya tarikan kepada jumlah pelanggan terasnya. Pengkorporatan Agrobank dengan kedudukan modalnya yang lebih kukuh telah beroperasi sejak bulan April 2008. Dengan keupayaan keinstitusian dan kewangan yang lebih kukuh, Agrobank diharapkan dapat memainkan peranan penting dan berkesan dalam menyokong dan mempromosikan pembangunan sektor pertanian dan asas tani, melalui penyediaan produk dan perkhidmatan kewangan serta khidmat nasihat yang lebih pelbagai dan lebih inovatif bagi memenuhi keperluan pembiayaan dan pembangunan sektor tersebut. Agrobank kini sedang memulakan beberapa langkah penambahbaikan bagi mengukuhkan kapasiti dan keupayaannya, terutamanya dalam bidang pembangunan produk, pengurusan risiko dan peningkatan sistem teknologi maklumat.

(iv) Mengukuhkan Penyediaan Khidmat Nasihat Kewangan

Inisiatif juga telah diambil bagi memastikan infrastruktur khidmat nasihat kewangan yang menyeluruh disediakan bagi membantu PKS. PKS boleh menggunakan pelbagai saluran yang disediakan untuk menyalurkan pertanyaan, aduan dan mendapatkan bantuan bagi memulihkan perniagaan yang bermasalah. Bank Negara Malaysia menyediakan perkhidmatan ini melalui:

a. BNMLINK

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia (BNMLINK) terus menyediakan khidmat nasihat kewangan kepada PKS melalui bidang berikut:

- Maklumat tentang pelbagai sumber pembiayaan yang sedia ada untuk PKS;
- Bantuan bagi memudahkan proses permohonan pembiayaan; dan
- Nasihat tentang keperluan dan masalah kewangan PKS.

Pada akhir tahun 2008, bilangan pertanyaan dan bantuan daripada PKS berjumlah 12,880, mencerminkan kesedaran yang berterusan dalam kalangan PKS tentang khidmat yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia. Daripada jumlah ini, 83% ialah pertanyaan terutamanya mengenai dana khas yang disediakan oleh Kerajaan dan nasihat tentang perkara berkaitan pembiayaan, manakala yang selebihnya merupakan permintaan untuk khidmat bantuan, terutamanya tentang penyusunan semula pinjaman dan pinjaman yang ditolak.

b. BNMTELELINK

Bagi melengkapkan perkhidmatan kaunter setempat yang ditawarkan oleh BNMLINK, BNMTELELINK, iaitu Pusat Perhubungan Bank Negara Malaysia yang khusus telah dilancarkan pada tahun 2007. BNMTELELINK memudahkan orang ramai termasuk PKS mengajukan pertanyaan dan aduan kepada Bank Negara melalui telefon, atau secara bertulis melalui faks, e-mel atau pos. BNMTELELINK boleh dihubungi di:

Tel.: 1300 88 5465
Faks: 03 – 2174 1515 / 03 – 2174 1616
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Selain perkhidmatan Bank Negara Malaysia seperti di atas, khidmat nasihat kewangan juga disediakan kepada PKS oleh semua bank perdagangan melalui Unit PKS masing-masing; SME Bank melalui Pusat Khidmat Nasihat (SAC); dan CGC melalui perunding panel Entiti Khidmat Nasihat Perniagaan (BASE). Persatuan Bank-bank Malaysia (ABM) juga telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan komunikasi dengan persatuan perniagaan,dewan perniagaan dan orang ramai bagi meningkatkan kesedaran tentang akses kepada penggunaan bagi produk dan perkhidmatan kewangan. ABM telah melancarkan perkhidmatan bebas tol di 1300-88-9980 untuk melayan pertanyaan dan aduan tentang isu yang berkaitan dengan industri perbankan dan kebimbangan orang ramai berhubung dengan kredit.